

Jilid IV
Bil. 46



Hari Rabu
16hb November, 1994

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

House of Representatives


PARLIMEN KELAPAN

Eighth Parliament

PENGGAL KEEMPAT

Fourth Session

Jilid IV
Bil. 46



Hari Rabu
16hb November, 1994

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
House of Representatives

PARLIMEN KELAPAN
Eighth Parliament

PENGGAL KEEMPAT
Fourth Session

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 7381]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 1995 [Ruangan 7414]

USUL-USUL:

Anggaran Pembangunan 1995 [Ruangan 7414]

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang bebaskan daripada Peraturan Mesyuarat
[Ruangan 7505]



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
CAWANGAN KUALA TERENGGANU
1999

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELAPAN

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEEMPAT

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,
P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR.
MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J.,
D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S.
(Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, DATO' SERI ANWAR
BIN IBRAHIM, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K.
(Permatang Pauh).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR. LING LIONG SIK, D.G.S.M.,
S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' SERI S. SAMY VELLU,
S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR. LIM KENG YAIK, S.P.M.P.,
D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Kerja Raya, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S.
(Kanowit).

„ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFIDAH
AZIZ, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Pendidikan, DATUK AMAR DR. HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD,
S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, S.S.S.A., D.G.S.M.,
D.S.D.K., S.M.K. (Jerlun—Langkawi).

„ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna,
DATO' HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.S., S.M.T.,
P.I.S. (Kuala Selangor).

„ Menteri Kesihatan, DATO' LEE KIM SAI, D.S.S.A., P.P.N. (Hulu Langat).

„ Menteri Pertahanan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL
RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S.,
D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan).

„ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P.,
S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulau).

- Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- „ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR. MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, S.P.M.T., D.S.S.A., D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Besut).
- „ Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK LAW HIENG DING, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR. TING CHEW PEH, D.P.M.P. (Gopeng).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Undang-undang, DATO' SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi).
- „ Menteri Luar Negeri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas).
- „ Menteri Belia dan Sukan, TUAN HAJI ABDUL GHANI BIN OTHMAN, S.M.J. (Ledang).
- „ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATUK OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K., J.P. (Penampang).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT, S.M.S. (Ampang Jaya).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN, (Kinabatangan).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA, S.M.J. (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.S.S.A., D.I.M.P. (Jerantut).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR. SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATUK RAILEY BIN HAJI JAFFREY, P.G.D.K., J.M.N. (Silam).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S, K.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR. LEO MICHAEL TOYAD, J.B.S. (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' DR. ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR. SULEIMAN BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Titiwangsa).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' MOHAMED FARID BIN ARIFFIN, D.S.P.N., P.J.K. (Balik Pulau).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, DATO' TENG GAIK KWAN, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN PETER CHIN FAH KUI, P.B.S, A.B.S. (Miri).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, TUAN KERK CHOO TING (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' HAJI TENGGU MAHMUD BIN TENGGU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOHD. YASIN BIN KAMARI, A.M.N., P.D.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan, DATUK DR. FONG CHAN ONN, D.M.S.M. (Selandar).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR. HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI OTHMAN, D.S.D.K., S.M.J., K.M.N., P.P.T. (Sik).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' CHAN KONG CHOY, D.S.A.P., D.P.M.S. (Lipis).
- „ Timbalan Menteri Sumber Manusia, DATO' M. MAHALINGAM, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Kapar).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DR. T. MARIMUTHU, K.M.N., S.D.K. (Telok Kemang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' ABDUL RAMAN BIN SULIMAN, D.P.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL, A.M.P., P.P.T. (Pendang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, DATO MOHAMED BIN JAMRAH, D.P.M.P., A.M.P., P.P.T., J.P. (Bagan Datok).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, DATO' ISMAIL BIN SAID, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' MOHD. NOH BIN RAJAB, D.S.N.S. (Tampin).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, DATUK MOHD. SHARIFF BIN HAJI OMAR, D.S.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri, TUAN ONG KA TING (Pontian).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI FAUZI BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DATO' K. KUMARAN, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tapah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATUK S. S. SUBRAMANIAM, D.P.M.S., J.S.M., P.J.K., A.M.S. (Segamat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, DATO' DR. AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ TUAN ABDOL MULOK BIN AWANG DAMIT (Labuan).
- „ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).

Yang Berhormat TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

- .. TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).
- .. TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut).
- .. DATUK HAJI ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).
- .. TUAN ABDUL MALEK MUNIP (Muar).
- .. DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan).
- .. TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).
- .. TUAN AHMAD BIN NOR (Bayan Baru).
- .. TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).
- .. TUAN AHMAD SHUKRI BIN HAJI HASSAN (Machang).
- .. DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., J.S.M., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- .. DATU AMIR KAHAR BIN TUN DATU MUSTAPHA (Marudu).
- .. TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- .. TUAN HAJI BADRUDDIN BIN AMIRULDIN, B.K.M., P.J.K. (Jerai).
- .. DATUK HAJI BASRI BIN BAJURI, D.S.S.A., K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- .. TUAN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang).
- .. TUAN HAJI BUNYAMIN BIN YAAKOB (Bachok).
- .. TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- .. TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar).
- .. TUN DAIM ZAINUDDIN, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok).
- .. DR. V. DAVID (Puchong).
- .. TUAN FONG KUI LUN (Klang).
- .. TUAN FOO PIEW KOK (Batu Gajah).
- .. TUAN GEORGE SANGKIN (Bandau).
- .. TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- .. TUAN HAJI HAMZAH BIN HAJI MOHAMED ZAIN (Tasek Chenderoh).
- .. TUAN HARRISON NGAU LAING (Baram).
- .. DATUK HAJI IBRAHIM BIN ALI, D.M.S.M. (Pasir Mas).
- .. TUAN HAJI IBRAHIM BIN JENDOL, P.J.K. (Alor Gajah).
- .. TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).

Yang Berhormat TUAN IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah).

- „ CHE IBRAHIM BIN MUSTAFA (Sungai Petani).
- „ LT. KOL. (B) IBRAHIM BIN SAREH (Jelebu).
- „ PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO HAJI ISAHAK (Kota Bharu).
- „ TUAN HAJI ISHAK BIN ARSHAD (Kangar).
- „ DATO' DR. HAJI JAMALUDDIN BIN HAJI MOHD. JARJIS, D.I.M.P. (Rompin).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JOSEPH MAUH ANAK IKEH (Selangau).
- „ TUAN KANG CHOW OH (Kluang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KERK KIM HOCK (Pasir Pinji).
- „ DR. KUA KIA SOONG (Petaling Jaya).
- „ TUAN LAI LUNG TZEE (Sandakan).
- „ TUAN LAU DAK KEE (Ipoh).
- „ TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM HOCK SENG (Bagan).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LIM LAY HOON (Padang Serai).
- „ DATIN LING CHOOI SIENG (Lumut).
- „ TUAN HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM (Sabak Bernam).
- „ DATUK MAIDOM P. PANSAI (Kota Belud).
- „ TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- „ TUAN MICHAEL LISA KAYA @ GOR KAYA (Bukit Mas).
- „ DATO' HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, D.I.M.P., P.J.K. (Maran).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED KAMAL BIN HUSSAIN (Lembah Pantai).
- „ TUAN MOHAMED KHALED BIN NORDIN (Johor Bahru).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ DATO' HAJI MOHD. SHARIF BIN JAJANG, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sepang).

Yang Berhormat TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).

- „ DATO' HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P. (Larut).
- „ DATUK MONGGOH OROW, P.G.D.K., K.M.N., A.D.K. (Tuaran).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.K., K.C.R.L., K.S.T.J., O.B.E. (Limbawang).
- „ TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).
- „ DR. NAWAWI BIN MAT AWIN (Tambun).
- „ DATUK NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN ONG TIN KIM (Telok Intan).
- „ DR. OSMAN MINUDIN (Kinabalu).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ TUAN G. PALANIVEL (Hulu Selangor).
- „ DR. PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ DATUK DOMINIC JOSEPH PUTHUCHEARY, P.G.D.K., A.S.D.K. (Nibong Tebal).
- „ DATO' HAJI QAMARUZ ZAMAN BIN HAJI ISMAIL, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai).
- „ TUAN RADIN MALLEH (Padas).
- „ DATIN PADUKA HAJAH RAKIBAH BINTI HAJI ABDUL MANAP, D.S.S.A., A.M.N., P.J.K. (Shah Alam).
- „ MULIA TENGGU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (Serian).
- „ PUAN ROHANI BINTI ABD. KARIM (Santubong).
- „ TUAN RUHANIE BIN HAJI AHMAD (Parit Sulong).
- „ TUAN SAIDIN @ YUSOF BIN ADAM (Tanjong Karang).
- „ TAN SRI DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, P.S.M., P.G.D.K., S.P.D.K., J.P., A.D.K. (Semporna).
- „ DR. SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ CIK SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ TUAN HAJI SUKRI BIN HAJI MOHAMED (Kok Lanas).
- „ TUAN TAIMIN BIN LUMAING (Pensiangan).

Yang Berhormat DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Sri Aman).

- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ DR. TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN WAHAB BIN SUHAILI (Batang Sadong).
- „ WAN HANAFIAH BIN WAN MAT SAMAN (Kota Setar).
- „ WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR (Batang Lupar).
- „ TUAN HAJI WAN MOHD. JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat).
- „ WAN OMAR BIN WAN MAJID (Pasir Puteh).
- „ TUAN WEE CHOO KEONG (Bukit Bintang).
- „ DATUK AMAR JAMES WONG KIM MIN (Bintulu).
- „ TUAN JASON WONG SING NANG (Lanang).
- „ TUAN WONG WING ON (Kampar).
- „ TUAN WOON SEE CHIN, S.M.J., A.M.N., P.I.S. (Senai).
- „ TUAN VUN SHIN CHOI @ JOSEPH VOON (Tanjong Aru).
- „ TUAN GEOFFREY YEE LING FOOK (Tawau).
- „ TUAN YIM CHEE CHONG (Seremban).
- „ TUAN PHILIP YONG CHIEW LIP (Gaya).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat : Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Ali,
D.P.M.T., A.M.N., P.J.K., A.M.S., S.M.T., A.S.D.K.

Pemangku Ketua Penolong Setiausaha : Abdullah bin Abdul Wahab

Penolong Setiausaha Kanan : Zamani bin Haji Sulaiman.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penolong Penyunting : Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Haji Suhor bin Husin.
Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop.
Supiah binti Dewak.
Ismail bin Haji Hassan.
Hajah Kelsom binti Ghazali.
Mohamed bin Osman.
Norishah binti Mohd. Thani.
Zaharah binti Naim.
Su Soon Chuan.
Norwahidah binti Azizi.
Rozita binti Abd. Samad.
Jainah binti Sakimin.
Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop.

BENTARA MESYUARAT

Lt. Kol. (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Rabu, 16hb. November, 1994

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAANSKIM PEMBANGUNAN VENDOR
— PENGLIBATAN SYARIKAT
BUMIPUTERA

1. **Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan:

- (a) jumlah usahawan bumiputera yang telah diwujudkan melalui Skim Pembangunan Vendor;
- (b) bilangan syarikat anchor yang terlibat dan sektor industri yang diberikan tumpuan dalam pembangunan program ini; dan
- (c) keberkesanan program ini dalam menghasilkan usahawan bumiputera yang berdaya saing.

30.11.94

20. **Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Haji Mohd. Jarjis** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan tentang berapakah bilangan

dan jumlah pelaburan syarikat IKS bumiputera dan syarikat bukan bumiputera yang telah diwujudkan berikutan dengan beberapa MOU yang telah ditandatangani di bawah sistem "Vendors".

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Tuan Chua Jui Meng): Tuan Yang di-Pertua, saya memohon untuk menjawab sekali gus pertanyaan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sungai Benut pada hari ini serta pertanyaan dari Ahli Yang Berhormat dari Rompin pada 30hb. November tahun ini. Ini adalah disebabkan pertanyaan-pertanyaan tersebut adalah mengenai perkara yang sama.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Baiklah.

Tuan Chua Jui Meng: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Bermula dari tahun 1988 sehingga 15hb. November 1994, sebanyak 59 syarikat IKS bertaraf Bumiputera telah diwujudkan melalui Skim Pembangunan Vendor.

- (b) Pada masa yang sama, sebanyak 43 buah syarikat-syarikat besar dan multinational telah dilantik sebagai syarikat anchor dalam Program Pembangunan Vendor di

bawah MITI. Sektor-sektor industri yang diberi tumpuan dalam Program Pembangunan Vendor ini adalah seperti berikut:

- (i) Automotif;
 - (ii) Elektrik dan Elektronik;
 - (iii) Kejuruteraan Ringan;
 - (iv) Industri berasaskan plastik;
 - (v) Industri berasaskan getah; dan
 - (vi) Industri berasaskan kayu.
- (c) Keberkesanan program ini dalam pembangunan usahawan Bumiputera yang berdaya saing dapat dilihat dari segi aspek-aspek berikut:
- (i) Penglibatan usahawan bumiputera tidak terhad dalam sektor yang tradisional seperti pengeluaran makanan dan perabot, komponen berasaskan plastik dan logam sahaja, tetapi turut menceburi sektor-sektor yang strategik seperti pengeluaran komponen automotif, elektrik dan elektronik, "precision metal stamping", "precision plastic moulding", "die attached wire bond", dan "autoinsertion and surface mounting technology".
 - (ii) Sokongan berterusan dari syarikat anchor kepada syarikat vendor dalam bentuk latihan, bimbingan dan bantuan teknikal kepada usahawan yang terlibat untuk menentukan keupayaan pengeluaran mereka akan sentiasa memenuhi keperluan syarikat-syarikat anchor.

- (iii) Usahawan-usahawan bumiputera dalam program ini bukan sahaja dapat menerokai pasaran dan menikmati kemudahan teknikal, tetapi juga memperoleh kemudahan kewangan dalam bentuk pinjaman mudah dan pinjaman komersial daripada institusi kewangan.
- (iv) Program ini yang dilaksanakan secara bersepadu dengan lain-lain agensi turut memberi manfaat kepada usahawan bumiputera terutama dalam memperoleh kemudahan tapak kilang dan infrastruktur perindustrian yang berdekatan dengan syarikat-syarikat anchor dan lain-lain syarikat besar.
- (v) Usahawan-usahawan dalam program ini bukan sahaja memperoleh pasaran daripada syarikat anchor, tetapi turut memperoleh peluang pasaran perindustrian daripada lain-lain syarikat industri besar dan multinational. Dalam tempoh sembilan bulan pertama tahun ini, nilai penjualan komponen oleh syarikat vendor kepada syarikat anchor di bawah program ini ialah sebanyak RM75.7 juta.
- (vi) Daya saing usahawan juga dapat ditingkatkan melalui usahawan tulen antara bumiputera dengan bukan bumiputera dan pelabur asing. Usahasama ini akan membolehkan usahawan

bumiputera memperoleh teknologi asing serta peluang memasuki pasaran eksport melalui rangkaian pemasaran antarabangsa rakan usahasama mereka. Usahasama tulen ini adalah digalakkan serta menjadi pendekatan berkesan dalam pembentukan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera.

- (d) Berhubung dengan MOU yang telah ditandatangani di bawah Program Pembangunan Vendor MITI, sukalah saya menyatakan bahawa kesemua vendor di bawah program ini ada! taraf bumiputera dan telah melabur sebanyak R juta. Pelaburan ini terma segi modal pusingan, kos pembelian mesin dan peralatan serta kos pembelian bangunan kilang.

Kesimpulannya, Program Pembangunan Vendor ini sebenarnya memberi manfaat kepada semua pihak yang terlibat, terutamanya syarikat-syarikat vendor yang dibimbing dan dibangunkan bersama oleh MITI, syarikat anchor dan juga institusi kewangan dan bank.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, daripada kebanyakan syarikat-syarikat yang mengamalkan sistem vendor ini berapa banyakkah syarikat-syarikat ini telah melabur ataupun membuka perusahaan-perusahaan mereka ini di luar bandar. Kerana kita sedia maklum pada hari ini penghijrahan penduduk-penduduk dari luar bandar ke bandar untuk mencari kerja menjadi

masalah kepada kerajaan iaitu masalah sosial. Jadi, adakah kementerian mengadakan satu garis panduan supaya setiap syarikat-syarikat yang akan bergiat di dalam sistem vendor ini mesti mengadakan perusahaan-perusahaan mereka di luar bandar?

Yang keduanya, saya berpendapat dengan mengadakan sistem vendor ini di luar bandar maka kos dan tenaga kerja tidak menjadi begitu bermasalah bagi syarikat-syarikat yang berkenaan.

Untuk tahun 1995, perancangan kementerian untuk sistem vendor yang baru ini berapa peratus daripada pertumbuhan syarikat-syarikat ini. Ini untuk tahun 1995.

Tuan Chua Jui Meng: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana dalam program ini syarikat-syarikat IKS akan menjadikan diri sebagai vendor kepada syarikat multinational dan syarikat besar, ini bermakna kebanyakan syarikat-syarikat besar dan multinational ditempatkan bukan di luar bandar, tetapi di kawasan-kawasan seperti free zone atau licenced manufacturing warehouse yang berdekatan dengan bandar. Oleh kerana itu, sedikit sahaja IKS yang dapat menikmati daripada syarikat besar di luar bandar. Ini satu faktor geografi dan kita mesti terima.

Tetapi di bawah program-program lain seperti di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar, ada sistem vendor yang dilaksanakan melalui kementerian yang saya sebutkan tadi di kawasan-kawasan luar bandar. Umpamanya baru-baru ini, saya dapat melawat satu kawasan di Kedah bersama dengan Perdana Menteri kita yang kita sayangi, iaitu di mana di luar bandar, satu

syarikat besar telah menjadi syarikat anchor kepada orang-orang kampung untuk mengeluarkan barangan-barangan plastik untuk membina tandas yang berasingan.

Mengenai matlamat kita di MITI, bilangan syarikat vendor yang akan diwujudkan pada tahun hadapan, saya tidak ada maklumat, tetapi hasrat kita di MITI ialah kita hendak membangunkan sebanyak 90 syarikat anchor — multinational atau syarikat besar menjelang tahun 2000 dan dengan mewujudkan 90 syarikat besar yang menjadikan anchor company, kita akan mewujudkan sebanyak 900 IKS yang akan memberikan bekalan kepada syarikat multinational.

Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan tadi, Timbalan Menteri berkenaan mengatakan bahawa ada syarikat IKS bumiputera sebanyak 59 buah dan juga syarikat usahasama di antara bumiputera dan bukan bumiputera. Bolehkah saya mengetahui setakat manakah kemajuan perkembangan mereka, adakah berkesan atau tidak?

Tuan Chua Jui Meng: Bilangan yang saya sebutkan tadi — sebanyak 59 buah di bawah sistem vendor, semuanya adalah syarikat bumiputera, iaitu definisinya — minimumnya 70% daripada ekuiti mereka terdiri daripada orang bumiputera. Oleh kerana itu, dalam program ini, kita belum mewujudkan projek-projek usahasama antara bumiputera dan bukan bumiputera, tetapi inilah hasrat kementerian saya daripada masa yang akan datang, kita akan mewujudkan lebih banyak lagi projek usahasama antara bumiputera dengan bukan bumiputera.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Tuan Michael Asang.

(Soalan No. 2 — Y.B. Tuan Michael Asang tidak hadir)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Tuan Haji Ibrahim bin Jendol.

(Soalan No. 3 — Y.B. Tuan Haji Ibrahim bin Jendol tidak hadir)

UMBC — SIASATAN BANK NEGARA MENGENAI SALAH-LAKU PINJAMAN

4. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada Bank Negara telah menjalankan sebarang penyiasatan ke atas UMBC berkenaan dengan pinjaman dan lain-lain perkara yang tidak kena yang boleh dipersoalkan di dalam bank keempat terbesar di negara ini, dan terutama sekali yang berkenaan dengan hubungan di antara UMBC dan Datuk Keramat Holdings Bhd. atas pengambilalihan kepentingan pengawalan di dalam George Town Holdings Bhd. oleh Datuk Keramat Holdings Bhd. tahun lepas, dan pelanggaran peraturan urusan bank yang menghalang institusi kewangan dari meminjam kepada diri sendiri ataupun pihak-pihak yang berkaitan; dan hasil penyiasatan Bank Negara tersebut.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan (Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua, apa-apa penyiasatan ke atas UMBC oleh Bank Negara Malaysia adalah mengenai dengan pengambilalihan syer-syer UMBC oleh Datuk Keramat Holdings Bhd. sebanyak 200 juta syer yang bernilai antara sebanyak RM1 tiap-tiap satu.

Mengenai dengan pengambilalihan George Town Holdings Bhd. yang ditanya oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong oleh Datuk Keramat Holdings Bhd. tidak tertakluk kepada kelulusan Bank Negara Malaysia. Oleh itu, Bank Negara tidak bertanggungjawab menyiasatnya.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, adalah menjadi amalan dan tanggungjawab Bank Negara Malaysia untuk menjalankan pemeriksaan rapi ke atas kesemua institusi kewangan berlesen sebagaimana yang dikehendaki oleh peruntukan Akta Bank dan Institusi-institusi Kewangan 1989.

Justeru itu, pemeriksaan yang dijalankan ke atas United Malayan Banking Corporation Berhad ataupun UMBC adalah merupakan satu pemeriksaan biasa oleh Bank Negara. Sebagaimana dengan institusi-institusi kewangan yang lain, jika ada bukti pelanggaran peruntukan undang-undang dan peraturan bank oleh mana-mana pihak, tindakan sewajarnya akan kembali ke atas pihak yang terlibat. Bentuk tindakan pula bergantung kepada jenis kesalahan yang dilakukan.

Tuan Lim Kit Siang: Seperti Yang Berhormat Setiausaha Parlimen ada mengatakan bahawa siasatan yang diadakan ialah mengenai Datuk Keramat Holdings dan bukan mengenai George Town Holdings. Adakah ini bererti bahawa Bank Negara akan membenarkan institusi-institusi kewangan untuk melanggar peraturan-peraturan urusan bank supaya boleh meminjam kepada diri sendiri, sama ada secara langsung atau tidak langsung, sungguhpun ada panduan-panduan atau guidelines yang ada diletakkan oleh Bank Negara dan tidak akan ada apa-apa supervision?

Yang kedua, tadi Yang Berhormat ada sebut, bahawa jikalau siasatan itu ialah mengenai Datuk Keramat Holdings Berhad, apakah hasil siasatan itu?

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini, siasatan masih lagi berjalan dan hasilnya tidaklah dapat saya beritahu kepada Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini. Selepas siasatan itu selesai, bolehlah diberitahu.

Mengenai soalan yang pertama, Bank Negara tidak sekali-kali akan membenarkan pelanggaran peruntukan-peruntukan seperti mana yang disediakan di dalam Akta Bank ataupun BAFIA Act 1989. Seperti mana yang saya kata tadi, jikalau ada penyelewengan daripada peraturan-peraturan ataupun peruntukan-peruntukan yang ada di dalam BAFIA, maka Bank Negara akan mengambil tindakan yang sewajarnya.

Tuan Abdol Mulok bin Awang Damit: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, dari segi kedudukan ataupun prestasi kewangan UMBC ini, sama ada dalam bentuk kecairan, fee rationya ataupun cash flownya, sebelum ianya diambil alih oleh Datuk Keramat Holdings Bhd. dan setelah ianya diambil alih oleh Datuk Keramat Holdings Bhd.

Soalan yang kedua, saya juga ingin tahu siapakah pemegang saham Datuk Keramat Holdings Bhd. yang terkini?

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua untuk saya memberi butiran yang terperinci mengenai dengan prestasi UMBC selepas diambil alih mengikut cash flow dan lain-lain lagi tidaklah ada pada saya. Yang ada pada saya hari ini ialah keuntungan sebelum dan selepas diambil

alih — iaitu sebelum diambil alih pada tahun sudah, keuntungan sebelum cukai adalah RM49.3 juta dan untuk tahun ini, selepas diambil alih keuntungan sebelum cukai 6 bulan berakhir 31hb. Julai 1994, ianya adalah sebanyak RM10.1 juta, iaitu peningkatan yang tahapnya lebih 50% (peningkatan keuntungan).

Untuk soalan yang kedua, pemegang-pemegang saham Datuk Keramat Holdings Bhd. ialah Syarikat Meridian sebanyak 22.8%; Koperasi Usaha Bersatu sebanyak 10%; pemegang saham minoriti sebanyak 49.5%; dan Pernas sebanyak 7.7%.

KERUNTUHAN AKHLAK — MASALAH

5. Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan bahawa sejak akhir-akhir ini negara kita sedang dilanda keruntuhan moral di kalangan masyarakat:

- (a) adakah trend ini menjadi ciri utama masyarakat Malaysia menjelang tahun 2020; dan
- (b) jika tidak, apakah punca-punca yang menyebabkan hal ini boleh berlaku.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat (Tuan Yong Khoo Seng): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) untuk makluman Ahli Yang Berhormat, masalah keruntuhan akhlak di kalangan masyarakat bukanlah suatu perkara baru dalam masyarakat. Malah perkara ini telah lama berlaku dan sentiasa berlaku. Keruntuhan akhlak di kalangan masyarakat adalah suatu isu yang penting, yang memerlukan tindakan

membanteras dan membendung gejala ini oleh semua pihak iaitu pihak kerajaan dan masyarakat itu sendiri. Sukacita dimaklumkan di sini bahawa masalah keruntuhan akhlak bukanlah merupakan ciri-ciri utama masyarakat maju kerana gejala ini juga terdapat dalam masyarakat di semua peringkat pembangunan. Adalah menjadi hasrat kerajaan supaya masalah moral tidak akan menjadi ciri-ciri utama masyarakat Malaysia sama ada sekarang atau menjelang tahun 2020.

- (b) Terdapat beberapa punca yang menyebabkan berlakunya keruntuhan akhlak khususnya di kalangan individu. Salah satu daripada yang perlu diberi perhatian dan dibendung oleh semua pihak ialah dari segi menularnya pengaruh gejala-gejala sosial yang tidak sihat sama ada yang berasal dari luar negara ataupun dalam negara sendiri yang menjadi ikutan khususnya golongan remaja.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Soalan tambahan. Apakah satu penyelarasan dan perbincangan dibuat dengan semua kementerian dan jabatan-jabatan bagi mengatasi berlakunya punca-punca keruntuhan moral dan apakah hasil daripada perbincangan dan penyelarasan yang telah diambil?

Yang kedua, adakah kerajaan bercadang untuk mengadakan suatu perbincangan yang melibatkan semua pihak sama ada pihak politik, kerajaan, pembangkang, pemimpin masyarakat dan lain-lain bagi membincangkan masalah keruntuhan akhlak sebagaimana satu perbincangan tentang ekonomi pernah diadakan melalui MAPEN?

Tuan Yong Khoon Seng: Tuan Yang di-Pertua, untuk membanteras masalah keruntuhan akhlak, baru-baru ini lima kementerian telah terlibat dalam satu perbincangan strategi untuk kita menjalankan tugas atau usaha supaya kita dapat membanteraskan masalah ini. Suka saya hendak memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat, kita telah pun mengadakan mesyuarat, saya tidak tahu tarikhnya; telah mengadakan satu mesyuarat di antara lima kementerian. Keputusannya kita belum ada.

Mengenai soalan kedua, kita tengok dulu di mana lima kementerian ini akan menggubalkan satu strategi bagaimana kita akan membanteraskan masalah itu. Selepas itu kita tengoklah kalau perlu kita akan mengadakan perbincangan dengan pihak lain.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengikut soalan asal, soalan ini berbau politik sedikit. Cuba hendak meletakkan bebanan ini kepada kerajaan. Sebab saya dengar tadi pun soalan tambahan daripada Ahli Yang Berhormat dari Marang minta kita berbincang tetapi saya harap kementerian ini panggil pihak PAS untuk berbincang.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, apa soalnya?

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tuan Yang di-Pertua, soalnya saya ingin tahu berapakah jumlah atau peratus anak-anak muda dalam negara kita ini?

Soalan yang kedua, adakah negara-negara lain dalam dunia ini yang mempunyai perfect situation di mana tidak langsung mempunyai masalah-masalah seperti ini. Jika tidak kenapa-

kah pihak Pembangkang ini selalu menyalahkan kerajaan dalam hal ini? Sebab Highland Towers runtuh pun dia tuduh kita. Orang buta rogol pun dia tuduh kita juga. (*Ketawa*) Orang buta rogol cucu pun dia tuduh kita dan macam-macam lagi. Jadi, saya minta penjelasan.

Tuan Yong Khoon Seng: Tuan Yang di-Pertua, masalah sosial bukanlah masalah kerajaan, memang berpunca dari masyarakat sendiri.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat tadi tentang angka berapa peratus remaja terlibat dalam masalah ini, saya tidak ada angka tetapi yang kita perlu tahu ialah masalah ini ada berlaku di negara kita. Di mana-mana juga ada dan apa yang kita buat dari segi tindakan, kita megenengahkan isu ini supaya pihak-pihak berkenaan baik keluarga, sekolah dan lain-lain akan memberikan keprihatinan ke atas gadis-gadis atau anak-anak mereka. Setahu saya di dunia ini tidak ada negara yang benar-benar perfect situation, dengan izin, yang tidak ada masalah sosial. Memang ada, negara maju pun lebih teruk lagi.

Lain-lain tuduhan dari pihak Pembangkang memang tidak berasas. Saya katakan tadi memang berlakunya di mana-mana tempat sama ada di zaman dulu dan zaman sekarang.

SISTEM PEMERIKSAAN PERUBATAN PESAKIT LUAR DI SARAWAK

6. Tuan Wahab bin Suhaili minta Menteri Kesihatan menyatakan sistem pemeriksaan perubatan di kalangan pesakit luar di poliklinik di bandar-bandar besar di negeri Sarawak amat

memuaskan serta begitu teratur, mulai daripada masa pendaftaran pesakit hinggalah ketika pengambilan ubat-ubatan. Adakah pihak kementerian bercadang untuk memperluaskan sistem ini ke klinik-klinik di kawasan pedalaman Sarawak.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' Mohd. Farid bin Ariffin): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan memang mencari jalan untuk memperbaiki dan mempertingkatkan lagi perkhidmatan, cara memberi perkhidmatan kesihatan kepada rakyat. Sebagai contoh, pesakit-pesakit yang datang ke hospital pada umumnya diminta menyimpan kad rawatan mereka sendiri dan usaha telah dibuat untuk memendekkan lagi masa menunggu dan membina banyak lagi hospital yang baru yang mempunyai pendekatan-pendekatan yang agak berbeza untuk keselesaan rakyat umumnya.

Kementerian Kesihatan juga memberi perkhidmatan kesihatan kepada semua penduduk di Malaysia, kaya atau miskin, di luar bandar ataupun bandar tanpa mengira kawasan, bangsa, keturunan ataupun agama.

Dari segi jenis fasiliti kesihatan dan cara perkhidmatan diberi tentu sekali berlainan berdasarkan keperluan dan ciri-ciri sesuatu kawasan. Ini termasuk kawasan pedalaman terdapat pusat-pusat kesihatan, klinik desa dan perkhidmatan kesihatan bergerak, dengan izin, mobile services untuk memberi khidmat kepada penduduk-penduduk terpencil. Di pusat-pusat kesihatan juga ditempatkan se-orang doktor selain daripada kakitangan paramedik yang menjalankan program-program kesihatan. Di tempat-tempat yang tiada doktor, paramedik boleh merujuk kes kepada doktor yang terdekat sekali.

Kementerian juga sedang giat berusaha mempertingkatkan lagi kualiti perkhidmatan di luar bandar dengan membina klinik-klinik baru seperti yang saya katakan tadi, di tempat yang belum ada klinik. Melengkapkan klinik-klinik luar bandar dengan peralatan-peralatan yang diperlukan sebaik mungkin dan meningkatkan keupayaan dan bilangan kakitangan sebaik mungkin.

Tuan Robert Lau Hoi Chew: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Yang pertama, adakah benar pesakit-pesakit dari luar bandar yang mahu masuk ke hospital di bandar seperti Sibu General Hospital, mereka perlu membayar wang cagaran (deposit) sebelum dia diterima oleh pihak hospital? Untuk makluman Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan, saya ada terima aduan dari orang ramai mengenai perkara ini yang mana ada di antaranya tidak membawa wang dan banyak kesulitan untuk masuk ke hospital di bandar Sibu.

Dato' Mohd. Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, mengikut sistem baru yang telah pun kita cuba, kita minta supaya rakyat sedikit bertanggungjawab. Benar, kadang-kadang kita meminta wang simpanan tetapi MS hospital-hospital tersebut diberi kuasa untuk di-kecualikan sesiapa yang tidak mampu membayar.

Sebab kita dapati ada orang yang mampu membayar tetapi tidak mahu membayar. They can pay but do not want to pay, dengan izin. Jadi oleh kerana itu, atas dasar baru those who can pay must pay more, dengan izin, maka kita cuba dengan sistem ini supaya dapat satu equitable services, dengan izin, kepada rakyat umumnya. Tetapi tidak sekali-kali kita akan menolak sebarang pesakit yang datang untuk mendapat rawatan walaupun dia tidak ada wang cengkeram.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Rasa saya sendiri sahaja bahawa Jabatan Perubatan di negeri Sarawak ini adalah di antara salah satu yang paling cemerlang di antara semua jabatan, sama ada Kerajaan Persekutuan ataupun negeri dan tahniah kepada kementerianlah. Tetapi saya pernah memerhati bahawa di hospital-hospital di pusat bandar di Sarawak itu, doktor bekerja sampai syif sepanjang 18 jam pun ada. Kadangkala saya mencyaki mereka tidak tidur. Ini paling merbahaya dan tidak adil kepada doktor juga. Kekurangan doktor ini adalah akibat daripada gaji yang paling rendah. Seorang doktor dibayar RM1,000 lebih dan tidak sampai RM2,000. Sebagai rancangan keseluruhannya, apakah rancangan Kementerian Kesihatan supaya boleh mengkaji semula agar doktor diberi insentif, mereka boleh dibayar gaji yang lebih besar walaupun tidak dibandingkan dengan doktor dalam private practice, tetapi sekurangnya mereka digalakkan untuk berkhidmat kepada rakyat. Ini soalan pertama.

Yang keduanya, Hospital Besar Sibuan yang paling cantik ini mengalami kekurangan pakar-pakar yang ada sekarang. Jadi, adakah ini benar, berapa orang pakar masih belum dicari untuk berkhidmat dan apakah rancangan atau langkah-langkah supaya masalah ini dapat diselesaikan?

Dato' Mohd. Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat yang telah pun memberi kepujian bukan kepada kementerian tetapi kepada doktor-doktor yang menjalankan tugas dengan baik. Oleh kerana itu, maka saya ingin memberitahu di sini secara umumnya bahawa kita sedang dan sudah pun berjaya mencari jalan-jalan tertentu untuk memperbaiki sebaik mungkin perkhidmatan doktor-doktor tersebut dan

baru-baru ini kita telah pun berjaya mendapat satu elaun yang dinamakan "Out-of-Duty Allowance" untuk doktor-doktor yang bekerja lebih daripada masa yang telah ditetapkan.

Walaupun ini tidak begitu lumayan pembayarannya tetapi pada saya, "it is better than yesterday". (*Ketawa*) Dan insya-Allah, "it will be better tomorrow". Tetapi sebagai "service ministry", satu kementerian yang berkepentingan servis, kita ada masalah-masalah tertentu. Sebelum kita buat keputusan atau mendapat sebarang pembaharuan ataupun sebarang perubahan, kita mesti merujuk kepada tiga lagi agensi kerajaan seperti Kementerian Kewangan, jika ada berkaitan dengan kewangan; JPA jika berkaitan dengan perjawatan dan beberapa jawatan yang lain yang mungkin terpaksa dirujuk dan mungkin mengambil masa yang panjang.

"Out-of-Duty Allowance", untuk makluman Ahli Yang Berhormat, because of the persistence of the doctors, dengan izin, selama hampir 30 tahun, mereka telah pun berjuang dalam hal ini dan akhirnya baru dapat. Jadi, walau bagaimanapun, langkah-langkah yang baik begini telah dimulakan. Kita telah dapat specialist allowance yang lumayan. Oleh kerana itu, kita menggalakkan doktor-doktor GP mencari jalan untuk mengikuti Continuing Medical Education (CME) dan, insya-Allah, menjadi specialist yang mempunyai permintaan yang banyak hari ini.

Sarawak, Sabah dan negeri-negeri Pantai Timur adalah antara negeri yang mempunyai permintaan specialist yang tinggi tetapi oleh kerana kekurangan pakar saya memaklumkan dengan ikhlas, kita tidak dapat memberi perkhidmatan seluas mungkin. Tetapi jika sekiranya anak-anak Sarawak hendak belajar ilmu perubatan, kita beri keutamaan dan, insya-Allah, mereka boleh balik bertugas di Sarawak.

Memang betul kebanyakan daripada doktor ini bekerja begitu panjang tetapi oleh kerana dedication dan komitmen mereka itu, mereka rela bekerja kuat dan tidak siapa yang mati kerana kerja begitu kuat. (*Ketawa*)

**TELEFON — PERKHIDMATAN
KE KAWASAN SALIM, STABAU
DAN SUNGAI ASSAN, SIBU**

7. Tuan Wong Sing Nang minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:

- (a) bilakah talian telefon akan diluaskan/dilanjutkan ke tempat/kawasan Salim-Stabau dan Sungai Assan, Sibu; dan
- (b) sekiranya kerajaan dapat menimbangkan supaya pelanggan/pengguna di kawasan luar bandar akan diberikan harga yang khas.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Seri S. Samy Vellu): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kebanyakan permohonan-permohonan dari kampung-kampung di seluruh negara yang memohon untuk pembekalan perkhidmatan telefon diberi perkhidmatan. Hanya terdapat beberapa permohonan yang belum bersedia di mana lokasinya yang agak terpencil dari rangkaian.

Walau bagaimanapun, masalah ini akan dapat dilaksanakan apabila rangkaian siap disediakan. Untuk makluman Yang Berhormat juga, pelanggan-pelanggan yang sedia ada bagi

kawasan sepanjang Jalan Salim mendapat perkhidmatan telefon melalui ibu sawat Sibu. Untuk penduduk-penduduk yang belum diberi kemudahan, mereka akan mendapat perkhidmatan telefon melalui pemasangan kabel baru iaitu ibu sawat Lanang. Ibu sawat baru ini mampu menampung 5,000 talian. Projek ini akan dijangka siap pada pertengahan tahun 1995.

Oleh itu, penanti sebanyak 300 pelanggan bagi kawasan berkenaan akan dapat menikmati perkhidmatan telefon pada pertengahan tahun 1995.

Bagi penduduk-penduduk di kawasan pedalaman yang tidak mempunyai kabel, perkhidmatan dapat diberikan melalui Sistem RILL, dengan izin, Radio in the Local Loop, pada masa yang sama iaitu pertengahan tahun 1995.

Selain daripada kawasan di atas, kawasan-kawasan baru seperti Stabau dan Sungai Assan juga akan dapat menikmati perkhidmatan telefon yang menggunakan sistem RILL pada masa yang sama.

- (b) Kerajaan sedang menimbangkan permohonan pindaan kadar dan tarif Telekom Malaysia di mana perkara ini juga akan dikaji.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, adakah benar bahawa percubaan oleh Syarikat Telekom Malaysia baru-baru ini untuk menyusun semula kadar bayaran untuk panggilan telefon merupakan satu tanda bahawa mereka menghadapi persaingan hebat

daripada perkhidmatan telefon bergerak (mobile telephone) seperti ATUR, Mobifon dan sebagainya? Adakah ini akan mengubah sikap STM supaya walaupun keuntungan mereka akan kurang daripada persaingan hebat ini tetapi mereka masih mempunyai komitmen besar untuk memberi perkhidmatan kepada rakyat luar bandar, khususnya kepada mereka di Sarawak dan Sabah dan keseluruhannya dalam negara ini. Adakah jaminan atau guarantee supaya STM tidak mengeneppikan permintaan untuk perkhidmatan telefon daripada luar bandar di negara ini?

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, permohonan daripada Telekom Malaysia untuk menukar atau menambah kadar dan lain-lain sedang dalam pertimbangan. Mereka berminat untuk memberi perkhidmatan kepada seluruh negara. Oleh kerana itu, kita semua sedar Syarikat Telekom Malaysia sedang membelanja lebih kurang RM3 bilion setahun. Dalam tempoh 10 tahun lagi, kita anggarkan Telekom Malaysia akan membelanja RM16 bilion. Jadi, perkhidmatan diluaskan kepada semua kawasan dan perkhidmatan juga diberi kepada semua permintaan. Tetapi apabila kita membelanjakan RM16 bilion dan mengikuti kadar-kadar yang sedia ada, saya percaya Telekom Malaysia tidak berminat untuk membayar faedah kepada pinjaman yang kita dapat daripada luar negeri.

Telekomunikasi menjadi lebih canggih sekarang. Jadi, tiap-tiap dua tahun atau tiga tahun satu kali kena tukar, banyak di antara alat-alat dan juga sistem-sistem baru telah dikenalkan di seluruh dunia. Oleh kerana itu, bayaran untuk telefon mesti ditambah, tetapi kerajaan tidak menimbang apa-apa pindaan lagi oleh kerana kita sedang berbincang dengan mereka. Jadi,

kenaikan tarif itu dilapor bukannya oleh kerana Celcom dan Mobikom. Celcom dan Mobikom mempunyai sistem yang lain, tetapi Telekom Malaysia memohon untuk menaikkan takrif oleh kerana mereka melabur beberapa bilion ringgit untuk memberi perkhidmatan — itu jadi penting.

Yang kedua, Kementerian saya sedar permohonan daripada mereka, banyak di antara perkara-perkara yang telah dibangkit oleh Telekom Malaysia pun belum diselesaikan, belum diterima oleh Kementerian. Separuhnya Kementerian suka juga mencadang semula. Jadi, saya percaya Kementerian saya menimbang tarif itu dengan mengambil kira nasib rakyat jelata.

Tuan Robert Lau Hoi Chew: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang pertama, tadi Yang Berhormat Menteri menjawab perkhidmatan telefon ke Lanang area, tetapi sekarang di kawasan barat Sibu seperti di Sungai Miduk, Empawah, Bukit Lan, Beratong, Tegu.

Saya telah menerima banyak aduan kerana stesen telah dibina, tetapi kabel belum disambung, sudah ditunda beberapa lama, alasannya spareparts daripada negara Perancis ditunda. Adakah benar dan kalau benar bila spareparts itu akan datang dan 'installation' akan dilaksanakan?

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, saya baca dari surat khabar Telekom Malaysia akan membuat keuntungan lebih kurang RM2 bilion tahun ini. Adakah kerajaan mengkaji semula supaya tarif perkhidmatan telefon akan diturunkan — jangan naiklah?

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, ada banyak juga rancangan-rancangan Telekom Malaysia untuk memasang kabel, yang pertama. Selepas pemasangan kabel kita akan

mengadakan exchange jadi ibusawat. Ibusawat itu mesti kena pasang 'switching', selepas itu barulah perkhidmatan boleh diberi ke rumah-rumah. Switching ini bukanlah dari France, switching ini dari Pulau Pinang, banyak di antara switching-switching telah dan sedang dibuat di Pulau Pinang sekarang. Ini yang pertama.

Saya percaya apabila switching itu dipasang siap, perkhidmatan boleh diberi kepada permohonan yang kita dapat daripada mana-mana pihak.

Yang kedua, jikalau mahu juga mengurangkan tarif — boleh, tetapi kita jangan tukar apa-apa. Kita balik ke tahun 1920. Kita ikut style lama, pusing 2 jam, kita charge RM10 seorang (*Ketawa*). Saya hairan macam mana Ahli Yang Berhormat bertanya supaya dikurangkan? Kalau mahu moden seperti negara-negara yang maju, panggilan lebih cepat, alat-alat lebih moden, tekan sahaja boleh dapat 'girlfriend' (*Ketawa*) tetapi bayaran mahu murah — mana boleh? (*Ketawa*) — susahlah, Tuan Yang di-Pertua.

PENGUNDIAN SATU HARI BAGI SARAWAK DAN SABAH

8. Tuan Jawah anak Gerang minta Perdana Menteri menyatakan sama ada kerajaan mempunyai rancangan untuk mengadakan pengundian satu hari sahaja dan bukan dua hari seperti yang ada sekarang bagi Negeri Sarawak dan Sabah.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Douglas Uggah Embas): Tuan Yang di-Pertua, Suruhanjaya Pilihanraya tidak dapat mengadakan pengundian sehari sahaja bagi semua bahagian-bahagian pilihan raya di Sabah dan Sarawak disebabkan oleh masalah perhubungan dan pengangkutan.

KENAIKAN HARGA BARANG — LANGKAH MENGATASI

9. Tuan Mohamed Kamal bin Hussain minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan apakah tindakan-tindakan kerajaan bagi mengatasi kenaikan harga-barangan yang semakin meningkat sekarang ini. Adakah memang sebenarnya wujud kekurangan bekalan atau tindakan-tindakan spekulasi dan strategi pihak tertentu mensengajakan wujudnya 'Artificial Shortage'. Apakah kejayaan dar. keberkesanan kempen membanteras inflasi yang telah dianjurkan oleh kerajaan.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian memang sedar tentang berlakunya kenaikan harga barang-barang makanan sejak kebelakangan ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat pada umumnya harga barang-barang makanan meningkat disebabkan berlakunya kekurangan bekalan dan pada masa yang sama kenaikan kos pengeluaran termasuk bahan-bahan mentah. Tidak kurang juga oleh sebab sikap setengah-setengah peniaga juga yang ingin mencari untung secara mudah dan tidak kurang juga sikap pembeli yang kadang-kadang sanggup membeli barangan itu tanpa mengira apa harganya.

Tindakan yang telah dan sedang diarahkan oleh Kementerian dalam membendung kenaikan harga ini adalah melalui kerjasama dengan agensi-agensi kerajaan yang lain dan melaksanakan beberapa langkah dan strategi untuk mengawal kenaikan harga ini. Antara

langkah-langkah yang sedang dijalankan termasuklah meminta pihak pengeluar supaya tidak menaikkan harga barangan keluaran mereka, meningkatkan bekalan, melesenkan pengeluar-pengeluar di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 dan menggerakkan kesedaran pengguna supaya turut sama membantu kerajaan membendung inflasi. Strategi dan langkah-langkah yang disusun akan melibatkan semua pihak iaitu pengguna, pengeluar, agensi-agensi kerajaan, badan-badan bukan kerajaan dan pihak media massa.

Tuan Yang di-Pertua, jika berasaskan kedudukan Indeks Harga Pengguna, kempen yang dijalankan oleh kerajaan sedikit-sebanyak telah memberi kesan ke atas kadar inflasi negara. Umpamanya Indeks Harga Pengguna bagi tempoh Januari hingga September tahun ini berbanding dengan tahun sudah telah menunjukkan kemajuan kerana ianya pada tahap 3.7% sahaja.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita semasa melawat Langkawi, beliau telah merungut tentang beberapa cukai dipotong di Langkawi, tetapi harga barang masih tinggi sehingga beliau mengeluarkan kata-kata "kalau boleh Pelabuhan Bebas Cukai itu ditutup balik", ertinya itu satu rungutan beliau. Kalau Perdana Menteri sudah merungut tentang hal harga barang, apakah langkah segera yang boleh diambil oleh pihak Kementerian dan juga kerjasama semua pihak untuk memastikan harga barang utama tidak naik khususnya di Pulau Langkawi?

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, usaha untuk mengurangkan harga khususnya barang keperluan di Langkawi adalah

satu usaha yang berterusan sejak mula-mula lagi. Tetapi memanglah kadang-kadang terdapat sebab-sebab yang boleh kita ambil kira dan perlu dibereskan sebelum kita dapat memaksa para peniaga untuk menurunkan harga. Misalnya terdapat kesesakan pelabuhan pada satu ketika yang mana ianya sekarang sedang diselesaikan.

Begitu juga soal pengangkutan dari tanah besar ke Pulau Langkawi. Ini adalah beberapa langkah dan sebab yang telah pun memberi sumbangan kepada kenaikan harga di Langkawi, tetapi perkara-perkara ini sedang kita cuba atasi dan ini sudah tentu akan mengambil masa, tetapi tidak kurang juga adalah sikap peniaga-peniaga sendiri, yang mana oleh sebab pelancong begitu ramai dan mereka ini sanggup membayar apa sahaja harga, maka mereka telah mengambil peluang ini untuk menaikkan harga. Ini adalah sikap peniaga-peniaga yang berfikiran singkat, yang tidak berpandangan jauh dan kita berharap dapat mendidik mereka supaya lebih bertanggungjawab.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri setakat ini 'consumer price index' ini tertakluk kepada barangan makanan terutamanya yang diukur dari segi inflasi di negara kita, sama ada meningkat ataupun turun.

Saya ingin bertanya apakah Kementerian sedang mengkaji untuk memasukkan rumah rakyat yakni rumah murah, dimasukkan dalam senarai di bawah 'consumer price index' bagi menentukan bahawa keperluan rumah murah juga sebagai salah satu daripada keperluan rakyat yang harus ada kawalan harga?

Seorang Ahli: Kereta sekali!

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, Indeks Harga Pengguna adalah berdasarkan bukan sahaja kepada bahan-bahan makanan tetapi kepada semua bahan-bahan makanan dan perkhidmatan (services) yang digunakan oleh kebanyakan rakyat. Jadi, dalam kumpulan barang-barang makanan dan perkhidmatan yang digunakan oleh keseluruhan rakyat, barang-barang keperluan dan juga perkhidmatan keperluan, komponen makanan hanyalah 3.5% dan soal sewa rumah dan perbelanjaan berkaitan dengan rumah seperti bahan api dan sebagainya adalah komponen yang kedua terbesar iaitu lingkungan 20%. Ini sudah pun diambil kira untuk mengukur Indeks Harga Pengguna. Komponen yang ketiga terbesar lebih kurang 18% adalah komponen pengangkutan dan perhubungan.

Jadi, apa yang telah dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi telah pun diambil kira untuk mengukur Indeks Harga Pengguna.

SYARIKAT MINYAK — PERANAN UNTUK MEMBANTU USAHAWAN BUMIPUTERA

10. Tuan Michael Lisa Kaya minta Perdana Menteri menyatakan peranan syarikat-syarikat gergasi di bidang industri minyak dan gas seperti ESSO, Shell dan lain-lain untuk mencapai matlamat Wawasan 2020 dan juga keberkesanan polisi dan program dalaman syarikat tertentu untuk membantu usahawan bumiputera yang sedang bergiat di dalam bidang tersebut sekarang.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Wong See Wah): Tuan Yang di-Pertua, syarikat minyak memainkan peranan penting

dalam pembangunan negara terutama untuk memastikan bekalan bahan minyak dan gas mencukupi bagi memenuhi keperluan dalam negeri. Di samping itu, syarikat-syarikat seperti ESSO dan Shell turut terlibat dalam sektor hulu dan hiliran.

Peranan syarikat-syarikat gergasi di dalam industri minyak dan gas seperti ESSO, Shell dan lain-lain dalam mencapai matlamat Wawasan 2020 adalah besar dan tidak dapat dinafikan. Selain daripada memberi sumbangan pendapatan atau hasil kepada negara, syarikat-syarikat minyak berkenaan memberi sumbangan dari segi pemindahan teknologi dalam industri petroleum di sektor hulu dan sektor hiliran. Pekerja mendapat latihan kemahiran teknikal dan kemahiran pengurusan. Berikutan dengan kemajuan industri dan juga pengwujudan projek-projek baru lebih ramai pekerja baru diwujudkan di dalam industri tersebut.

Dalam usaha meningkatkan penyertaan atau membantu bumiputera melibatkan diri dalam industri petroleum, kerajaan menguatkuasakan Akta Kemajuan Petroleum 1974 dan rangka Pelan Penyertaan Bumiputera di dalam Industri Petroleum. Rangka pelan mengawal aktiviti-aktiviti tertentu dalam industri petroleum (sektor hulu dan sektor hiliran) seperti penyertaan ekuiti, pemberian kontrak, pengambilan pekerja, latihan, pengedaran dan pemasaran. Dalam hubungan ini, syarikat-syarikat minyak seperti ESSO, Shell dan lain-lain berusaha untuk melibatkan usahawan bumiputera dalam aktiviti-aktiviti hulu dan hiliran sektor minyak dan gas. Setakat ini, bilangan pengedar dan pengusaha bumiputera dalam bidang borong dan runcit petroleum adalah melebihi 50%.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di antara syarikat gergasi industri minyak dan gas ialah PETRONAS sendiri. Adakah dalam usaha untuk mencapai Wawasan 2020 ataupun ke arah 2020 kerajaan bercadang untuk memberi sokongan supaya gaji Presiden PETRONAS dinaikkan dua kali ganda dan biliknya dibesarkan dua kali ganda daripada yang ada sekarang?

Dato' Wong See Wah: Setakat ini belum lagi.

Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam industri Petroleum ini saya difahamkan Malaysia telah pun dapat mengadakan kilang-kilang penapis minyak petroleum sebanyak 5 buah. Saya ingin tahu, oleh sebab pelaburan untuk mengadakan kilang-kilang penapisan minyak ini amatlah besar, apakah sumbangan daripada syarikat-syarikat gergasi petroleum seperti ESSO dan Shell untuk penubuhan dan operasi kilang-kilang penapisan minyak.

Soalan kedua, berapa peratuskah pengeluaran minyak Malaysia ini dapat diproses dan ditapis di dalam negara dan bagaimana pula dengan bakinya? Di manakah kita bekalkan minyak-minyak mentah untuk penapisan? Sekian, terima kasih.

Dato' Wong See Wah: Tuan Yang di-Pertua, di sektor hiliran syarikat-syarikat minyak utama negara telah pun melaksanakan beberapa projek yang bertujuan untuk meningkatkan keupayaan pengeluaran kilang penapis minyak masing-masing. Dalam bulan Mei tahun ini PETRONAS telah pun memulakan operasi kilang penapis di Melaka yang berupaya mengeluarkan bahan petroleum pada kadar 100,000 tong sehari. PETRONAS kini secara

usahasama sedang berusaha untuk melaksanakan pembinaan sebuah lagi kilang penapis yang akan menambah keupayaan negara mengeluarkan bahan-bahan petroleum dengan kadar 100,000 tong sehari lagi. Projek ini dijangka siap pada penghujung tahun 1993. Itu sahajalah jawapan saya.

TOL BATU 12, JALAN CHERAS

11. **Tuan Tan Kok Wai** minta Menteri Kerja Raya menyatakan sebab-sebab cadangan kutipan tol di Batu 12, Jalan Cheras, Selangor dengan memberi butir-butir seperti skop skim penaikan taraf jalan, kos pembinaan dan tempoh kutipan, pertambahan bilangan lalu lintas yang melalui Jalan Cheras antara Kuala Lumpur dan Kajang yang dijangkakan dan nama syarikat yang dipilih untuk projek dan mengapa ia terpilih.

Timbalan Menteri Kerja Raya (Tuan Kerk Choo Ting): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan bercadang untuk menswastakan projek menaikkan taraf jalan raya Cheras-Kajang itu kerana kos menaikkan taraf jalan itu melibatkan ratusan juta ringgit. Walau bagaimanapun, cadangan ini masih lagi dalam peringkat penilaian dan rundingan.

Dr. Kua Kia Soong: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya. adakah kerajaan menganggap adil kepada orang-orang yang tinggal di pertengahan tol lama di Jalan Cheras dan tol yang baru di Batu 12 Kajang oleh kerana mereka yang tinggal di sana memerhatikan bahawa di tempat-tempat di mana orang kaya tinggal seperti di Bukit Kiara, Damansara dan lain-lain tempat bukan sahaja jalan dinaikkan taraf tetapi beberapa lane pun ada dan mereka tidak payah membayar tol. Tetapi orang yang tinggal di Cheras mesti bayar tol. kedua,
.....

Tuan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Apa soalnya, Yang Berhormat?

Dr. Kua Kia Soong: Adakah kerajaan menganggap itu adil? Kenapa di Damansara tidak payah bayar tol tetapi di Cheras mesti bayar tol?

Kedua,

Seorang Ahli: (Menyampuk)

Dr. Kua Kia Soong: Soalan ini adalah untuk semua orang bukan sahaja untuk Barisan Nasional! Saya pernah bertanya, di mana kutipan road tax yang dibayar oleh semua orang yang membayar road tax dibelanjakan? Jawapan yang diberi oleh kerajaan adalah, road tax itu adalah disalurkan kepada Consolidated Fund dan kerajaan anggap itu adalah jawapan yang memuaskan. Tetapi semua orang hendak tahu, kerajaan mestikah accountable kepada pembayar road tax oleh kerana kalau pembayar road tax membayar road tax, mereka hendak ambil satu come back, dengan izin. Jawapan kerajaan bahawa road tax itu

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, tak payah sebut jawapan yang telah diberi.

Dr. Kua Kia Soong: Okay. Soalan saya, di mana wang road tax dibelanjakan? Kenapa mesti bayar road tax dan mesti bayar tol?

Beberapa Ahli: (Menyampuk)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat yang lain, jangan mencelah, ya!

Tuan Kerk Choo Ting: Tuan Yang di-Pertua, ini semua adalah isu-isu yang lama, soalan-soalan yang lama. Banyak kali sudah dijawab di Dewan yang mulia ini.

Tentang keadilan, kerajaan akan mengambil kira segala faktor-faktor dalam pertimbangannya termasuk apa yang diucapkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua jalan-jalan lingkaran DBKL — MRR1, MRR2 itu semuanya tidak dikenakan tol dan itu melibatkan lebih kurang RM1,000 juta yang tidak dikenakan tol.

Mengenai Jalan Cheras yang disambungkan sampai ke Kajang, oleh kerana ia banyak melibatkan pembinaan persimpangan bertingkat dan jalan-jalan susur serta melebarkan dari empat lorong kepada enam lorong maka oleh sebab itu kerajaan bercadang untuk menswastakan projek ini.

Soalan kedua itu tidak berkenaan dengan soalan pokok dan tidak payah saya jawab.

Tuan Tan Kok Wai: Yang Berhormat Timbalan Menteri adalah juga seorang mangsa kutipan tol yang tidak adil. (Menyampuk) Saya hairan mengapa Yang Berhormat menjawab berbentuk seperti itu.

Seorang Ahli: Patutlah awak seorang tak bayar tol.

Tuan Tan Kok Wai: Saya memang tak bayar! (Ketawa) Tak adil, mengapa bayar. Soalan saya, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang juga menjadi mangsa kutipan tol yang tidak adil itu sedar dia adalah lebih bemasib baik berbanding penduduk-penduduk yang tinggal di antara Batu 12 Cheras hingga ke Kajang, Semenyih, Dusun Tua dan kawasan-kawasan persekitaran yang ramai mereka menggunakan Jalan Cheras untuk berulang-alik ke pusat bandar untuk bekerja, bersekolah dan sebagainya

Seorang Ahli: Soalan?

Tuan Tan Kok Wai: dan mereka dikenakan — Yang Berhormat Timbalan Menteri bernasib baik kerana dia kena dua kali sahaja, pergi dan balik di plaza tol kilometer 5 dan kilometer 8. Tetapi yang tinggal di antara Batu 12 dan Kajang dan persekitaran, mereka dikenakan 4 kali tol sehari, kalau mereka membuat satu trip sahaja.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Soalan?

Tuan Tan Kok Wai: Adakah adil?

Beberapa Ahli: Adil! Duduklah, duduklah!

Tuan Tan Kok Wai: Saya harap Yang Berhormat menjawab dengan secara ikhlas adakah ini adil.

Seorang Ahli: Tak adil!

Tuan Tan Kok Wai: Soalan kedua, apakah perbezaan penduduk-penduduk yang tinggal di kawasan Cheras, Kajang berbanding dengan mereka yang tinggal di kawasan-kawasan yang disebut oleh rakan saya dari Petaling Jaya tadi iaitu di Bukit Kiara, di Damansara, Taman Tun Dr. Ismail yang kebanyakan penduduk-penduduk adalah daripada golongan berpendapatan tinggi dan sederhana

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Bukit Bintang atau Taman Tun?

Tuan Tan Kok Wai: tetapi di Cheras, apakah perbezaan, mengapa di kawasan itu tidak dikenakan tol, tetapi di kawasan Cheras ini dikenakan tol. Apakah alasan.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Mahu jalan baik kena bayar tollah!

Tuan Kerk Choo Ting: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kadar tol di Cheras itu telah dikurangkan daripada RM1.00 kepada 50 sen sekali. Itu dianggap adil. Yang kedua, Damansara dengan Sungai Besikah, Ampangkah, itu bukan sama dalam DBKL, tetapi jalan-jalan yang luar dari DBKL itu lain cerita.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Puan — nampaknya masa sudah suntuk, Yang Berhormat.

Puan Rohani binti Abd. Karim: Sempat, sempat, sempat!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Masa untuk pertanyaan Bagi Jawab Mulut telah pun suntuk.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 2, 3 dan 12 hingga 28 adalah dijilid dalam buku berasingan)

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG
PERBEKALAN 1995**

Bacaan Kali Yang Kedua

DAN

USUL

**ANGGARAN PEMBANGUNAN
1995**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah “Rang Undang-undang Perbekalan 1995 dibacakan kali yang kedua sekarang” dan “Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

“Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4 (3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang

sebanyak tidak lebih daripada Ringgit Malaysia Empat Belas Bilion, Empat Ratus Dua Juta, Sembilan Ratus Enam Puluh Enam Ribu dan Tujuh Ratus (RM14,402,966,700) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 1995, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau "P" dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1995 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 17 Tahun 1994, adalah diuntukkan di bawah maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang berseentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut". (16hb. November, 1994)

Tuan Shahidan bin Kassim: Point of order.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua,

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Arau bangun atas point of order yang ke berapa?

Tuan Shahidan bin Kassim: 18. Pagi tadi saya telah menghantar satu Usul berhubung untuk membincangkan aktiviti-aktiviti non-patriotik yang melanda negara sekarang. Usul saya, saya telah hantar tepat pada jam 10.30 pagi. Jadi, saya ingin bertanya kenapakah Usul saya tidak dapat dipertimbangkan pada hari ini?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Baik, saya akan menjawab. Pada fahaman saya Yang Ber-

hormat dari Arau memang cuba hendak mengemukakan satu Usul pada jam 10.30 pagi tadi. Tetapi malangnya cuma halaman yang pertama sahaja yang sempat kami terima pada pukul 10.30 pagi tadi. Yang lain itu tak dapat kami terima sehingga pukul 10.45 pagi. Itu sebabnya saya terpaksa menolak.

Tuan Shahidan bin Kassim: Bolehkah saya anggap ini boleh dibawa pada hari esok hari?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Boleh.

Tuan Shahidan bin Kassim: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Kementerian Kewangan, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan diminta jawab.

Seorang Ahli: (Menyampuk)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Tenang Yang Berhormat.

3.35 ptg.

Timbalan Menteri Perdana Menteri dan Menteri Kewangan (Dato' Seri Anwar bin Ibrahim): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyatakan sekali lagi ucapan penghargaan terima kasih atas kesudian Ahli-ahli Yang Berhormat membahaskan, memberikan sokongan, teguhan dan cadangan bagi Belanjawan 1995. Saya menerima baik pandangan dikemukakan, kerana seperti biasa pandangan dan perbincangan ini sebenarnya

dijadikan landasan bagi kita mempersiapkan Belanjawan berikutnya. Bahkan wajar saya maklumkan di sini bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat telah memberikan ruang kepada kami di Perbendaharaan dan kerajaan untuk menilai pandangan-pandangan dikedepan secara terbuka dan sebahagian daripada pandangan-pandangan itu selalu dimasukkan untuk pertimbangan bagi mempersiapkan Belanjawan berikutnya.

Saya juga ucapkan terima kasih lebih-lebih lagi dari rakan-rakan penyokong Barisan Nasional yang mengambil sikap yang lebih bertanggungjawab dan positif untuk menerima kekuatan yang ada dalam Belanjawan ini. Ramai yang berucap yang memberikan sokongan dan saya ingin menyatakan bahawa sokongan ini mungkin dilakukan kerana kedudukan dan kestabilan politik negara dan juga keyakinan rakyat tempatan dan juga pelabur asing. Saya diberi pandangan dan teguran oleh beberapa Ahli Yang Berhormat termasuk dari kalangan Pembangkang yang menyatakan bahawa Belanjawan ini nampaknya menjerumuskan kepada golongan atasan dan menengah sahaja dan beberapa kemudahan percukaian itu tidak memberi manfaat kepada golongan bawah.

Saya ingin menjelaskan saya tidak bermaksud untuk memberikan kuliah ekonomi asas kerana sepatutnya ini sudah difahami. Tetapi kita tahu bahawa dasar pembangunan kita agak realistik. Kalau kita tidak dapat menjerumuskan ke arah pertumbuhan yang tinggi, tidak mungkin kita menjayakan program pengagihan. Dengan izin, apa juga program pengagihan atau ekuiti dan affirmative action yang dikemukakan untuk membantu kelompok-kelompok yang susah tidak mungkin berlaku kalau semuanya merasa

miskin. Sebab itulah kadar percukaian kita dan regim percukaian itu harus cukup menarik bagi merangsang pertumbuhan dan memberikan keselesaan kepada golongan yang berusaha meningkatkan keupayaan mereka. Bahkan kita tidak sepenuhnya bebas kerana kita juga terikat dengan suasana rantau dan dunia. Kalau Malaysia memperkenalkan satu sistem percukaian yang tinggi, regim yang tinggi, ia akan dengan sendirinya menarik pelaburan keluar ke negara-negara dengan regim percukaian yang lebih rendah. Kenyataan ini tidak dapat kita sangkal.

Jadi, saya harap rakan-rakan dari Pembangkang menerima kenyataan bahawa untuk memungkinkan kita menambahkan peruntukan bagi membela nasib golongan miskin, kita terpaksa menjamin satu regim percukaian yang cukup menarik. Sebab itulah kita memperkenalkan beberapa pemotongan dan penurunan kadar percukaian. Tetapi untuk menyatakan semua kadar penurunan cukai dan tarif ini hanya menguntungkan golongan berpendapatan tinggi kerana itemnya tidak digunakan oleh golongan berpendapatan rendah, ini saya anggap satu kenyataan yang paling tidak tepat dan emosional. Kerana sesungguhnya dari item yang kita bacakan, tidak dapat kita senaraikan kesemuanya kerana waktu tidak mengizinkan, tetapi nyata sebahagian besarnya akan juga memberikan faedah kepada semua rakyat, semua kaum di semua rantau dan kawasan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga mengambil kesempatan untuk menjawab ini dengan merujuk kepada pendapat dan pandangan bekas Menteri Kewangan, Ahli Yang Berhormat dari Gua Musang, walaupun beliau seperti biasa tidak begitu berani untuk berdepan dalam

Parlimen, beliau memilih untuk menggunakan ruang luar dari Dewan ini, di kalangan penyokong-penyokong yang taat kepada beliau kerana itu tidak bersedia untuk berdepan. Saya ingin juga menggunakan kesempatan untuk menasihatkan beliau dan gerombolan penyokongnya supaya sementara menggunakan kebebasan dan ruang untuk memberikan teguran tidak harus mengapi-apikan semangat perkauman yang tebal untuk menuduh bahawa kerajaan hanya mementingkan golongan bukan Melayu, mengeneipkan nasib orang Melayu.

Untuk membangkitkan isu yang berlaku di masjid Johor di mana seorang warga Cina membaling najis ke sebuah masjid dan mengatakan kerajaan tidak berbuat apa-apa, ini adalah satu sikap yang biadap, tidak bertanggungjawab, perkauman yang tebal dan ini adalah satu gejala yang amat merbahaya kerana akan menimbulkan ketegangan kaum dan agama. Kita telah belajar dari pengalaman yang silam. Dan oleh yang demikian, sikap biadap dan tidak bertanggungjawab dari penyokong-penyokong S. 46 yang membangkitkan itu ini adalah pada hemat saya satu jenayah politik yang sangat menyesatkan kerana ia akan menimbulkan kemarahan.

Saya juga ingin menjelaskan, dari laporan terakhir orang-orang yang bertanggungjawab dalam kes itu telah pun diambil tindakan dan tindakan keras dan hukuman keras akan tentunya dihadapkan dan dilakukan ke atas mereka. Tidak benar sama sekali bahawa kerajaan memilih untuk melindungi sesiapa, sama ada masjid ataupun rumah ibadat bukan Islam, ini adalah tempat-tempat yang dipertahankan dalam Perlembagaan kita dan peraturan dan kerukunan hidup kita.

Oleh yang demikian, kepada penyokong-penyokong S. 46 dan juga rakan-rakan mereka dari DAP sepatutnya memberi nasihat, kerana tidak ada gunanya mereka bersandiwara, bermain politik sesama mereka dan di samping itu pergi kepada orang-orang Melayu dan mengecam kerajaan seolah-olah kerajaan telah meninggalkan sama sekali nasib dan membela nasib orang Melayu dan kemudian sebenarnya mendapat sokongan daripada parti DAP.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin penjelasan mengenai kes yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan itu, bila berlaku kejadian itu dan di mana tempatnya? Sebab apa yang kita tahu, bukan sahaja kita di pihak sini, di Dewan yang mulia ini dan negara faham apa yang disebutkan.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Saya suka mencadangkan supaya Ahli Yang Berhormat dari Tanjong lain kali berunding juga dengan rakan beliau dari Gua Musang dan S. 46 supaya jangan pakatan itu pakatan 'expedient' dari segi politik sahaja dan meninggalkan kepentingan semua kaum di negara kita. (*Tepuk*).

Kes ini sebenarnya merujuk kepada kes yang berlaku di Johor, masjid di daerah Pontian pada bulan yang lalu, di mana kes najis babi telah dilempar oleh seorang pemuda Cina yang tidak bertanggungjawab, tetapi kes ini telah dianggap serius oleh kerajaan dan tindakan penangkapan telah pun dibuat. Jadi, sepatutnya sebagai seorang yang bertanggungjawab tidak menganggap ini sebagai satu gejala biasa di kalangan rakyat Cina kerana kes ini yang melibatkan seorang Cina.

Jadi, kita ambil sikap tindakan itu kepada seorang. Tetapi untuk S. 46 menggunakan kes ini dan cuba membangkitkan semangat dan api perkauman, ini nyata menunjukkan orang yang sudah bankrup politik mereka. (*Tepuk*) Cuba tidak ada isu lain yang munasabah dan cuba menghangatkan dan menimbulkan kemarahan orang Melayu. Tetapi tidak tepat pada ketika dan waktunya kerana ini akan menimbulkan ketegangan kaum yang akan merugikan kita semua. Alhamdulillah, orang Melayu dan orang Cina, orang India dan lain-lain kaum di negara kita cukup dewasa dan matang dan saya percaya sikap ini bukan akan menambah sokongan kepada S. 46 tetapi orang-orang Melayu akan menolak mereka sama sekali dalam perkara ini. (*Tepuk*).

Ahli Yang Berhormat dari Gua Musang pada 6hb. November, 1994 telah menyatakan dalam kenyataan beliau bahawa pada tahun 1976, tahun pertama beliau menjadi Menteri Kewangan. Kalau tahun pertama ini, susahlah hendak catat rekod kerana jasa orang sebelum itu. Tetapi walau bagaimanapun, beliau mengaku kejayaan beliau kerana pertumbuhan ekonomi negara mencapai angka 11.6%.

Pertumbuhan ekonomi tahun 1976 disebabkan arahan supaya pengeluaran petroleum mentah ditingkatkan sebanyak 69% daripada 98,000 tong sehari pada tahun 1975 kepada 165,000 tong sehari pada tahun 1976. Kalau hendak tahu bagaimana kadar pertumbuhan itu berlaku, cuma pam minyak pergi keluar sahaja. Siapa pun boleh jadi Menteri Kewangan kalau kerjanya hanya setakat itu sahaja. (*Ketawa*) Kalau kesan peningkatan petroleum yang mendadak ini tidak diambil kira, kadar pertumbuhan ekonomi pada tahun 1976 jauh lebih rendah.

Pertumbuhan sebanyak 8.6% bagi tempoh 1976-1980 sebahagian besar disebabkan oleh pengeluaran petroleum mentah secara mendadak, purata 25% setahun tanpa mengambil kita kesannya terhadap kepentingan generasi akan datang. Menteri Kewangan selepas itu Tun Daim Zainuddin, telah dapat mencapai pertumbuhan ekonomi yang lebih mantap iaitu pada kadar purata 8.7% dalam tahun 1988 tanpa meningkatkan pengeluaran petroleum mentah secara mendadak — ada bedanya.

Purata tambahan pengeluaran petroleum mentah dalam tahun 1988 sehingga 1994 adalah sebanyak 4% setahun sahaja, malah pengeluaran petroleum mentah telah dikurangkan; dalam kadar pertumbuhan yang lebih tinggi kita kurangkan pengeluaran petroleum mentah sebanyak 1.7% pada tahun lalu.

Pada tahun ini, peningkatannya kurang daripada 1% sahaja. Ini ialah kerana kita sedar bahawa rizab petroleum yang ada adalah harta anak cucu-cicit kita, bukan harta puak kita untuk menunjukkan kadar pertumbuhan itu tinggi. Kita harus gunakan rizab petroleum yang ada dengan berhemat agar generasi akan datang turut berpeluang menikmatinya.

Jadi, nyatalah Ahli Yang Berhormat dari Gua Musang cenderung memutarbelitkan perangkaan berkaitan juga dengan hutang luar negara.

Mengenai hutang luar negara. Ini kerana ada juga penyokong S. 46, sebenarnya penyokong S. 46 jarang hadir di Parlimen, tetapi tidak mengapalah. Nampaknya beliau tidak dapat membezakan di antara hutang luar Kerajaan Persekutuan dengan hutang luar negara yang merangkumi hutang luar sektor swasta dan sektor awam. Hutang luar sebanyak RM20.8 bilion pada tahun

1984 yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Gua Musang adalah hutang luar Kerajaan Persekutuan dan bukanlah hutang luar negara. Jadi, seorang bekas Menteri Kewangan boleh membuat penipuan kenyataan secara terang-terangan. Ini cukup mengaibkan dan memalukan.

Hutang luar negara pada tahun 1984, iaitu semasa beliau akhir menjawat jawatan Menteri Kewangan adalah lebih tinggi iaitu RM37.178 bilion. Ingin saya nyatakan di sini bahawa hasil daripada usaha gigih kerajaan sesudah itu, dalam mengawal hutang luar kerajaan, di samping membuat pra pembayaran, hutang luar Kerajaan Persekutuan — ia berbeza, hutang luar Kerajaan Persekutuan dengan hutang luar negara, kerana hutang luar negara itu termasuk hutang oleh sektor swasta yang kita galakkan kerana tidak ada kena-mengena dengan keputusan kerajaan.

Jadi hutang luar Kerajaan Persekutuan adalah RM17.259 bilion pada tahun 1994, iaitu 17% lebih rendah daripada hutang luar Kerajaan Persekutuan sebanyak RM20.8 bilion pada tahun 1984. Hutang luar negara pada tahun 1984 iaitu sebanyak RM37.178 bilion adalah hampir empat kali lebih besar daripada rizab luar negara ketika itu, iaitu RM9.6 bilion. Ahli-ahli DAP pun patut dengar sedikit, jangan dok sokong tak tentu arah! (*Ketawa*)

Pada tahun 1994, hutang luar negara adalah sebanyak RM64 bilion, tetapi jumlah ini adalah lebih kecil dari rizab luar negara yang berjumlah RM83 bilion pada akhir bulan Ogos 1994. Kita harus sedar, pendekatan pengurusan tidak harus boros seperti yang pernah berlaku pada ketika itu. Kedudukan keseluruhan kewangan Kerajaan Persekutuan kian merosot sejak beliau memegang jawatan

Menteri Kewangan. Defisit keseluruhan kewangan Kerajaan Persekutuan meningkat — defisit meningkat dari 6.43% daripada KNK pada tahun 1976 kepada 17.5% KNK tahun 1982.

Ini satu perbezaan besar apabila dibandingkan dengan lebih yang tercatat dalam kedudukan keseluruhan kewangan Kerajaan Persekutuan pada tahun 1993 dan lebih yang dijangkakan pada tahun ini. Ketika Ahli Yang Berhormat dari Gua Musang menjadi Menteri Kewangan — yang ini Kok Lanas kena dengar betul-betul. Ketika beliau menjadi Menteri Kewangan, hutang luar Kerajaan Persekutuan meningkat sebanyak 579% dari RM3.071 bilion pada tahun 1976 kepada RM20.484 bilion pada tahun 1984. Akibatnya, nisbah bayaran khidmat hutang luar negara, iaitu bayaran

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Amat Berhormat

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Biar habis ayat dahululah mengertilah sedikit. Bayaran faedah dan pokok, berbanding dengan eksport negara telah meringkat dari 1.8% pada tahun 1976 kepada 11.8% pada tahun 1984. Kalau dilihat tahun ini, nisbah khidmat hutang luar negara hanya 4.7%. Kalau andaian diberi dinyatakan bahawa ini tanggungjawab bersama kerajaan, Kabinet dan Perdana Menternya Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, saya hendak terangkan bahawa Perdana Menteri yang sama semasa Menteri Kewangan itu hutangnya bertambah 579%, Perdana Menteri yang sama hutangnya berkurangan, khidmat hutang

luar negara turun 4.7% — Menteri Kewangan berbeda, Perdana Menteri sama. Jadi salahnya bagi saya, salah Menteri Kewangan.

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: Saya minta penjelasan daripada Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan, saya percaya bahawa pada tahun-tahun yang disebutkan tadi, yang menjadi Perdana Menteri ialah Perdana Menteri yang sama — apakah tindakan untuk membuat hutang negara ini adalah menjadi tanggungjawab Menteri Kewangan semata-mata atau tanggungjawab Menteri Kabinet iaitu Kabinet Kerajaan Malaysia seluruhnya untuk melibatkan apa-apa komitmen kerajaan dalam mana-mana pinjaman luar di seluruh negara? Jika hutang itu dibuat oleh Kerajaan Malaysia, apakah Menteri Kewangan seorang yang perlu dipersalahkan atau Kabinet keseluruhannya yang mesti bertanggungjawab? Kerana, takkanlah Perdana Menteri tak tahu bagaimana Menteri Kewangan berhutang? Kalau Perdana Menteri tak tahu Menteri Kewangan berhutang, lebih baik berhenti daripada menjadi Perdana Menteri! *(Disampuk)*

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, pada masa itu memang Perdana Menteri tidak tahu semua. Bila dia tahu, sebab itu dia singkir Menteri Kewangan itu! *(Ketawa)* *(Disampuk)* Sebelum itu dia tak tahu! Itu yang dia lantik Tun Daim, selepas itu saya sambung dan kita laporkan semua perkara ini kepada Jemaah Menteri. Sebab itu daripada hutang besar, dia jadi tidak berhutang! Bahkan semasa Tun Daim Zainuddin, pra-pembayaran telah diperkenalkan (pre-payment) sebelum cukup tempoh.

Manakala hutang luar Kerajaan Persekutuan telah berkurangan sebanyak 17% jika dibandingkan dengan jumlah-

nya pada tahun 1984. Ahli Yang Berhormat Kok Lanas harus tahu, saya memilih untuk menjelaskan perkara ini sebagai menjawab kenyataan yang dikemukakan. Kalau tidak, bukan urusan saya hendak beri banyak sangat penjelasan kerana Ahli Yang Berhormat sedia maklumlah. Jadi itulah, kita kena belajar, jangan belanja boros.

Akaun semasa imbalan pembayaran pada tahun 1982 adalah defisit yang paling buruk dalam sejarah dibandingkan dengan KNK, iaitu 14.1% daripada KNK. Dengan izin, twin deficits yang serius dalam imbalan pembayaran dan kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan pada awal tahun 1980-an kerana ini sudah terkenal. Kalau beginilah, bagaimana boleh kita katakan ada kepintaran pengurusan ekonomi?

*(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)*

Saya hendak maklumkan bahawa mungkin buat pertama kali dalam negara ini bahawa pada masa itulah, buat pertama kali Malaysia dan Kerajaan Malaysia telah mendapat amaran dari Kumpulan Wang Antarabangsa (IMF) kerana sikap boros dan kegagalan kerajaan di bawah Menteri Kewangan yang berkenaan mengawal perbelanjaan dan hutang negara bagi mengelakkan malapetaka ekonomi yang menimpa negara. Sekarang di sebaliknya, IMF yang sama yang memberi amaran telah mengucapkan terima kasih dan memberi pujian kepada Malaysia. *(Tepuk)*

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain membangkitkan isu-isu lain. Tuan Yang di-Pertua, saya ketinggalan soal BMF kerana ada juga Ahli Yang Berhormat lain yang membangkitkan dengan mengatakan BMF ini bukan isu Menteri Kewangan kerana ini tanggungjawab Perdana Menteri.

Perdana Menteri memang bertanggungjawab dalam banyak perkara, tetapi kalau isu bank ini melalui peruntukan perundangan yang jelas, Menteri Kewangan bertanggungjawab penuh. Mesti berhadapan dan menjawab seperti mana kita cuba hadapi masalah yang berlaku dengan rizab Bank Negara.

Saya tidak boleh melepaskan ini bukan bidang kuasa kita walaupun pertanggungjawaban Bank Negara ada. Saya tidak mengatakan ini urusan Perdana Menteri. Tetapi kalau pilih orang macam Menteri Kewangan dari Gua Musang yang baik pujian — beliaulah pengurus ekonomi yang terhandal dalam dunia! Yang buruk itu dia kata tanggungjawab orang lain! Ini saya anggap bukan sikap yang munasabah. Semua urusan bank, termasuk Bank Bumiputera dan BMF adalah tanggungjawab Menteri Kewangan

Dr. Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Dan sekarang Ahli Yang Berhormat Kepong diberi izin untuk cuba mempertahankan Yang Berhormat Gua Musang! (*Ketawa*)

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Bukan hendak tahan siapa, (*Ketawa*) hendak tahu sahaja. Dia kata semua urusan bank itu tanggungjawab Menteri Kewangan. Ini bermakna forex itu (*Disampuk*) kehilangan banyak wang. Setakat ini pun kita tak tahulah sebanyak mana amaunnya, tetapi walau bagaimanapun, siapa yang bertanggungjawab? Sama ada Menteri Kewangan ataupun Perdana Menteri? (*Disampuk*)

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Mengenai kerugian Bank Negara, saya telah memberi penjelasan penuh dan saya yang memilih untuk menjawab di Parlimen ini. Saya tak salahkan Jemaah

Menteri, saya tak salahkan Perdana Menteri, itu lain style pengurusan saya dengan style pengurusan sahabat Yang Berhormat dari Kepong. (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua, mengenai Bank Negara, Ahli Yang Berhormat dari Kota Setar

Dr. Kua Kia Soong: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Amat Berhormat, minta jalan lagi ya.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Saya jawab Bank Negara dahulu, boleh?

Dr. Kua Kia Soong: Tuan Yang di-Pertua, ada juga benarnya bahawa dalam pemerintahan Perdana Menteri Dato' Seri Dr. Mahathir, adalah menjadi style-nya bahawa segala projek-projek seperti PERWAJA termasuk sekarang IPP dan pembelian senjata api, turbin-turbin dan sebagainya termasuk pada masa skandal BMF, loans yang diberi kepada Carrian dan lain-lain orang di Hong Kong juga dimasukkan dalam tangan Perdana Menteri. Adakah ini benar?

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Perdana Menteri, Perdana Menteriilah. Maknanya Perdana Menteri boleh soal, boleh bertanya, boleh bangkitkan. Macam Yang Berhormat dari Petaling Jaya atau Bukit Bintang, kadang-kadang ada masalah yang dibangkitkan, barangkali Ahli Yang Berhormat dari Tanjong ambil tahu jugalah. Dia boss mereka. Macam itulah juga kita. Dalam peraturan kita ada hal di mana Perdana Menteri bertanya atau meminta penjelasan. Tetapi kalau dalam bidang kuasa yang diperuntukkan dalam Perlembagaan atau undang-undang, kalau bidang kuasa Menteri Kewangan, kalau ada pandangan

dikemukakan oleh Perdana Menteri; saya bertanggungjawab mengemukakan balik pandangan balas — bersetuju atau kurang bersetuju, beri pandangan dan ini yang berlaku.

Kalau saya tidak kemukakan atau jalankan tanggungjawab saya, mengapa harus saya bebankan kesalahan ini kepada Perdana Menteri. Mengapa harus seorang itu menjadi Menteri, tunjuk beliau hebat dan gagah dan terkenal seantero dunia tetapi tidak berani membuka mulut memberikan pandangan kepada Perdana Menteri? Tunggu sehingga disingkir baru hendak berundur. Saya gunakan istilah "singkir" kerana istilah ini digunakan oleh Ahli Yang Berhormat Gua Musang, bukan istilah saya. Istilah dalam kenyataan beliau. Jadi, itulah kedudukannya. Takkanlah pula masing-masing mahu jawatan, tanggungjawab tidak payah. Jawatan mahu pikul, gaji dapat, elaun banyak tetapi tanggungjawab tidak payah, wakilkan kepada orang. Sebab itu disingkir. Saya fikir tidak ada alasan lain kalau kita hendak singkir, sebab itu.

Dr. Kua Kia Soong: (*Bangun*)

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Biarlah saya sambung sedikit tentang Bank Negara Malaysia ini. Ahli Yang Berhormat dari Tanjong, Bukit Bintang dan Kota Setar dan beberapa Ahli Yang Berhormat yang lain membangkitkan, bahkan dalam siaran yang saya sebutkan tadi soal najis babi yang turut diedarkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Bharu, sebenarnya untuk maklumatlah Ahli Yang Berhormat dari Kota Bharu juga turut mengedarkan siaran yang melibatkan soal najis babi. Ini patut diberitahu. Beliau bangkitkan juga soal kerugian. Beliau gunakan istilah RM15 bilion, ada yang kata RM30 bilion dan banyak bilionlah.

Saya telah jelaskan jumlahnya dan saya ingin juga menjelaskan tahun 1992 dan 1993. Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang membangkitkan bahawa sebenarnya perakuan dan jaminan yang saya beri itu tidak ditunaikan. Sebenarnya tidak benar. Bila saya beri pengakuan di Parlimen, saya hendak ulang kali ketiga, bahawa tidak ada lagi perniagaan (trading) forex oleh Bank Negara Malaysia. Pada masa itu dihentikan sama sekali. Tetapi oleh kerana ada forward position, dengan izin, sudah diambil maka unwinding process itu mengambil masa. Itulah yang berlaku. Unwinding itu berlaku. Tidak ada komitmen baru dalam forward trading.

Jadi, kalau hendak membangkitkan bahawa kita telah memberikan kenyataan yang salah dalam Parlimen, tidak betul. Kita berikan kenyataan "tidak akan ada lagi perniagaan" dan itu kita tunaikan. Yang berlakunya ialah unwinding. Apa akan berlaku tentang jumlah yang telah diperolehi. Maka terpaksa di"unwind". Kalau di"unwind" sekaligus dalam tempoh satu hari, maka jumlah kerugian akan besar. Tetapi kerugian ini seperti mana yang berlaku dua minggu yang lalu dengan exchange rate sekarang, jumlah yang hilang itu RM2 atau RM3 bilion. Itu biasa. Walaupun tidak berlaku trading dalam forex, kerugian dan penambahan di sekitar RM3 bilion atau RM5 bilion itu biasa kerana jumlah forex reserve di kalangan kita itu sangat banyak.

Jadi,

Dr. Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, Kepong bangun.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Sudahlah.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, unwinding process ini sangat menarik. Bolehkah Yang Amat Berhormat menerangkan adakah ini bermakna pihak Bank Negara Malaysia telah mengadakan banyak kontrak dengan pihak-pihak bank yang tertentu untuk forex trading? Kalau begitu, apakah dalam proses unwinding ini kerugian yang bertambah yang belum lagi dijelaskan lagi di dalam Dewan yang mulia ini? Kontrak-kontrak yang dalam proses unwinding ini.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Saya sudah beritahu itu mengambil masa sampai akhir tahun lalu. Semuanya sudah dijelaskan. Kerugian bagi tahun lalu pun sudah dijelaskan dan unwinding positions saya telah ulas semasa saya jawab Usul Yang Berhormat dari Tanjong.

Mengenai Bakun

Tuan Lim Kit Siang: Kerugian forex Bank Negara Malaysia, memang Yang Amat Berhormat faham kenapa ada keraguan-keraguan di kalangan orang ramai mengenai penjelasan-penjelasan yang ada dibuat oleh kerajaan mengenai kerugian besar Bank Negara Malaysia — perniagaan forex. Oleh kerana penjelasan-penjelasan dahulu yang ditunjukkan bahawa tidak benar. Oleh kerana perkara ini sudah habis, tidak ada lagi positions (perniagaan), kenapa kerajaan tidak rela, tidak sanggup mengadakan satu siasatan terbuka baik pun oleh satu Jawatankuasa Parlimen atau oleh satu Suruhanjaya Bebas untuk siasat sepenuhnya 5 tahun, 8 tahun atau 10 tahun kebelakangan kalau perniagaan forex bermula sepuluh tahun dahulu, supaya negara ini boleh dapat satu pengajaran yang sepenuhnya dan sedalamnya. Oleh kerana baik apa pun penjelasan Yang Amat Berhormat, tentulah ada ber-

canggih dengan penjelasan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri di mana beliau kata bahawa, "apa salahnya kerugian yang dialami oleh kerana dahulu ada dapat keuntungan". Apa keuntungan? Rakyat ada hak untuk mendapat semua fakta-fakta dan kalau satu kerajaan yang accountable, yang terbuka dan transparan; kenapa tidak rela mengadakan satu siasatan yang sepenuhnya — yang bebas. Adakah Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan rela menubuhkan satu jawatankuasa ini?

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Pertamanya, isu ini tidak berbangkit lagi. Kenyataan yang dikeluarkan dalam Parlimen dan juga accounts itu sudah pun didedahkan kepada orang ramai dan yang menjadi isunya ialah sama ada sejauh mana Bank Negara Malaysia harus terlibat dalam urusan dagang untuk mempertahankan reserve luar atau forex. Tetapi dalam kes ini, saya juga ingin menjelaskan bahawa jumlah forex kita besar. Kita harus ada strategi tersendiri untuk mempertahankan.

Bila Perdana Menteri mengatakan ada masa kita beruntung. Memang benar. Bila masa ungunya besar, tidak berbangkit. Bila masa kehilangan pendapatan dari forex itu, perkara itu jadi isu. Sebab itu elok kita lihat pada keseluruhannya. Tetapi untuk mendedahkan ini tidak wajar. Walaupun saya mernilih untuk menjawab umpamanya Ahli Yang Berhormat dari Gua Musang yang mengatakan ringgit pada masa beliau stabil, saya ada maklumatnya. Umumnya kita tidak mengeluarkan. Ini selalunya kebiasaan kerana kebijaksanaan pengurusan Dasar Kewangan Negara yang tidak harus didedahkan. Saya hanya mendedahkan kerana percubaan beliau memutar belitkan kenyataan. Saya akan beri jawapan

mengapa ringgit pada masa itu kukuh. Kerana kita gunakan untuk mempertahankan ringgit sebanyak RM8 bilion. RM8 bilion pada ketika itu down the grade. Sebab apa? Hendak pertahankan ringgit, hendak jaga imej Menteri Kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, kalau tanya saya tentang urusan itu, itu ialah kebijaksanaan pengurusan kewangan pihak Bank Negara Malaysia atas panduan Menteri Kewangan pada ketika itu. Kita telah tidak memilih untuk menggunakan alasan ini selama bertahun-tahun sehinggalah kecaman dibuat berdasarkan sumber yang beliau perolehi. Saya ingin menjelaskan bahawa tidak dapat dipertahankan sama sekali dasar begitu. Sebab itu sejak saya bahkan sebelum ini semasa Tun Daim menjadi Menteri Kewangan, kita tidak mahu gunakan jumlah wang begitu besar semata-mata untuk mempertahankan imej kita dan kedudukan ringgit dan biar sedapat mungkin kekuatan pasaran yang menentukan dengan campur tangan dalam keadaan yang mendesak, tidak untuk mempertahankan nilai ringgit dengan dolar Singapura pada ketika itu.

Saya ingin teruskan dengan Projek Hidro Elektrik Bakun. Juga satu lagi Suruhanjaya. Kalaulah kita terima secara serius pendapat Ahli Yang Berhormat dari Tanjong ini, setiap minggu ada Suruhanjaya. Saya tidak tahu lagi hendak pilih siapa pengerusinya. (*Disampuk*) Ini Suruhanjaya Siasatan Bakun. Projek Hidro Elektrik Bakun ini mengikut perancangan biasa. Belum ada keputusan muktamad. Ada lead agency tertakluk kepada kajian. Kalau dibangkitkan urusan Perdana Menteri pergi melancarkan work site dengan hotel, dengan kawasan rekreasi sekitar itu, itu terhad kepada projek itu. Tidak kepada Projek Hidro Elektrik Bakun. Kita masih

terikat dengan laporan yang dikemukakan oleh syarikat Ekran. Kedua, kita masih menunggu Laporan Alam Sekitar (EIA) untuk menilai. Ketiga, kita ada satu pasukan konsultan luar negara dan juga kumpulan profesional dari 8 buah institusi dan juruperunding yang diketuai oleh Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).

Jadi, ini masih lagi merupakan satu projek yang diteliti dan belum diputuskan. Saya tidak faham mengapa pihak Pembangkang masih mengungkit bahawa seolah-olah kita telah putus dan projek ini disebut RM30 bilion seperti mana siaran daripada Yang Berhormat dari Kota Bharu. Siapakah beritahu dia RM30 bilion? Mana dia agak sahaja?

Kalau betul bertanggungjawab, tanggungjawab ini bukan setakat 'style'. Tanggungjawab ini bermakna berdasarkan kepada fakta yang benar. Dan saya ingin menjelaskan, saya kebetulan mempengerusikan Jawatankuasa Kabinet Mengenai Bakun. Kita belum membuat keputusan. Jawatankuasa Kabinet dalam sidang terakhir, hanya menetapkan syarat. Yang pertama, tidak ada kegiatan dan keputusan sebelum laporan terperinci dikemukakan. Tidak ada pembalakan sehingga disahkan oleh EIA. Bahkan pelawaan syarikat untuk menyediakan peruntukan RM200 juta untuk membina jalan oleh swasta, itu ditolak oleh kerajaan kerana kerajaan mengatakan kerajaan yang akan membuat jalan itu sekiranya kerajaan mendapati perlu dan tidak menyerah kepada syarikat swasta sehingga keputusan penswastan dan perjalanan projek itu diserahkan kepada pihak syarikat yang berkenaan.

Jadi, saya harap dengan penjelasan ini tidak baiklah dibangkitkan isu politik tentang Bakun.

Tuan Lim Guan Eng: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kota Melaka bangun, Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sama ada di antara syarat-syarat yang dikemukakan oleh beliau, termasuk juga bahawa syarikat yang diberikan kontrak ini tidak boleh mempunyai percanggahan kepentingan di mana saham-saham dari syarikat tersebut dimiliki oleh sama ada pemimpin-pemimpin tertinggi Barisan Nasional atau sanak-saudara mereka seperti mana yang berlaku dalam Ekran di mana dilaporkan bahawa dua anak, Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak mempunyai ekuiti saham dalam Ekran itu. Adakah beliau sedar tentang milikan ekuiti mereka dalam Ekran? Kalau ya, adakah ini bermakna bahawa Ekran tidak akan termasuk dalam permohonan tender untuk projek Bakun ini? Sekian.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Soal siapa yang memegang ekuiti dalam Ekran itu bukan urusan saya. Kerana Ekran ini adalah satu syarikat swasta. Kemudian dia kemukakan cadangan dalam projek Bakun. Kita menilai cadangan itu dan kita akan meletakkan syarat supaya kepentingan syarikat tempatan ada, kepentingan bumiputera dipertahankan seperti mana yang kita biasa kendalikan.

Untuk kita menilai syarikat kerana ekuiti sebelum syarikat itu memohon, saya kira bukan urusan kita. Syarat, kalau kita mahu kenakan, hanya syarat berdasarkan apa kepentingan kepada negara, kepentingan kepada syarikat tempatan dan kepentingan syarikat bumiputera supaya terdapat penyertaan yang memadai.

Tuan Lim Guan Eng: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Dia bangun lagi.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, sebagai bukan sahaja Pengerusi Jawatankuasa Kabinet untuk Projek Bakun, tetapi juga kerana sebagai Pengerusi Jawatankuasa Kabinet Menentang Penyelewengan dan Rasuah, bukankah salah kalau projek ini diberikan oleh sebuah syarikat yang ada hubungan dengan anak kepada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak. Kalau ini bukan satu penyelewengan, apakah bermakna penyelewengan? Apa gunanya Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri mempengerusikan Jawatankuasa Kabinet Menentang Penyelewengan dan Rasuah. Kalau memberi tender setiap kali kepada syarikat yang mempunyai hubungan dengan sanak-saudara Menteri, Ketua Menteri atau Ahli Exco? Saya rasa ini menunjukkan bahawa tidak bermakna langsung sejak Yang Amat Berhormat menjadi Pengerusi Jawatankuasa Kabinet Menentang Penyelewengan, tidak ada seorang Menteri, Timbalan Menteri atau Ketua Menteri didakwa atas penyelewengan, sedangkan kita tahu, semua orang tahu ramai yang terlibat, termasuk bekas kawan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Rahim Tamby Chik.

Seorang Ahli: Sahabat karib.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Tidak wajar kalau sebutkan nama kawan saya, seorang bekas Ketua Menteri. Yang Berhormat dari Kota Melaka pun kawan juga. (*Ketawa*) Kawan belah sana.

Tuan Yang di-Pertua, saya sebenarnya tidak mendapat maklumat sekarang yang terperinci tentang siapa pemegang ekuiti Ekran. Yang disebut 'conflict of interest' ini, hanyalah sekiranya orang yang membuat keputusan itu terlibat secara langsung dalam mempengaruhi keputusan. Ketua Menteri Sarawak tidak terlibat dalam proses penilaian oleh EPU atau Perbendaharaan dan saya ingin memberi jaminan di sini bahawa keputusan kita mengenai keupayaan syarikat Ekran tidak ada kena-mengena sama sekali dengan kepentingan keluarga Ketua Menteri kerana beliau tidak terlibat dalam keputusan yang kita cadangkan.

Kerajaan Negeri Sarawak memberikan pandangan dan kita hanya memberikan pandangan balas kita berdasarkan bidang kuasa Kerajaan Negeri. Jadi, saya fikir perkara ini tidak harus dijadikan isu atau masalah. Bolehkah saya merujuk, panjang lagi sebenarnya

Tuan Wee Choo Keong: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Bukit Bintang bangun. Hendak beri jalan atau tidak?

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Saya tidak beri kepada Yang Berhormat dari Bukit Bintang. Dia tidak berapa sopan, saya tidak mahu beri jalan kepada dia. (*Ketawa*) Tuan Yang di-Pertua, saya hendak terus (*Disampuk*) Boleh kemudian, isu lain.

Tuan Lim Kit Siang: Saya mahu bangkitkan isu Bakun.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Bakun, saya ingat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos pun sudah jawablah.

Tuan Lim Kit Siang: Sungguhpun Yang Amat Berhormat sudah kata bahawa beliau Pengerusi Jawatankuasa Kabinet yang akan bertanggungjawab mengenai Bakun, bukankah benar bahawa cara bagaimana Ekran sudah melaksanakan atau menjalankan projek ini ada menunjukkan satu sikap, dengan izin, taken for granted, bahawa semua kelulusan akan diberi, bahawa oleh kerana sudah mendapat restu oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang boleh ditunjukkan dalam beberapa peristiwa-peristiwa. Dan bukankah pun benar bahawa sungguhpun laporan Ekran baru-baru ini dikemukakan kepada kerajaan melalui Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tetapi EPU pun belum melantik pakar-pakar perunding untuk menilai dan mengkaji laporan-laporan Ekran mengenai projek Bakun. Bukankah ini menunjukkan assumption Ekran bahawa tentulah segala kebenaran akan diberikan oleh kerana suatu keputusan politik sudah diambil di atasan oleh pihak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri dan Jawatankuasa Kabinet yang diketuai oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri nampaknya ialah 'toothless tiger'? (*Ketawa*)

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, andaian syarikat hendak buat, dia boleh andaikan. Memang kita cenderung untuk meminta supaya kalau sebaik mungkin satu syarikat "based" di Sarawak untuk mengendalikannya dan kebetulan Ekran ada keupayaan. Tetapi dia tidak akan diberikan laluan kebenaran untuk meneruskan sehingga tertakluk kepada syarat-syarat yang ketat. Saya sendiri pun sudah pun memanggil Pengerusi Syarikat Ekran dan memberi ingatan bahawa beliau tidak boleh meneruskan sehingga mendapat kebenaran dan pengesahan daripada EIA dan agensi-agensinya bertanggungjawab.

Oleh kerana projek Ekran itu besar, kita bercadang untuk meletakkan mengikut beberapa peringkat tertentu yang akan dikendalikan oleh syarikat-syarikat berbeza. Anggapan umum ialah bahawa seluruh projek itu akan dikendalikan oleh Ekran. Ini tidak benar. Jadi, saya hanya boleh memberi penjelasan setakat itu bahawa tidak benar sama sekali Ekran akan diberi tanggungjawab untuk membuat semuanya kerana kita harus berikan pakej tertentu kerana ia melibatkan satu projek raksasa.

Tuan Yang di-Pertua, dalam isu industri insurans yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kangar, saya terima baik dan garis panduan mengenai amalan penyelesaian tuntutan insurans telah diperkenalkan dan diumumkan tidak lama lagi untuk memproses dan membayar tuntutan insurans daripada pemegang-pemegang polisi secara adil. Ini termasuklah "simplified motor policy wordings" bagi membantu pembeli insurans.

Pinjaman KWSP kepada IPP dibangkitkan oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat termasuk dari Bandar Kuching. Ini biasalah kalau Ahli Yang Berhormat dari DAP ini, jumlahnya dia selalu tambah. Yang saya dapat maklumat sepenuhnya — terakhir — pagi ini, jumlah keseluruhan pinjaman Pengeluaran Kuasa Bebas (IPP) oleh KWSP kepada 5 projek hanyalah RM3.5 bilion. Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching menyebut RM45 bilion — menggemparkan, tetapi bohong. (Ketawa) Jumlahnya RM3.5 bilion dan ini sebenarnya diputuskan oleh Panel Pelaburan KWSP. KWSP mempunyai peruntukan kewangan yang besar dan lebih cenderung bahkan ingin menambah kerana ini satu projek IPP yang akan menjamin pulangan dan risiko yang agak kecil.

Penjualan tanah milik STLR. ini dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Bukit Bintang mengenai tanah di Mukim Petaling seluas 3.2 ekar

Dr. Kua Kia Soong: (Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Dia bangun, Yang Berhormat.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: . . . kepada Cergas Bahagia dan Lembaga Pengarah STLR telah bersetuju. Ini tidak kena-mengena dengan kerajaan sangat. ini Lembaga Pengarah STLR menjualkan tanah tersebut

Dr. Kua Kia Soong: (Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ada yang bangkit Yang Berhormat.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: . . . pada bulan Mac, tahun 1991 dengan harga RM5 sekaki persegi berdasarkan kepada harga tanah yang dijual di kawasan yang sama.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat tanah ini dijual bersama dengan kawasan setingan yang ada di atas di mana pembeli bertanggungjawab menyelesaikan masalah semua penghuni setingan di kawasan tersebut.

Mengenai urusan tanah berkenaan di antara Cergas Bahagia Sdn. Bhd., dengan ESSO dan PETRONAS. ini di luar dari kawasan STLR. STLR menjual kepada Cergas Bahagia Sdn. Bhd., dan Cergas Bahagia Sdn. Bhd. mengadakan rundingan dengan ESSO dan PETRONAS. Kalau kita dapati ada penyelewengan perkara ini boleh cirujuk kepada BPR. Kalau Yang Berhormat bersetuju saya sendiri pun boleh menggunakan jasa baik untuk merujuk kepada ini kepada BPR.

Tuan Wee Choo Keong: (*Bangun*)

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Terima kasih, tidak payah cakap banyak lagi. (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pembangunan semula Hospital Kuala Lumpur, Yang Berhormat dari Tanjong sebut

Tuan Lim Kit Siang: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ada yang bangun, Yang Amat Berhormat.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: . . . yang memohon itu kebetulan duduk

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Dia tidak mahu beri.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: . . . di sebelah rumah saya. Dia bukan duduk di sebelah rumah saya, sebelah rumah saya, rumah Perdana Menteri. Sebenarnya belum ada keputusan.

Saya baru dapat maklumat pagi tadi dari Unit Perancang Ekonomi bahawa perbincangan masih diteruskan. Bahawa mesyuarat mengenai perkara itu yang disebut pada 18hb. Julai adalah mesyuarat menerima permohonan dari syarikat berkenaan — cadangan permohonan, bukan keputusan. Jadi, kalau ini merupakan permohonan maka UPE (Unit Perancang Ekonomi) masih mengkaji bersama dengan wakil Kementerian Kesihatan, Kementerian Pendidikan — saya tidak tahu sebab apa melibatkan Kementerian Pendidikan, boleh jadi sebab Fakulti Perubatan, UKM; Jabatan Peguam Negara, Jabatan Penilaian Harta Tanah, DBKL dan Perbendaharaan. Lain kali tanyalah ya!

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Tidak payah, itu perkara kecil, tidak payah penjelasan — yang lain.

Tuan Lim Kit Siang: Ada open tenderkah, saya mahu tanya.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Ini penswastaan yang mengemukakan projek dan cadangan yang dikemukakan itu oleh syarikat ada penilaian. Sebenarnya yang saya difahamkan ada beberapa cadangan dikemukakan, bukan yang satu yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat yang kata jiran saya ini.

Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang bertanya mengenai 'peruntukan saham khas bumiputera'. Setakat yang saya maklum ini siaran 46 yang terakhir bawa cerita mengenai bapa saya mengenai IOI. Bapa saya masuk IOI ini semasa menjadi Presiden ABIM lagi. Dan yang saya dapat tahu rupanya yang memberi ini pun Ahli Yang Berhormat dari Gua Musang (*Ketawa*) masa itu barangkali hendak pujuk saya masuk UMNOlah kot! (*Ketawa*) Tetapi beliau gagallah. Dia pujuk bapa, lain kali kalau hendak beri saham, masa itu dia Menteri Kewangan patut beri pada saya, dia beri pada bapak saya, saya tidak tahu — tidak dapat apalah. (*Ketawa*) Jadi, kalau hendak bangkit sampai macam itu tidak kenalah — Tuan Yang di-Pertua, di-ungkit — habis, jadi tidak kena macam itu — tidak elok.

Yang lain ini, setakat saya tahu pembahagian saham ini adalah di bawah Kementerian Kewangan, itu kalau syarikat-syarikat kewangan. Dan kita beri umpamanya kalau penswastaan 8,000 syarikat kemukakan, kalau semua bumiputera kita beri kesemua. Bila saya cek, cek, cek — kemudian saya tahu orang S.46 pun ada, orang PAS pun ada. Saya tahu, tetapi saya tidak mahu sebut di sinilah

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: Itu dia orang PAS boleh!

Beberapa Ahli: Boo!

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: Itu dia orang PAS boleh!

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Sungguh! Bukan melawak. Kerana saya membuat kategori, Ahli-ahli Yang Berhormat Marang, tak ada! Saya ceklah — tidak dapat — tidak dapat apa-apa (*Ketawa*). Tetapi yang kita tengok, siapa sahaja yang daftar syarikat sebagai bumiputera dia dapat, jadi saya tidak nafikan sesiapa.

Untuk membangkitkan isu yang lain, yang di bawah bukan bidang kuasa saya, jadi tidak ada pengaruh sama sekali seperti membangkitkan soal yang menyentuh kementerian lain. Tetapi yang saya ingin bangkitkan kerana kebetulan adik saya terlibat. Saya langsung sama sekali tidak diberitahu, tidak dimaklumkan — sama sekali. Ini soal yang amat saya kesalkan kerana dikaitkan dengan saya dalam kes ini, tetapi apa yang saya boleh buat? Kalau di bawah Kementerian Kewangan secara langsung saya batal, tetapi ini hubungan dengan syarikat swasta yang dikemukakan. Saya beza, kalau hendak dibangkitkan soal moral seperti yang dibangkitkan oleh sebagai Ahli Yang Berhormat dari Kok Lanas dan Ahli Yang Berhormat dari Kota Bharu, saya hendak menasihatkan, saya bukan bekas Menteri Kewangan pada masa itu, kerana saya ada rekod siapa yang beliau beri. Syarikat kewangan kepada siapa? Taukeh mana yang dihidupkan?

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: Cerita — ceritalah! (*Ketawa*)

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Tidak payahlah. (*Ketawa*) Kerana ada hadnya dahulu. Kadang-kadang ada perlu setengah-setengah rekod itu kita simpan, ada time yang sesuai, politik ini 'timing' itu penting, Tuan Yang di-Pertua. (*Ketawa*)

Tuan Wee Choo Keong: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Bukit Bintang bangun Yang Amat Berhormat.

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas

Tuan Wee Choo Keong: Penjelasan!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas, Bukit Bintang tidak boleh! (*Ketawa*)

Tuan Wee Choo Keong: Tidak berani!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat!

Tuan Shahidan bin Kassim: Tidak sopan! (*Ketawa*)

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Bukan tidak berani. Tuan Yang di-Pertua, seperti Ahli Yang Berhormat dari Tanjung tahu saya 'gentleman' saya kritik, dia kritik — okay. Saya tegas — dia tegas — okay. Tetapi kalau saya sopan, dia biadap — tidak okay. (*Tepuk*)

Seorang Ahli: Bukit Bintang biadap!

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas membangkitkan soal penyenaaran pemilikan saham bumiputera di BSKL. Keterangan yang lanjut telah diberikan dalam Parlimen. Saya hanya ingin menambah bahawa 84 syarikat yang disenaraikan di Papan Kedua BSKL, yang dimiliki 51% dan ke atas ekuitinya oleh bumiputera — 5 syarikat, manakala 27 syarikat peratusan milikan bumiputera di antara 30% — 50%. Bagi baki sebanyak 52 syarikat peratusan milikan bumiputera kurang dari 30% ekuiti.

Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mas membangkitkan tentang pengurusan Standard Chartered Bank. Kita ingin mendapat keterangan lanjut daripada Ahli Yang Berhormat dan kalau boleh minta rujuk dan membuat aduan terus kepada Bank Negara untuk mengambil tindakan sekiranya berlaku penyelewengan dan tindakan yang dianggap bertentangan dengan prinsip keadilan.

Ahli Yang Berhormat dari Marang dan Pengkalan Chepa membangkitkan juga, tidak sangat tentang Belanjawan, tetapi secara umum bahawa Belanjawan ini telah tidak memenuhi hasrat dan kehendak falsafah dan pembangunan Islam sepenuhnya. Saya terima teguran itu dari segi tidak mungkin kita perkenalkan sesuatu yang mendadak tanpa pendekatan yang bijaksana, kerana kita merasakan pertumbuhan ekonomi tidak harus dalam kebijaksanaan pendekatan kita ini terjejas, dan saya juga berpendapat bahawa langkah yang kita ambil walaupun ada kekurangan dan keterbatasannya masih dianggap yang terbaik, yang pernah diperkenalkan. Umpamanya dalam isu Program Pengurusan Ekonomi Islam dan Institusi Kewangan Islam saya tidak tahu ada negara lain selain Malaysia yang ada menunjukkan kesungguhan pelaksanaan dalam bidang ini.

Soalan Yang Berhormat Pengkalan Chepa dengan cara stail kasarnya, saya ingat saya tidak payah jawab kerana kalau saya jawab, dia lagi marah. Tahun lalu dia marah betul dan selepas itu dia kurang senyum dengan saya. Jadi, tahun ini saya tidak berhajat untuk menyentuh perkara itu.

Selain dari itu, Ahli Yang Berhormat dari Tanjong, Alor Setar dan Bukit Mertajam dan beberapa Ahli Yang Berhormat yang lain membangkitkan kebimbangan takut-takut penurunan cukai menyebabkan kita kehilangan RM2 bilion dan RM1 bilion bonus, jadi bagaimana pendapatan akan bertambah? Itulah saya hendak beritahu Ahli Yang Berhormat Tanjong kebijaksanaan pengurusan ekonomi Barisan Nasional. (*Tepuk*) Kita boleh turunkan cukai tetapi pendapatan bertambah. Sebenarnya ini adalah pendekatan yang saya rasa sesuai dan bijak kerana teori ekonomi mutakhir membuktikan bahawa penurunan cukai tidak menyebabkan kehilangan pendapatan tetapi menyebabkan peningkatan pendapatan. Dalam kenyataan terakhir dari Jabatan Hasil Dalam Negeri terbukti bahawa penurunan ini akan menyebabkan peningkatan bahkan dalam kenyataan terakhir mereka menunjukkan bahawa pendapatan kita lebih baik daripada yang kita jangkakan sebelum ini.

Ahli Yang Berhormat dari Keningau membangkitkan pandangan yang agak baik juga melainkan katanya kita tidak sebut secara terperinci projek-projek bagi Sabah. Saya harap Yang Berhormat dari Keningau jangan bimbang oleh kerana keputusan kerajaan mengenai Sabah ini bersungguh-sungguh. Saya telah umumkan peruntukan RM255 juta untuk bekalan elektrik. Pagi tadi Jemaah Menteri memutuskan peruntukan segera untuk bekalan air dan kita telah melaksanakan Universiti Sabah dan kita

telah umumkan juga satu perkara yang kita tidak janjikan iaitu Politeknik dan Pusat Perindustrian Sabah. Maka adalah kebijaksananya dengan kita menubuhkan Kerajaan Barisan Nasional Sabah. Terima kasih Yang Berhormat Keningau kerana memberikan kefahaman dan tidak mengganggu Kerajaan Negeri sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Tanjong telah membangkitkan soal kadar percukaian dengan panjang tetapi saya tidak berhajat untuk menyentuh perkara itu lagi. Yang Berhormat Alor Setar mencadangkan supaya kadar cukai pendapatan maksimum individu dikurangkan lagi. Kita sedang meneliti. Seperti mana saya sebutkan tadi bahawa regim cukai ini mesti juga mengikut keadaan semasa, tidak boleh terlalu terkongkong dengan prinsip kepentingan dalam negeri kerana kita harus melihat perkembangan di persekitaran kita.

Ahli Yang Berhormat jiran saya dari Bukit Mertajam — Ini baru jiran! Dia kata bahawa pemotongan cukai tidak membantu orang bawahan. Itu tidak benar! Saya orang Ceruk Tok Kun dan tentulah saya mahukan bahawa penurunan cukai memberi manfaat kepada orang ceruk, orang parit, orang bukit, orang gua, 'lak gue' dan lain-lain. Tetapi untuk mengatakan tidak memberi manfaat, saya ingat ini tidak betul. Soal pelepasan untuk ibu bapa, ini telah kita lakukan bagi tahun 1991 ditambah. Kemudian perbelanjaan tambahan perubatan ibu bapa juga ditambah.

Yang Berhormat dari Sibü meminta supaya kita meneliti tentang cukai pendapatan bagi penderma dikecualikan. Ini tertakluk kepada Akta Cukai Pendapatan sekarang dan apa-apa usul tambahan boleh dirujuk kepada Jabatan Hasil Dalam Negeri.

Ahli Yang Berhormat dari Bagan bertanya mengenai duti import ke atas alat sembahyang tok kong ini macam mana. Macamlah dia itu warak sangat! Tetapi saya sudah beritahu ia dapat keseluruhannya dan tidak terikat kepada mana-mana satu agama sahaja kerana kita menggalakkan rakyat kita hidup cara rukun damai dan beragama.

Yang Berhormat dari Teluk Intan dan Tuaran membangkitkan isu mengenai Tabung Pelaburan Domestik yang telah kita rujuk kepada kementerian berkenaan. Yang Berhormat dari Sungai Benut minta supaya peruntukan luar bandar ditambah, saya telah beritahu bahawa tahun 1995 penambahan bagi peruntukan luar bandar lebih tinggi iaitu RM9.2 bilion dan beberapa projek khas seperti bekalan air dan bekalan elektrik luar bandar telah ditambah. Begitu juga arahan bagi Kementerian Pendidikan dan Kementerian Kesihatan untuk menentukan prasarana yang besar dan baru dibuat hanya di kawasan luar bandar agar memberikan manfaat secara langsung kepada masyarakat luar bandar.

Ahli Yang Berhormat Batang Lupar membangkitkan soal rumah guru di Sarawak. Kita sudah menyediakan 1,112 unit rumah guru dengan anggaran kos RM37.8 juta. Yang Berhormat Sibü membangkitkan lagi beberapa isu mengenai pembangunan di Sarawak yang telah pun kita senaraikan secara terperinci dalam buku projek yang dikembarkkan. Sibü dan Baram minta kerajaan memberi peruntukan yang lebih bagi infrastruktur Sarawak. Sama seperti keadaan sebelumnya, kita telah senaraikan secara terperinci dan projek pembangunan bagi Sarawak dan Sabah diberikan tambahan justeru kerana kedudukan kawasan yang agak ketinggalan berbanding dengan beberapa negeri di Semenanjung.

Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara lain saya percaya akan disentuh oleh Menteri-menteri yang berkenaan dan saya tidak berhajat untuk meneruskan dan sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang memberikan pandangan dan teguran dan kepada Ahli Yang Berhormat yang saya tidak sentuh secara terperinci saya boleh menyediakan maklumat tambahan sekiranya diperlukan. Terima kasih. *(Tepuk)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Menteri di Jabatan Perdana Menteri minta jawab.

4.36 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Undang-undang (Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk disatukan pengumuman Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu izinkan saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Belanjawan 1995 selama lapan hari yang lalu. Beberapa Ahli Yang Berhormat telah memberikan pandangan, cadangan dan juga teguran terhadap beberapa perkara di bawah tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Marang telah membangkitkan mengenai pembangunan insan. Dalam hubungan ini ingin saya memaklumkan bahawa kerajaan yang memerintah hari ini melaksanakan dasar pembangunan seimbang dalam semua bidang termasuk pendidikan, sosial dan ekonomi. Dalam konteks ini, pembangunan insan dalam rumah tangga dan

masyarakat adalah didasarkan kepada roh keseimbangan ini. Keseimbangan dalam memenuhi tuntutan rohani dan jasmani inilah yang telah berjaya meletakkan Malaysia di antara negara membangun yang pesat maju dan dalam masa yang sama dapat mengekal dan merealisasikan nilai-nilai hidup yang murni. Kerajaan sentiasa menjunjung perintah-perintah Allah dan Rasul-Nya yang terkandung dalam Al-Quran dan Hadis. Kerana itu kerajaan tidak pernah menolak undang-undang yang terkandung di dalamnya.

Dalam melaksanakan sesuatu undang-undang, terutama undang-undang yang berdasarkan Al-Quran dan Hadis, kerajaan memilih jalan cermat dan berhati-hati demi menjaga imej Islam itu sendiri. Kelemahan dalam melaksanakan satu-satu hukum Islam akan membawa padah kepada agama Islam sendiri. Itulah sebabnya hukum Islam tidak boleh dipermainkan sebagai alat untuk memancing undi sebagaimana yang dilakukan oleh parti PAS. Hukum Islam bertujuan untuk menegakkan keadilan dan keamanan serta kesejahteraan. Jika kita tidak yakin matlamat ini dapat ditegakkan, kita jangan cuba membangkitkan perasaan kepada rakyat takut nanti maruah Islam dan umatnya akan tercemar.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Marang menyarankan supaya Majlis Fatwa Kebangsaan berbincang dengan parti PAS mengenai pelaksanaan Kanun Jenayah Syariah II Kelantan. Suka saya nyatakan bahawa ini bukanlah amalan yang baik kerana Majlis Fatwa bukanlah bertanggungjawab kepada mana-mana parti politik. Ia hanya bertanggungjawab menjaga hukum Islam supaya tidak disalah tafsir atau diselewengkan. Para ulama adalah bebas daripada dipengaruhi oleh mana-mana parti politik. Sebenarnya dakwaan

Ahli Yang Berhormat dari Marang bahawa dua orang ahli akademik diarahkan berhenti menganggotai jawatankuasa menyusun Undang-undang Jenayah Syarikah II, ia adalah urusan majikan masing-masing dan tidak ada kena mengena dengan kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sentiasa mengambil berat ke atas perkara-perkara sebagaimana yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kangar yang mahu supaya kerajaan mengambil usaha yang sewajarnya bagi mengelak berlakunya keadaan-keadaan pertelagahan sesama orang Islam. Kita selalu menyebut perkara ini bukan sahaja di dalam Dewan tetapi juga di mana-mana.

Soalnya, sekarang apabila ada golongan yang mempunyai cita-cita tinggi, tetapi memiliki keupayaan yang rendah, maka mereka akan memecah-belahkan orang Islam sendiri dengan menyeleweng fakta-fakta sebenar. Mereka sebenarnya sudah gembira apabila dapat memiliki satu kumpulan dari golongan yang berpecahbelah dan mengharapkan kumpulan ini akan menjadi agen mereka untuk melaungkan merekalah yang lebih Islam dari orang lain. Malangnya, perkara ini tidak hanya terhenti dalam arena politik sahaja, tetapi terbawa-bawa kepada pengalaman atau muamalat yang lebih luas.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Marang mengenai peranan IKIM. Suka saya menjelaskan bahawa IKIM sememangnya memainkan peranan sebagai penyelidik kefahaman Islam, dan bagi melaksanakan peranan tersebut IKIM sesungguhnya mempunyai beberapa program dan aktiviti sepanjang tahun secara terancang. Ini bermakna IKIM tidak menunggu arahan daripada mana-mana pihak sebelum menjalankan tugasnya sebagai "think tank", dengan

izin, mengenai kefahaman Islam. Di antara aktiviti-aktiviti IKIM yang dirancang setiap tahun termasuklah program-program penyelidikan khas, seminar-seminar antarbangsa dan dalam negeri, forum-forum IKIM di televisyen.

Mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas supaya IKIM ditubuhkan di Kelantan, sukalah saya jelaskan bahawa IKIM memerlukan kakitangan penyelidikan yang berwibawa dan agak sukar untuk mendapatkan seperti itu sekiranya IKIM menubuhkan cawangan-cawangannya. Walau bagaimanapun, sejak ia ditubuhkan, IKIM mampu untuk mengkaji dan menyelidik isu-isu mengenai dasar dan strategi untuk seluruh negara dari pejabat yang ada sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat dari Tanjong supaya kerajaan memberi maklumat penuh serta membenarkan satu perbincangan awam ke atas cadangan kerajaan untuk menswastakan perkhidmatan Hospital Kuala Lumpur dan membangunkan semua 80% kawasan Hospital Kuala Lumpur. Suka saya memaklumkan bahawa setakat ini belum ada lagi keputusan muktamad mengenai cadangan penswastakan projek Hospital Kuala Lumpur. Ianya masih lagi dalam pertimbangan kerajaan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ianya adalah private initiated project, dengan izin.

Ahli Yang Berhormat dari Tanjong juga mencadangkan supaya ditubuh suruhanjaya penyiasatan diraja untuk mengawal selia operasi entity yang telah diswastakan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua entiti yang diswastakan telah beroperasi dengan baik dan dapat keuntungan yang lebih besar selepas penswastakan. Entiti-entiti ini adalah dikendalikan oleh Lembaga

Pengarah masing-masing yang tertakluk kepada peraturan sebagaimana yang telah ditetapkan mengikut Akta Syarikat. Sementara itu, badan-badan kawal selia telah juga dibentuk untuk mengawalselia industri monopoli bagi menjamin kepentingan kerajaan dan pengguna dapat dilindungi.

Tuan Lim Guan Eng: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, Kota Melaka minta jalan, hendak beri?

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Biar saya habiskan ayat ini dahulu. Memandangkan peraturan dan jentera yang sedia ada sudah mencukupi, maka cadangan Ahli Yang Berhormat itu adalah tidak lagi perlu.

Tuan Lim Guan Eng: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya Yang Berhormat Menteri tentang penswastaan, konsep dan prinsip-prinsip penswastaan. Bukankah benar bahawa untuk menjamin bahawa penswastaan ini berjaya, tender terbuka mestilah dijalankan? Adakah beliau sedar bahawa yang sebenarnya berlaku adalah sebaliknya, di mana tidak ada tender terbuka dijalankan, tetapi tender rundingan atau tender secara kawan-kawan, di mana projek-projek tertentu hanya diberikan kepada orang-orang tertentu seperti mana yang berlaku, sebagai satu contoh, di Melaka, di mana tanah yang luas sebanyak 826 ekar diberikan kepada sebuah syarikat dengan harga rendah tanpa tender terbuka. Bukankah ini bercanggah dengan matlamat dan objektif penswastaan, selain daripada tidak mencapai hasrat meningkatkan prestasi ekonomi, juga tidak membawa sebarang manfaat kepada rakyat?

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, di dalam projek-projek penswastaan, mereka yang berminat untuk terlibat di dalam bidang-bidang yang mereka mempunyai kemahiran dan kemampuan akan memberikan cadangan dan syor mereka, selepas itu ianya dikaji dengan mendalam oleh pihak jawatankuasa dan juga dikaji oleh EPU. Jadi, soal diberi kepada kawan-kawan tidak berbangkit. Tetapi Yang Berhormat, tiap-tiap kali penswastaan dilakukan, Yang Berhormat mengangap bahawa ianya untuk kepentingan kawan-kawan, saya fikir ini adalah menyeleweng, tidak benar serta jauh dari kebenaran.

Kita berpendapat bahawa di dalam projek penswastaan, ia mendatangkan manfaat, bukan sahaja kerajaan dapat mengurangkan kos, tetapi juga dapat memberikan kebaikan kepada kepentingan pengguna, rakyat terjamin dan ia dikawal selia dengan baik dan sempurna. Oleh itu, saya tidak bersetuju dengan pandangan oleh Yang Berhormat bahawa projek-projek penswastaan telah merugikan kerajaan atau merugikan rakyat, itu adalah tidak benar.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab demam pilihan raya ini semakin ketara, ramai Ahli-ahli Yang Berhormat telah membangkitkan mengenai perkara-perkara berkaitan pilihan raya. Ahli Yang Berhormat dari Kok Lanas membangkitkan tentang pertambahan pemilih yang tidak munasabah di beberapa bahagian pilihan raya di negeri Kelantan ketika urusan pendaftaran pemilih dan penyemakan daftar pemilih 1994.

Bagi menjawab dakwaan Ahli Yang Berhormat itu, ingin saya jelaskan bahawa SPR memang memastikan hanya orang-orang yang layak sahaja yang akan didaftarkan sebagai pemilih di satu-satu bahagian pilihan raya. Jika berlaku

kegiatan membawa orang-orang luar mendaftar dalam satu-satu bahagian pilihan raya yang tertentu atau parti politik melakukannya seperti Semangat 46 dan juga oleh PAS, orang ramai boleh membuat tuntutan dan bantahan ketika rang daftar pemilih dipamerkan kepada umum.

Berikutan dengan itu, SPR telah mengadakan siasatan tempatan yang terperinci bagi memastikan kesasihan tuntutan dan bantahan. Untuk negeri Kelantan, SPR telah mengatur siasatan dari 6hb. November sehingga 13hb. November 1994. Siasatan tempatan ini juga meliputi bahagian pilihan raya Parlimen Peringat dan juga DUN Ketereh. Tuan Yang di-Pertua,

Dato' Alias bin Md. Ali: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, ada yang bangun.

Dato' Alias bin Md. Ali: Oleh kerana perbuatan memindahkan nama pengundi-pengundi dari satu kawasan ke kawasan lain begitu berleluasa di negeri Kelantan dan juga di negeri Terengganu dan beberapa negeri lain yang dilakukan oleh pihak Pembangkang dan juga perbuatan memasukkan penyokong-penyokong mereka di kawasan yang lain kepada kawasan-kawasan yang tertentu untuk mendapatkan kemenangan bagi mereka, adakah pihak kerajaan atau Suruhanjaya Pilihanraya bermaksud untuk mengenakan satu hukuman yang keras terhadap perbuatan-perbuatan pihak yang tidak bertanggungjawab ini pada masa yang akan datang supaya tidak banyak masa terbuang, iaitu orang ramai menyemak dan Suruhanjaya Pilihanraya pula menyemak sekali lagi untuk memastikan bantahan itu benar?

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar Tuan Yang di-Pertua, daripada maklumat, kerajaan melihat bahawa ada parti-parti Pembangkang memang memindahkan pemilih tanpa pengetahuan mereka. Ada satu kes yang berlaku di Pahang yang mana seorang ahli PAS telah memindahkan 4,000 orang ke kawasan lain kerana mereka menganggap pengundi-pengundi ini tidak menyokong mereka di dalam pilihan raya. Kejadian ini adalah serius. Oleh itu, kita terpaksa mengumpulkan maklumat yang tepat, dan apabila mendapat maklumat yang tepat maka boleh diambil tindakan-tindakan tertentu oleh SPR. Begitu juga, saya fikir mungkin oleh kerana parti-parti Pembangkang ingin menjamin kemenangan mereka di dalam pilihan raya, mereka bertindak memindahkan pengundi-pengundi dan mungkin prosedur-prosedur ini dapat dikaji semula supaya pemindahan yang melulu tidak dapat dilakukan oleh parti-parti Pembangkang yang tidak bertanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas telah membangkitkan bahawa berlaku keadaan yang kurang menyenangkan ketika siasatan tempatan rang daftar pemilih dijalankan bagi kawasan pendaftaran Parlimen P. 022 Pasir Mas Kelantan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, walaupun siasatan tempatan dijadualkan bermula pada jam 8.30 pagi pada 6hb. November 1994, ia hanya dimulakan pada jam 9.00 kerana pada jam 8.30 pagi tidak ada seorang pun orang yang kena bantah yang dipanggil yang menghadir diri. Maklumat balas yang diterima menunjukkan semua pemilih yang kena bantah dari daerah mengundi yang berkenaan yang hadir telah dibicarakan oleh Lembaga Penyiasat. Masalah yang berbangkit ialah ramai dari pemilih-pemilih yang kena bantah telah tidak menghadir diri.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan pengundi hantu ataupun 'phantom voters' yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Keningau. Ingin saya menjelaskan bahawa istilah tersebut adalah satu istilah yang longgar yang digunakan oleh pihak tertentu dengan tujuan untuk menyatakan bahawa ada orang-orang yang tidak wujud tetapi namanya terdapat dalam Daftar Pemilih. Ini merupakan anggapan yang tidak betul. Jika ada pun pemilih yang datang untuk mengundi, tetapi beliau tidak dikenali oleh penduduk tempatan tidak semestinya pemilih itu seorang 'pemilih hantu'. Ada dua sebab mengapa perkara ini boleh berlaku.

Pertama, ada kemungkinan pemilih-pemilih tersebut pada tarikh kelayakan telah bermastautin atau tinggal di satu-satu tempat dan mereka telah mendaftar sebagai pemilih. Selepas itu, mereka berpindah ke tempat-tempat lain seperti ke rancangan-ancangan tanah atau ke bandar-bandar untuk mencari pekerjaan tetapi tidak memindahkan tempat pendaftaran mereka ke tempat yang baru. Dalam keadaan begini pemilih-pemilih tersebut masih berhak untuk mengundi di bahagian pilihan raya yang asal ketika pilihan raya.

Oleh sebab mereka telah meninggalkan kampung begitu lama, sudah pasti mereka ini tidak dikenali oleh penduduk tempatan.

Datuk Joseph Pairin Kitingan:
(*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya, Keningau.

Datuk Joseph Pairin Kitingan: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan bahawa 'phantom voters' ini adalah per-

kara yang amat serius dan telah pun diakui ada di dalam Buku Daftar Pemilih, adakah dengan hujah daripada Menteri yang berkenaan tadi, menunjukkan bahawa tidak ada siasatan akan dilakukan sama sekali? Sepatutnya memang perkara ini dianggap sebagai satu perkara yang serius dan apa yang kita kehendaki ialah bahawa perkara ini akan disiasat, memandangkan bahawa tidak ada bukan warganegara Malaysia sepatutnya menjadi pengundi di dalam Buku Pendaftaran kita.

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat dari Keningau, siasatan sentiasa dijalankan secara berterusan untuk menentukan bahawa mereka yang mengundi adalah mereka yang berhak mengundi. Adalah tidak benar dengan andaian Yang Berhormat buat, bahawa orang-orang yang tidak layak dan bukan warganegara mengundi di dalam negara kita. Itu andaian. Kalau mempunyai maklumat-maklumat yang tepat, pihak Suruhanjaya Pilihanraya akan menyiasat dan siasatan ini dijalankan secara berterusan di mana ada kebenaran akan dibuat pembetulan.

Tuan Yang di-Pertua,

Datuk Joseph Pairin Kitingan:
(*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, Keningau bangun lagi.

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Saya fikir cukuplah setakat itu.

Datuk Joseph Pairin Kitingan: Tuan Yang di-Pertua, hanya saya ingin menjelaskan di sini, bahawa apabila adanya taklimat yang diberi oleh Suruhanjaya Pilihanraya di Kota Kinabalu,

ada pengakuan menunjukkan bahawa mereka tahu tidak kurang daripada 10% pengundi yang tertulis di dalam Buku Daftar itu adalah pengundi hantu. Jadi, jika pengakuan itu ada, sepatutnya pemeriksaan itu dijalankan.

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya jelaskan tadi, kalau ada maklumat dan bukti ianya akan disiasat dan siapa yang tidak layak akan dikeluarkan daripada senarai pemilih.

Tuan Yang di-Pertua, ada pemilih, saya berbalik kepada penerangan saya terhadap

Datuk Haji Ibrahim bin Ali:
(*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Menteri, Pasir Mas bangun.

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Biar saya habiskan ayat ini dahulu, kalau tidak tergantung pula nanti.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan 'phantom voters' ini ada pemilih yang tinggal di tempat lain tetapi masih mempunyai taraf pemastautin satu-satu bahagian pilihan raya tertentu. Mereka ini juga berhak untuk mendaftar sebagai pemilih kerana masih mempunyai tempat tinggal atau alamat di bahagian pilihan raya yang berkenaan, walaupun mereka tidak tinggal secara tetap di tempat itu.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Pasir Mas.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, mengenai dengan urusan daftar pemilih yang banyak timbul kekeliruan dan bantahan sehingga pihak Pembangkang juga menuduh seolah-olah bahawa SPR telah memihak kepada kerajaan, manakala di kalangan penyokong kerajaan juga merasa banyak tidak puas hati.

Apakah pihak kerajaan bercadang untuk melihat semula urusan sistem mendaftar pemilih dari segi segala aspek, termasuk mengenai dengan urusan pendaftaran pemilih seumpama yang berlaku sekarang ini, antara lain seorang pemilih boleh membantah seberapa ramai yang diingini oleh mana-mana pihak untuk membantah senarai yang telah dikeluarkan oleh SPR, yang menimbulkan banyak kerumitan. Di mana saya ingin mendapat reaksi daripada Yang Berhormat Menteri tidak mungkin bahawa perkara ini diubah supaya bantahan boleh dibuat 'one for one' daripada semua senarai yang dikemukakan seorang boleh membantah, yang menimbulkan banyak masalah dari segi urusan perbincangan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kedua, saya ingin hendak mendapat penjelasan mengenai dengan di Kelantan, saya bangkitkan di kawasan seperti Yang Berhormat jawab tadi, di mana pihak Pembangkang menuduh SPR memihak kepada kerajaan tetapi apa yang berlaku di Kelantan, kakitangan yang ditugaskan untuk melaksanakan perbincangan terdiri daripada kakitangan Pejabat Daerah — saya bukan menuduh, tetapi nampaknya memihak kepada Kerajaan Negeri apabila berlaku di tempat saya contohnya, bila berlaku bantahan mereka tidak dilayan dengan baik sebagaimana saya bangkitkan dalam ucapan saya dan teguran saya.

Dan yang ketiga, saya ingin mendapat penjelasan, mengenai dengan pemilih yang tidak bermastautin di tempat berkenaan yang mahu memilih untuk mengundi di suatu tempat. Ini timbul banyak bantahan kerana mereka tidak duduk di tempat yang berkenaan, maka mereka harus dibantah, manakala kita lihat dari segi soal prinsip demokrasi, setiap pemilih boleh menentukan di mana dia hendak mengundi.

Sebagai contoh, Ahli Parlimen dari Nilam Puri — orang Pulau Pinang tetapi mengundi di Kelantan. Begitu juga Ahli Parlimen dari Rantau Panjang — orang Selangor tetapi mengundi di Kelantan, dia bukan anak Kelantan. Tetapi dalam Daftar Pemilih, mereka mengundi di Kelantan. Jadi, sama juga orang kampung, kalau ada orang kampung yang duduk di Bachok hendak mengundi di Pasir Mas, apakah salahnya? Kenapa perkara ini dibantah, manakala mereka ini boleh di kalangan pemimpin duduk di mana tempat tetapi mengundi di tempat masing-masing.

Jadi, perkara ini saya minta Yang Berhormat Menteri memberi penjelasan, supaya tidak timbul masalah di mana pemilih yang berminat untuk mengundi di situlah tempat beliau mendaftar. Sekian, terima kasih.

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas. Saya fikir jelas sekali apa yang selama ini SPR telah katakan, bahawa SPR adalah satu badan yang bebas, menjalankan tugasnya mengikut undang-undang dan peraturan yang ditetapkan. Yang banyak membuat bantahan bukan sahaja dari parti kerajaan iaitu daripada pihak parti-parti Barisan Nasional yang tidak berpuas hati, tetapi parti Pembangkang pun tidak berpuas hati.

Ini menunjukkan bahawa di dalam menjalankan tugas mereka, mereka menjalankan tugas sebagaimana dikehendaki oleh undang-undang. Daripada siasatan kita sendiri, kita lihat bahawa banyak dari siasatan kerajaan bukan yang ditentukan oleh SPR, parti-parti Pembangkang banyak memainkan peranan untuk mengubah. Dan ini dilakukan, selepas itu mereka buat bising seolah-olah parti Barisan Nasional yang melakukan perkara begini tetapi banyak maklumat yang menunjukkan mereka yang sebenarnya telah mengubah pemilih-pemilih.

Berkenaan dengan cadangan Ahli Yang Berhormat, saya fikir ini adalah satu cadangan yang baik, biar kita serahkan kepada SPR hasil daripada pengalaman yang ada di dalam exercise ini dengan memikirkan cara-cara baru berkenaan seorang boleh menukar, memindahkan pengundi dan cara-cara bantahan-bantahan boleh dilakukan dan juga cara untuk mengeluarkan senarai seseorang yang kena bantah apabila orang itu tidak hadir. Ini semua akan diambil catatan dan terpulang kepada pihak SPR untuk mengkaji sedalam-dalamnya supaya proses demokrasi itu dapat dijalankan dengan sebaik-baiknya bagi menentukan kehendak dan kemahuan rakyat di dalam membuat pemilihan wakil-wakil mereka sama ada di DUN atau di Parlimen dapat dijalankan dengan baik dan sempurna. Saya mengucapkan berbanyak terima kasih di atas pandangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Pasir Mas tadi.

Begitu juga saya tadi ada menyebutkan bahawa sesiapa juga jika dia mempunyai bukti

Datuk Joseph Pairin Kitingan:
(Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):
Yang Berhormat

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Nanti, biar saya hendak jawab. Bila kita ada bukti bahawa seseorang itu mempunyai alamat untuk mengundi di satu tempat, dia boleh mengundi. Tidak semestinya dia duduk di dalam sesebuah negeri itu, tetapi dia mesti mempunyai bukti yang jelas yang dia mempunyai tempat ataupun bermastautin di dalam tempat itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya fikir Yang Berhormat akan tanya juga berkenaan SPR. Saya sudah jawab tadi berkenaan SPR, tidak perlu. Ada banyak lagi yang saya hendak jawab, Tuan Yang di-Pertua. Saya teruskan.

Datuk Joseph Pairin Kitingan:
(*Bangun*)

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Ini nanti dahulu, biar saya habiskan. Saya masih ada hendak bercakap berkenaan pengundi hantu.

Tuan Yang di-Pertua, jika konsep pengundi hantu ini benar-benar wujud, apa yang perlu dilakukan ialah orang ramai sepatutnya bersikap lebih prihatin dengan meluangkan sedikit masa untuk menyemak rang daftar pemilih apabila ianya dipamerkan dan seterusnya membuat bantahan jika terdapat orang-orang yang tidak berkelayakan yang cuba untuk mendaftarkan diri sebagai pemilih.

Mengenai nama-nama pemilih yang berganda sebagaimana yang didakwa oleh Yang Berhormat dari Keningau, SPR mengakui bahawa keadaan ini kadangkala boleh wujud.

Untuk makluman Yang Berhormat, terdapat dua jenis pergandaan di dalam daftar pengundi. Pertamanya, pergandaan yang bercorak nama sama dan nombor kad pengenalan sama. Ini disebabkan oleh pemilih yang mendaftar lebih daripada sekali disebabkan oleh kejahilan ataupun disengajakan. Ini tidak menimbulkan masalah kerana SPR dengan menggunakan komputer boleh mengesan kes-kes tersebut dengan serta-merta dan salah satu nama akan dikeluarkan dari daftar pemilih.

Ke-duanya, pergandaan yang bercorak nombor kad pengenalan sama dan nama berlainan. Pergandaan jenis ini disebabkan oleh kesilapan ketika pemilih mencatatkan nombor kad pengenalan dalam borang pendaftaran dan juga ketika kakitangan SPR 'key in' nombor kad pengenalan pemilih ke dalam komputer. Sebenarnya pemilih-pemilih itu adalah orang yang berlainan dan ianya tidak menjejaskan peluang untuk mengundi kerana kerani ketua tempat mengundi masih boleh membenarkan seseorang itu mengundi walaupun nombor kad pengenalannya berbeza dengan yang tercatat dalam daftar pemilih. Tuan yang di-Pertua, SPR sentiasa akan mengambil tindakan untuk membersihkan daftar pemilih, terutama yang membabitkan pergandaan ini.

Mengenai dengan pemindahan pemilih, sebagaimana saya jelaskan tadi, dari bahagian pilihan raya ke bahagian pilihan raya yang lain tanpa pengetahuan pemilih itu sendiri. Mungkin ini boleh berlaku — SPR mengakui boleh berlaku dan ianya berlaku atas angkara parti-parti politik yang seringkali dari parti-parti politik daripada Pembangkang. Pemindahan seperti ini memang tidak direstui oleh SPR dan ianya adalah satu pertuatan yang tidak bertanggungjawab.

Dalam hal ini, sekali lagi saya ingin menasihatkan orang ramai supaya lebih prihatin untuk menyemak rang daftar pemilih apabila ianya dipamerkan dan seterusnya membuat tuntutan jika terdapat nama mereka telah dipindahkan tanpa pengetahuan mereka.

Mengenai dengan nama pemilih yang telah meninggal dunia masih terdapat dalam daftar pemilih, ingin saya menyatakan bahawa SPR sentiasa mengambil tindakan untuk mengatasi masalah tersebut. Untuk tujuan ini, SPR sentiasa berhubung dengan Jabatan Pendaftaran Negara untuk mendapatkan maklumat pemilih yang telah meninggal dunia dan seterusnya mengeluarkan nama itu dari daftar pemilih.

Usaha untuk mengesan pemilih yang telah meninggal dunia ini akan diteruskan, tetapi untuk menjamin tidak akan terdapat nama pemilih yang telah meninggal dunia dan daftar pemilih adalah satu perkara yang mustahil kerana kematian berlaku tiap-tiap hari sementara proses untuk mengesan pemilih-pemilih yang telah meninggal dunia dan seterusnya mengeluarkan nama mereka dari daftar pemilih akan mengambil masa.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat dari Keningau dan Kimanis telah meminta kerajaan memberi perhatian kepada ketidakseimbangan ekonomi antara wilayah, terutama di negeri Sabah. Saya tidak ingin untuk menjawab oleh kerana Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan telah pun menjawab berkenaan peruntukan-peruntukan kewangan yang diberikan kepada Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mas meminta supaya dinyatakan peranan syarikat-syarikat gergasi di bidang industri minyak dan

gas seperti PETRONAS, ESSO dan Shell di dalam mencapai matlamat untuk membantu usahawan bumiputera yang sedang bergiat di dalam bidang tersebut. Sukalah dijelaskan bahawa beberapa langkah telah dilaksanakan oleh PETRONAS dan syarikat-syarikat gergasi lain. Jawapan yang menyeluruh mengenai perkara ini telah dibuat dalam sesi soal jawab wakil kepada Ahli Yang Berhormat pada 14 November 1994 dan hari ini. Saya tidak bercadang memberi penjelasan lagi mengenai perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Jerai mencadangkan supaya diadakan syarat kepada bumiputera yang berjaya mendapat projek-projek besar penswastaaan supaya mengamalkan konsep payung. Kerajaan sememangnya menyedari tentang pentingnya konsep payung dilaksanakan di bawah program penswastaaan bagi menentukan supaya faedah daripada projek-projek yang diswastakan itu dapat turut dinikmati oleh lebih ramai usahawan kecil bumiputera. Selaras dengan itu, buat masa ini, kerajaan sememangnya mensyaratkan supaya syarikat-syarikat besar, termasuk syarikat-syarikat bumiputera yang terlibat dalam projek-projek besar penswastaaan mewujudkan konsep payung ataupun sistem vendor bagi menjamin supaya usahawan-usahawan kecil bumiputera dapat terlibat dalam penswastaaan tersebut.

Bagi menentukan syarat-syarat ini dipatuhi oleh syarikat yang berkenaan, perkara ini dijadikan salah satu peruntukan penting dalam perjanjian penswastaaan yang ditandatangani di antara pihak kerajaan dan syarikat berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sedar bahawa gejala rasuah perlu dibendung di setiap peringkat masyarakat. Oleh itu kerajaan sentiasa bertindak selaras dengan undang-undang yang sedia ada.

Walau bagaimanapun, pihak Pembangkang sentiasa melempar tuduhan dan tohmahan seolah-olah kerajaan gagal menangani masalah tersebut. Dalam hubungan ini, Ahli Yang Berhormat dari Tanjong telah mencadangkan supaya Jawatankuasa Kabinet mengesyorkan satu perundangan untuk memperkukuhkan undang-undang anti rasuah terhadap anggota-anggota pentadbiran.

Buat masa ini kerajaan tidak bercadang untuk meminda Akta Pencegahan Rasuah 1991 dan Ordinan No. 22, (Kuasa-kuasa Perlu Darurat 1970) untuk memuatkan peruntukan seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat dari Tanjong itu. Kerajaan berpandangan, peruntukan-peruntukan yang sedia ada di dalam undang-undang ini mencukupi untuk tujuan mencegah rasuah dan di dalam keadaan tertentu, peruntukan seksyen 3 (4) dan 6 (1), Ordinan No. 22 boleh dipergunakan untuk merampas wang dan harta yang diperolehi melalui rasuah atau perbuatan rasuah di kalangan segenap lapisan rakyat dan penduduk Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan mewujudkan satu Undang-undang Matahari, dengan izin, Sunshine Law yang menghendaki pemimpin-pemimpin politik, Wakil-wakil Rakyat dan pegawai-pegawai tinggi untuk mengisytiharkan aset keluarga mereka pada tempoh yang ditetapkan, sukalah dijelaskan bahawa melalui Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3/1981, kerajaan telah memutuskan supaya semua pegawai-pegawai kanan kerajaan yang berada dalam Tingkatan Tertinggi "D" ke atas dan Ketua-ketua Jabatan membuat pengisytiharan harta masing-masing.

Suatu pekeling bagi anggota pentadbiran pula telah dikeluarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri

supaya pemimpin-pemimpin politik, iaitu Yang Berhormat Menteri-menteri, Yang Berhormat Timbalan-timbalan Menteri, Yang Berhormat Setiausaha-setiausaha Parlimen dan Setiausaha-setiausaha Politik diarah mengisytiharkan harta mereka terus kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri setiap dua tahun. Arahan yang sama telah juga dibuat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri terhadap Menteri-menteri Besar dan Ketua-ketua Menteri iaitu melalui Surat Arahan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bertarikh 1 September 1981.

Ahli Yang Berhormat dari Tanjong juga mempersoalkan keupayaan BPR menangani skandal perampasan saham Telekom-MAIKA walaupun V. Subramaniam, bekas Pengerusi Jawatankuasa Perhubungan Awam Ibu Pejabat MIC telah tampil ke hadapan dengan satu pengakuan bertulis setebal 16 muka mengenainya.

Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya jelaskan di sini kepada Dewan yang mulia bahawa pengakuan V. Subramaniam dan kemunculan beberapa orang saksi yang lain masih gagal untuk membentuk sebarang kes *prima facie* jenayah terhadap mana-mana pihak pun. Keadaan sedemikian berlaku kerana tiga daripada saksi yang penting yang tampil ke hadapan itu telah berpaling tadah. Ini telah pun dijelaskan lanjut di dalam jawapan bertulis kepada pertanyaan Yang Berhormat dari Kota Melaka di Dewan Rakyat pada 11 Julai 1994. Saya tidak mahu memanjangkan lagi isu ini.

Tuan Yang di-Pertua, BPR tidak boleh dipersalahkan dengan sewenang-wenangnya setiap kali kes yang disiasat olehnya menemui jalan buntu, khususnya jika kebuntuan itu disebabkan oleh masalah pembuktian kes yang berpunca

daripada unsur-unsur luaran seperti ketandusan saksi atau saksi-saksi takut tampil ke hadapan, saksi-saksi penting yang ada berpaling tadah, dokumen-dokumen penting yang dicari hilang atau jika diperolehi tidak ada saksi yang dapat memberi keterangan terhadap kandungannya.

Tuan R. Karpal Singh: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, Jelutong hendak minta jalan.

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Biar saya habis ayat ini. Terdapat juga keadaan di mana sebelum atau sebaik sahaja BPR menyiasat sesuatu kes, pihak-pihak tertentu memprejudiskan penyiasatan BPR dengan membocorkan maklumat-maklumat mengenai kes-kes melalui akhbar dan sebagainya. Justeru itu, mempersoalkan bentuk BPR yang wujud sekarang setiap kali timbulnya masalah di atas amatlah tidak wajar sama sekali.

Tuan Yang di-Pertua, Jawatankuasa Kabinet Anti Penyelewengan menaruh kepercayaan penuh terhadap kewibawaan dan keupayaan BPR untuk menyiasat sebarang kes termasuklah kes saham Telekom/MAIKA ini. Isu pembubaran jawatankuasa ini tidak timbul dan tidak wajar dikaitkan dengan kegagalan BPR menghasilkan kes yang boleh diambil tindakan. Masing-masing mempunyai bidang kuasa dan fungsinya sendiri.

Tuan R. Karpal Singh: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Selepas satu penyiasatan dihabiskan oleh BPR, pihak manakah yang menentukan bahawa pendakwaan dimulakan? Dalam fikiran saya ialah Peguam Negara. Tetapi adakah Peguam Negara apabila me-

ngambil keputusan menentukan keputusan itu adalah berdasarkan dengan ingatan Perdana Menteri atau kerajaan?

Satu contoh saya beri, Tuan Yang di-Pertua, ini kes bagi Ahli Yang Berhormat dari Keningau. Apabila beliau di dalam Barisan Nasional dan sebagai Ketua Menteri Sabah, tidak ada apa-apa tindakan ada diambil atas apa yang terjadi apabila beliau ada dalam Barisan Nasional. Tetapi apabila PBS keluar daripada Barisan Nasional satu pertuduhan ada dilemparkan kepada beliau untuk satu pendakwaan dalam mahkamah bagi satu kesalahan yang dilakukan semasa beliau berada dalam Barisan Nasional. Dan juga Jeffrey Kitingan — pengkhianat. Beliau ada didakwa di mahkamah. Apabila keputusan diambil oleh Peguam Negara untuk membuat pendakwaan itu dalam mahkamah tentu ada semua dokumen-dokumen yang sedia dan ada dalam tangan beliau untuk menjalankan pendakwaan itu.

Apa yang dikatakan di sini ialah ketujuh-tujuh atau lapan pertuduhan ditarik balik oleh kerana tidak ada bukti-bukti, dokumen itu ada di Hong Kong. Tidakkah keadilan dipakai hanya apabila satu pendakwaan ada diputuskan oleh Peguam Negara? Tidakkah unsur-unsur politik ada digunakan apabila satu pendakwaan diambil? Jikalau seorang dalam Pembangkang terus diambil tindakan. Jikalau seorang di dalam Barisan Nasional tetapi ada pertuduhan yang boleh dibuktikan di mahkamah, sembunyikan itu sehingga beliau keluar daripada Barisan Nasional dan selepas itu ambil tindakan untuk ajar dia. Adakah itu satu dasar di mana keadilan boleh diteruskan?

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Saya hendak faham soalan Yang Berhormat, bukan main susah lagi.

Soalannya senang tetapi hendak faham susah. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Jelutong. Saya nampak Yang Berhormat ada kefahaman tentang undang-undang. Yang pentingnya Yang Berhormat, kalau kes itu tidak bersesuaian dengan apa pihak Yang Berhormat katakan, Yang Berhormat katakan Peguam Negara dipengaruhi oleh kerajaan.

Sebagaimana kita tahu bahawa Peguam Negara mempunyai peruntukan di dalam Perlembagaan Negara untuk membuat budi bicaranya. Kalau kita mempersoalkan kedudukan bagaimana Peguam Negara mengambil tindakan, amat susah sekali untuk Peguam Negara mengambil tindakan. Dia punya budi bicara dia jalankan dan tidak perlu baginya untuk melihat kepada perkara-perkara yang terbabit dengan politik. Soalnya sama ada Yang Berhormat dari segi

Tuan R. Karpal Singh: (*Bangun*)

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tidak usahlah. (*Disampuk*) Saya bercakaplah pula. Tidak usahlah! Saya belum habis lagi bercakap. Tadi saya senyap, saya duduk

Tuan R. Karpal Singh: (*Menyampuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, dia tidak beri jalan Yang Berhormat.

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Nanti dulu! Nanti dulu! Biar saya habis dululah.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Minta duduk dulu.

Tuan R. Karpal Singh: Jangan lari! (*Ketawa*)

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Saya menghadapi Yang Berhormat Jelutong, tidak pernah lari. Pasal Yang Berhormat Jelutong cakap tidak terang. (*Ketawa*) Saya tidak akan lari. Soalnya, Yang Berhormat tahu Peguam Negara dalam kes yang Yang Berhormat katakan, Peguam Negara membuat keputusan dengan asas-asas perundangan. Sama ada kita bersetuju atau tidak bersetuju, itu soal lain. Sama ada kita memikirkan bahawa tindakannya waras atau tidak waras, wajar atau tidak wajar, itu persoalan lain. Tetapi hak di dalam undang-undang untuk menentukan keadilan tercapai sebagaimana ia menggunakan budi bicaranya. Ini bukan satu perkara yang diamalkan di sini, di negara lain juga.

Tuan R. Karpal Singh: Minta jalan, boleh?

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Okay. Saya beri. Jangan bercakap panjang sahaja.

Tuan R. Karpal Singh: Bukan panjang. Walaupun ada budi bicara, itu tidak boleh dinafikan bahawa Perkara 145 dalam Perlembagaan Persekutuan tetapi adakah budi bicara itu digunakan dengan keadilan. Dalam kes rakan saya di sini, Yang Berhormat dari Keningau. Beliau ada bukti apabila beliau ada melakukan satu rasuah — bukan? Apabila beliau ada di dalam Barisan Nasional. Kenapa masa itu tidak diambil tindakan ke atasnya? Kenapa ambil tindakan ke atasnya selepas dia keluar daripada Barisan Nasional? Dan adiknya semasa di dalam tahanan ISA, ada tujuh pertuduhan di bawah Akta Rasuah.

Tetapi apabila dia masuk dalam Barisan Nasional — tarik balik. Apakah keadilan? Apa budi bicara yang digunakan oleh Peguam Negara? Don't mislead the House!

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: I am not misleading the House. You are misleading the House. Oleh kerana tiap-tiap kes Yang Berhormat tidak bersetuju, Yang Berhormat jadikan Dewan ini mahkamah. Ini bukan cara seorang peguam. Saya hendak bercakap berkenaan keadilan. Kalau Yang Berhormat bercakap berkenaan keadilan

Tuan R. Karpal Singh: Jangan main-main! Kenapa

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat!

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Saya jawab, saya tidak pernah main-main Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh: (*Me-nyampuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Jelutong.

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Kalau kita hendak membuat pendakwaan, kita bawa Yang Berhormat jadi Peguam Negara supaya Yang Berhormat tidak tertarik.

Tuan R. Karpal Singh: (*Me-nyampuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Jelutong

Tuan R. Karpal Singh: (*Me-nyampuk*)

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Itu bukan hak Yang Berhormat untuk mempersoalkan. Itu bukan soal Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh: (*Me-nyampuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Jelutong.

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Kalau Yang Berhormat hendak mewakili

Tuan R. Karpal Singh: (*Me-nyampuk*)

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Duduk dululah!

Tuan R. Karpal Singh: Cakap terus terang ini!

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Kalau Yang Berhormat faham undang-undang, duduk!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Jelutong, saya minta Yang Berhormat duduk! Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh: Don't mislead the House!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Saya tidak mislead the House.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat

Tuan R. Karpal Singh: (*Menyampuk*)

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Macam mana mislead? Yang Berhormat faham apa yang saya cakap?

Seorang Ahli: Halau keluar!

Tuan Yim Chee Chong: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Jelutong

Tuan Yim Chee Chong: Tuan Yang di-Pertua

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Jelutong, saya memperingatkan untuk Yang Berhormat duduk!

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Yang Berhormat, bolehkah tidak saya

Tuan R. Karpal Singh: (*Menyampuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat

Tuan R. Karpal Singh: Apa budi bicara yang ada dalam tangan Peguam Negara?

Tuan Yim Chee Chong: Tuan Speaker, saya minta bagi peluang saya bercakap di sini.

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Yang Berhormat patut bercakap dengan Yang Berhormat dari Seremban. Hendak bercakap? Saya bagi jalan kepada Yang Berhormat Seremban. (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua
mempengerusikan mesyuarat)

Tuan Yim Chee Chong: Terima kasih. Tuan Speaker, Yang Berhormat dari Jelutong tadi mengatakan "tarik balik". Kalau bicara dijalankan mengikut Perlembagaan Persekutuan, Ahli Yang Berhormat dari Jelutong adalah seorang peguambela dan peguamcara yang terkenal juga di dalam Malaysia — saya mengakui. Tetapi

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Seremban

Tuan Yim Chee Chong: mengikut Perlembagaan

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Seremban bawa point of orderkah?

Tuan Yim Chee Chong: Point of order? Siapa kata point of order. Saya belum habiskan cerita lagi tentang "tarik balik". Mengikut Perlembagaan

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Yang Berhormat saya bertanya Yang Berhormat point of orderkah?

Tuan Yim Chee Chong: Ya!

Tuan Yang di-Pertua: Tidakkah?

Tuan Yim Chee Chong: Penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Penjelasan.

Tuan Yim Chee Chong: Penjelasan Tuan Yang di-Pertua. Tentang "tarik balik". Mengikut Perlembagaan Negara

Tuan Yang di-Pertua: Sekejap ya. Sekejap ya. Duduk dulu ya! Minta duduk ya.

Tuan Yim Chee Chong: Mengikuti Perlembagaan Negara, public prosecutor mempunyai kuasa tarik balik apa sahaja kes yang sedang dijalankan di mahkamah. Itu adalah Perlembagaan negara kita. Ini penjelasan saya untuk menentang Ahli Yang Berhormat dari Jelutong. *(Ketawa)* Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, bukan penjelasan Yang Berhormat. Yang Berhormat yang minta penjelasan. *(Ketawa)* Yang Berhormat, nanti sekejap.

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, saya fikir Yang Berhormat dari Jelutong telah mengutarakan pandangan dan pendapatnya. Saya menghormati pandangan dan pendapatnya. Tetapi bila bercakap berkenaan dengan keadilan, saya punyalah dulu.

Tuan R. Karpal Singh: *(Menyampuk)*

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak beri jalan, Yang Berhormat. Yang Berhormat dari Jelutong, dia tidak beri jalan.

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Duduklah dulu! Salah satu perkara berkenaan dengan undang-undang. Orang-orang itu kena menghormati undang-undang, Tuan Yang di-Pertua, ini. Apa *(Diganggu)*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Jelutong, mengikut Peraturan Mesyuarat, dia tidak beri jalan.

Beberapa Ahli: Apa ini?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, dia tidak beri jalan. *(Diganggu)*

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Yang Berhormat rujuk balik . . . *(Diganggu)* Dia tidak boleh duduk.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Jelutong, dia tidak beri jalan. Itu Peraturan Mesyuarat.

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Bukan saya tidak beri jalan. Saya sudah beri jalan, Tuan Yang di-Pertua. Banyak kali dia sudah bercakap nonsense.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Jelutong, sila duduk. Sila duduk, Yang Berhormat. Sila teruskan.

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, saya anggap bahawa negara ini malang sekali kalau kita ada orang macam Yang Berhormat dari Jelutong ini kerana tiap-tiap konsep keadilan, dia mesti akan puas hati jika dijawab bagaimana dia hendak. Macam itu, Yang Berhormat kena duduk di sebelah sini. Saya sudah menjawab bahawa di dalam pengadilan, bila Peguam Negara membuat keputusan, dia mempunyai kearifan dan kebijaksanaan dia sendiri mengikut apa yang difikirkan sesuai dalam undang-undang. Itu bersetuju atau tidak bersetuju, itu adalah hak dia.

Tuan R. Karpal Singh: *(Bangun)*

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tak usahlah Yang Berhormat cakap panjang-panjang, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak beri jalan.

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak beri jalan, Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh: Takut!

Tuan Yang di-Pertua: Mintalah . . . Yang Berhormat, Yang Berhormat . . .

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Bukan takut, nanti dahulu. Ini sudah pukul 5.00 lebih.

Tuan Yang di-Pertua: Kita tidak ada masa ini. Kita hendak habiskan ini.

Tuan R. Karpal Singh: Minta dia beri jawab.

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak beri jalan, Yang Berhormat.

Tuan R. Karpal Singh: Tidak beri jalan itu masalah lain.

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan.

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, orang ini tidak ikhlas dalam membawa kes-kes yang tertentu, itu adalah hak, baca balik Perlembagaan betul-betul. Bukan soal Yang Berhormat bersetuju atau tidak bersetuju. Soal Yang Berhormat tidak bersetuju itu adalah soal lain. Soal hak di dalam undang-undang, kita kena mempertahankan. Yang Berhormat kena mempertahankan Perlembagaan. Saya fikir tidak ada lagi penjelasan diperlukan. Biarkan saya sambung, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan R. Karpal Singh: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Jelutong

Tuan R. Karpal Singh: Jangan takut!

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Saya sudah jawab, bukan soal takut. Tidak takut.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Jelutong (*Diganggu*) Yang Berhormat dari Jelutong, sila

duduk. (*Diganggu*) Saya minta Yang Berhormat dari Jelutong duduk. Kalau tidak, saya minta Yang Berhormat keluar.

Tuan R. Karpal Singh: Point of order. Seorang gila di sana

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila duduk. (*Pembesar suara dimatikan*)

Tuan R. Karpal Singh: Boleh duduk, tetapi orang yang tidak ada maruah ada duduk dalam Dewan.

Seorang Ahli: Duduk, duduklah!

Tuan R. Karpal Singh: Bolehkah tindakan orang seperti ini dalam Dewan. Bolehkah?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Jelutong, tindakan akan di-jalankan ke atas Yang Berhormat jika Yang Berhormat tidak duduk. (*Tepuk*)

Tuan R. Karpal Singh: (*Menyampuk*)

Tuan Yang di-Pertua: Tidak ada. Yang Berhormat bangun saya tengok.

Tuan R. Karpal Singh: Itu semua boleh?

Tuan Yang di-Pertua: Apabila bercakap dengan Speaker, maka hendaklah Yang Berhormat duduk. Itu peraturannya. Sila duduk, Yang Berhormat. (*Diganggu*) Dia sudah duduklah. (*Diganggu*) Yang Berhormat, dia sudah duduk. Kalau begitu, saya menggunakan kuasa saya di bawah Peraturan Mesyuarat, mintalah supaya Yang Berhormat dikeluarkan daripada Dewan ini. (*Diganggu*) Minta jalan perintah saya. (*Tepuk*) (*Diganggu*)

Tuan R. Karpal Singh: (*Me-nyampuk*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat. . . .

Tuan R. Karpal Singh: Bagaimana Tuan Speaker sebagai seorang bekas Hakim boleh ambil tindakan seperti ini. (*Diganggu*)

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Mana boleh Yang Berhormat

Tuan R. Karpal Singh: Orang yang tidak

Tuan Yang di-Pertua: Dia telah mengikut perintah saya. Saya suruh dia duduk, dia duduk. Sila keluar daripada Dewan. Sila teruskan Yang Berhormat.

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, jelas sekali bahawa Yang Berhormat dari Jelutong itu tidak boleh berbahas. Dia berbahas, dia sahaja yang betul.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Keningau meminta supaya kerajaan membanteras gejala-gejala yang tidak sihat seperti kes rasuah ADUN di Sabah selepas pilihan raya negeri dahulu. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan sememangnya sentiasa berusaha sedaya upaya untuk membanteras gejala-gejala rasuah selain daripada menggalakkan dan membantu agensi-agensi kerajaan, umpamanya pasukan polis dan BPR di dalam usaha penguatkuasaannya untuk membanteras gejala-gejala buruk ini. Kerajaan sendiri telah bertindak berani apabila ia mewujudkan etika anti-politik wang untuk ahli-ahli politik Barisan Nasional. Pihak parti-parti politik yang lain wajar turut sama menyumbang ke arah pembanterasan

politik wang ini. Kerajaan yakin akan keupayaan agensi-agensi berkenaan menangani gejala-gejala jijik ini. Sebarang kes merasuah ADUN atau sebaliknya jika terbukti kes maka tindakan boleh diambil mengikut proses undang-undang. Yang bersalah tetap di bawa ke muka pengadilan. Segala kes yang dibawa ke muka pengadilan adalah di dalam bidang kuasa Peguam Negara. Terpulanglah kepadanya untuk menjalankan tugasnya sebagaimana peruntukan oleh Perlembagaan.

Ahli Yang Berhormat dari Nilam Puri telah mempersoalkan tentang kewibawaan Badan Pencegah Rasuah dalam mengambil tindakan terhadap pemimpin dan orang-orang besar. BPR adalah sebuah agensi kerajaan yang dipertanggungjawabkan untuk memperkuatkan undang-undang seperti Akta Pencegah Rasuah dan beberapa Rang Undang-undang yang ditetapkan seperti Kanun Keseksaan (Negeri-negeri Tanah Melayu), Akta Polis, Akta Kastam dan Ordinan No. 22 (Kuasa-kuasa Perlu Darurat 1970).

Di dalam menjalankan tugasnya, BPR diberi kebebasan untuk menyiasat terhadap sesiapa sahaja, tidak mengira pangkat dan darjat. Hasil penyiasatan BPR pula dikemukakan kepada Pendakwa Raya yang akan mengkaji dan membuat keputusan sama ada sesuatu kes itu dalam pandangannya wujud kes yang mencukupi keterangan untuk membawa pertuduhan.

Tuan Yang di-Pertua, berpandukan kepada budi bicaranya di bawah Perkara 145 (3) Perlembagaan dan Seksyen 76 (1), Kanun Prosedur Jenayah, sekiranya diputuskan dan disyaki wajar didakwa dan kes terhadapnya adalah kes rasuah atau perbuatan rasuah, "Izin Mendakwa" akan keluar, tanpa izin, proses ini tidak boleh dimulakan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Tanjong juga menyentuh mengenai keputusan yang dibuat oleh Peguam Negara berkenaan dengan siasatan polis ke atas kes Ketua Menteri Melaka yang didakwa mempunyai hubungan sulit dengan gadis di bawah umur.

Tuan Lim Guan Eng: (Bangun)

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang bangun.

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, nanti biar saya habiskan ini. Untuk peringatan Dewan yang mulia ini, negara kita mengamalkan konsep perasingan kuasa di antara badan perundangan, badan eksekutif dan badan kehakiman. Di bawah pemerintahan Barisan Nasional, pengamalannya berjalan lancar tanpa diganggu gugat. Hanya pihak pembangkang yang tidak habis-habis mempersoalkan kewujudan pengasingan kuasa tanpa menyedari di bawah pelaksanaan konsep inilah mereka juga turut terlindung.

Dalam sistem pentadbiran keadilan jenayah di negara kita, tugas menyiasat adalah dipertanggungjawabkan kepada agensi seperti pihak polis. Setelah siasatan selesai dijalankan oleh agensi penguatkuasa tersebut, laporan siasatan diedarkan kepada Peguam Negara yang bertindak selaku Pendakwaraya.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum Peguam Negara melaksanakan kuasa budi bicara untuk mendakwa, beliau hendaklah berpuas hati bahawa terdapat keterangan dan bukti untuk satu kes *prima facie* iaitu keterangan yang diperolehi hendaklah mencukupi untuk membuktikan kes di mahkamah terhadap tertuduh.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Kota Melaka bangun.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri, adakah kaitan di antara kes rasuah Tan Sri Rahim dan kes dakwaan hubungan sulit dengan seorang gadis di bawah umur. Seperti yang dinyatakan oleh Peguam Negara di mana beliau berkata siasatan ke atas 17 laporan yang dibuat oleh gadis tersebut ke atas lelaki yang dikatakan ada hubungan sulit dengan dia, mesti diselesaikan dahulu sebelum beliau membuat keputusan mengenai kes rasuah yang dibuat oleh saya sebanyak 10 kali ke atas Tan Sri Rahim mengenai harta benda sebanyak RM74 juta. Apakah kaitan di antara kedua-dua kes ini atau adakah gadis juga merupakan satu daripada harta benda Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik?

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Saya ingat Yang Berhormat dari Kota Melaka memperjuangkan martabat dan kedudukan gadis itu. Ini Yang Berhormat kata 'harta benda' pula. (*Ketawa*) Ini adalah perkataan yang tidak kena. Tuan Yang di-Pertua

Tuan Lim Guan Eng: Ini saya rasa tidak betul. Saya kata adakah

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: . . . biar saya jawab ini.

Tuan Lim Guan Eng: Jangan diputar belitkan — jangan putar belitkan.

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Biar saya jawab. Yang Berhormat dari Kota Melaka, Yang Berhormat tahu kes itu adalah kes yang telah menarik perhatian ramai. Oleh itu, pihak Peguam Negara telah menyiasat

Tuan Ahmad bin Nor: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya harap Yang Berhormat Menteri faham bahawa umum telah melihat kes yang melibatkan Tan Sri Rahim Tamby Chik dan gadis yang berumur 15 tahun ini adalah satu perkara yang 'double standard'. Kalau orang biasa yang melibatkan kes seperti ini, pergi ke pendakwaraya dan terus ke mahkamah untuk menerima pendakwaan, sedangkan kes yang melibatkan Ketua Menteri, Tan Sri Rahim Tamby Chik kena ambil keputusan A.G ataupun Peguam Negara, dan ini tidak dipersoalkan tentang kuasa dan haknya. Soalnya sekarang dalam kes ini kredibiliti Peguam Negara telah dipersoalkan, rakyat semua tahu ini tidak betul. Kenapa hendak bela sangat.

Kita di sini di Parlimen, kita hendak lihat benda yang tidak betul diperbetulkan, benda yang silap diperbetulkan. Ini yang kita hendak, kalau tidak boleh disoal, biarlah perundangan berjalan mengikut apa budi bicara. Kalau kredibiliti Peguam Negara sudah tidak ada, apakah mesti kita diam? Ini yang saya perlu penjelasan.

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Ahli Yang Berhormat dari Bayan Baru tadi senyap — bagus. Bila sudah berbunyi, saya tengok susah. (*Ketawa*) Dia macam ini, soalnya saya fikir Peguam Negara boleh menjalankan tugas beliau dengan baik, tidak ada masalah. Yang berbangkit masalah bila isu ini dipolitikkan oleh DAP. Ini yang menjadi masalahnya. Isu perundangan jangan kita politikkan.

Yang saya cakap tadi ialah berkenaan isu perundangan, bukan isu pendapat persendirian masing-masing. Di dalam undang-undang sama ada dia mempunyai kuasa ataupun tidak, sama ada dia fikir wajar dia mengambil tindakan itu

ataupun tidak, sama ada kita menganggap bahawa tindakannya tidak wajar atau tidak — itu soal lain. Soalnya dia telah menjalankan dengan *bona fide* apa yang diberikan oleh undang-undang dan kita terpaksa menghormati apa yang beliau menjalankan tindakan mengikut undang-undang.

Saya fikir cukup, sebab kita sekarang banyak terlibat di dalam soal persepsi. Kita mahu dapati seseorang itu bersalah oleh kerana kita telah membentuk satu persepsi yang bersalah. Kita sudah menghukum seseorang, selepas itu kalau tidak diambil tindakan, kita kata ini tidak betul, fasal saya dapati orang itu bersalah, sedangkan pihak Peguam Negara pula dia kena tengok daripada segi apa yang beliau menggunakan perkataan bahawa beliau tidak mempunyai *prima facie* evidence yang munasabah, yang tidak meragukan, yang boleh membawa pertuduhan. Itu asas perundangan yang beliau membuat keputusan. Di situ kita tidak boleh mempertikaikan. Bukan soal kita tidak menghormati Dewan atau kredibiliti. Soalnya ialah jangan politikkan isu-isu ini. Tidak dapat untung, dia lebih menjejaskan kedudukan perundangan negara daripada dapat untung untuk pilihan raya.

Tuan Yang di-Pertua

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:
(*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Batang Lupar bangun Yang Berhormat.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Peguam Negara di dalam menjalankan tugas dan menggunakan budi bicara untuk sama ada

membawa seseorang itu ke mahkamah, berapa ribukah kes-kes tiap-tiap tahun yang tidak dibawa ke mahkamah oleh kerana tidak ada *prima facie* evidence ataupun tidak cukup bukti yang

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bertanya atau hendak minta penjelasan, perkara itu tidak perlu.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: yang membolehkan orang itu dibawa ke mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak perlu, tidak bersangkutan.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang kedua, belum habis

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Batang Lupar ,

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, belum habis.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak bersangkutan dengan apa yang ada.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Soalan saya yang kedua, adakah oleh kerana desakan yang sebegini Peguam Negara mesti menuduh orang itu di mahkamah walaupun bukti-buktinya tidak nyata dan tidak cukup.

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, tiap-tiap kali bila Peguam Negara membuat tindakan dia tidak memikirkan kedudukan seseorang. Dia memikirkan dari segi fakta dan keterangan. Kalau keterangan mencukupi, di atas asas-asas keadilan, dia bawa pertuduhan dan banyak kes-kes yang tidak dipertuduhkan walaupun ada laporan dan siasatan dilakukan. Ini adalah konsep keadilan sejagat dan bukan dilakukan di Malaysia

sahaja. Dan ini kononnya modal yang paling baik sekali pada DAP. Dia hendak capitalise untuk mempromodalkan perkara ini. Ini menunjukkan kebangkrutan politik DAP dalam hal ini dan ini dilanjut-lanjutkan kerana memikirkan ada keuntungan yang dapat dibuat. Saya fikir biar kita tinggalkan perkara ini kepada hak Peguam Negara dalam menjalankan tugasnya.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Tanjong Aru

Datuk Joseph Pairin Kitingan: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang bangun.

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, sudah cukuplah, sudah lambat dan saya masih ada beberapa muka lagi untuk habis.

Beberapa Ahli: Ini bekas Ketua Menteri, bagi chancelah!

Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tak apalah bagi chance. Ini Barisan Nasional beri.

Datuk Joseph Pairin Kitingan: Terima kasihlah kerana memberi peluang.

Tuan Yang di-Pertua, ini berkaitan dengan Anti-hop Law. Tadi Yang Berhormat Menteri terlampau cepat dia membuat ucapannya dan ada sedikit yang tidak begitu jelas. Kalau tidak silap saya, Yang Berhormat Menteri telah mengatakan bahawa tidak ada cadangan kerajaan untuk memasukkan Anti-hop Law ini di dalam Perlembagaan Malaysia dan ini juga dianggap sebagai satu perkara yang bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan. Tetapi tentu

sekali perkara mengenai lompat-melompat ini daripada satu parti ke satu parti yang lain adalah satu perkara yang amat serius. Mengikut Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri telah menasihatkan kepada ahli-ahli UMNO supaya tidak melompat apabila tidak dipilih sebagai calon.

Tuan Yang di-Pertua, soalan saya, minta penjelasan sama ada Anti-hop Law ini akan dipertimbangkan sesudah adanya lompat melompat daripada parti UMNO ke parti-parti yang lain?

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Itu tadi saya kata tak payah soal! Tak payah diberikan. Tetapi menghormati permintaan rakan-rakan kita yang cuba menukarkan pemikiran Yang Berhormat dari Keningau itu kepada pandangan yang lebih baik terhadap kita parti UMNO dan Barisan Nasional. Soalnya ini adalah soal pendirian dan pegangan. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bercakap kepada ahli-ahli UMNO bukan untuk mengubah undang-undang. Kita mesti tahu jaga dan kawal ahli-ahli kita supaya mereka menghormati pendirian dan kesetiaan mereka kepada parti. Buat masa ini kita tidak mempunyai apa-apa cadangan oleh kerana kedudukannya sekarang adalah sejajar dengan peruntukan Perlembagaan yang memberikan kebebasan untuk seseorang bersatu dan memilih parti yang mereka fikir selari dan selaras dengan rasa hati dan cita rasa mereka. Jadi, tidak apa-apa cadangan untuk meminda.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Tanjong Aru

Tuan Lim Guan Eng: (*Bangun*)

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Nanti Yang Berhormat, saya banyak lagi

Tuan Lim Guan Eng: Bukan. Saya belum jelas lagi tentang sama ada 14 orang akan didakwa atau gadis akan didakwa. Tadi belum jelas lagi

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, kita tiada masa.

Tuan Lim Guan Eng: Itu penjelasan saya yang awal tadi!

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak beri jalan, Yang Berhormat.

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, saya sudah jawab perkara-perkara yang dikemukakan di dalam masa Soal-Jawab Mulut dan semasa perbahasan lain.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Tanjong Aru berkenaan dengan elemen peribadi yang tiada kaitan dengan kerja dijadikan asas penilaian

Tuan Lim Guan Eng: Penjelasan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Dia tak beri jalan.

Tuan Lim Guan Eng: Ini adalah perkara penting kerana isu 14 orang sebagaimana yang didakwa atau gadis yang akan didakwa sangat tidak adil

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak beri jalan, Yang Berhormat.

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Aru, di bawah laporan prestasi yang baru

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Kota Melaka, dia tidak beri jalan.

Tuan Lim Guan Eng: Dia tidak bertanggungjawab.

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Saya bertanggungjawab kepada Dewan yang mulia dan bukan kepada orang-orang yang liar ini. Sopan sedikitlah, Yang Berhormat!

Tuan Lim Guan Eng: Ini tidak bertanggungjawab. Dia membela Rahim!

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Di bawah laporan penilaian prestasi, berkenaan kedudukan sama ada kita mengambil kira peribadi. Di bawah Laporan Penilaian Peribadi yang baru jumlah markah yang besar sebanyak 60% adalah diberi kepada penghasilan kerja manakala pengetahuan dan kemahiran diperuntukkan sebanyak 15%. Adalah nyata bahawa agihan sebanyak 75% daripada aspek penilaian tersebut menekan kepada perkara substance dan bukannya unsur peribadi.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat itu juga bertanya berkenaan mewujudkan satu jawatankuasa mewakili semua pihak untuk menentukan anggota yang benar-benar layak dipilih menerima Anugerah Khidmat Cemerlang. Kerajaan berpendapat sistem yang ada sekarang memadai di mana tidak perlu diwujudkan satu jawatankuasa bagi mewakili semua pihak untuk menentukan anggota-anggota yang benar-benar layak dipilih menerima Anugerah Khidmat Cemerlang. Buat makluman Ahli Yang Berhormat, setiap awal tahun anggota-anggota perkhidmatan awam dikehendaki menyediakan sasaran kerja tahunan masing-masing. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sedang meneliti beberapa masalah yang ditimbulkan akibat daripada pelaksanaan SSB.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong, dia

mengatakan bahawa dalam mencipta sebuah negara rakyat Malaysia perlu diwujudkan pendemokrasian. Ingin saya mengatakan adalah tidak benar Akta-akta yang disebutkan oleh Yang Berhormat tidak menjamin kebebasan asasi rakyat dan perlu dimansuhkan. Tujuan Akta tersebut seperti Akta Mesin Cetak dan Penerbitan dan Akta Rahsia Rasmi 1972 adalah digubal untuk memelihara ketenteraman awam dan keselamatan negara. Ingin saya tegaskan hak seseorang untuk mendapat keadilan melalui tindakan mahkamah tidak dinafikan. Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya maklumkan bahawa kerajaan berpendapat Undang-undang Anti Rasuah adalah memadai.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat itu juga membangkitkan mengenai kadar jenayah yang semakin meningkat. Hukuman mandatori telah berjaya pada pendapat kerajaan membantaras peningkatan pengedaran dadah di kalangan masyarakat. Tanpa undang-undang tersebut masalah penagih dadah tentu akan menjadi lebih buruk berbanding dengan apa yang dihadapi sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Kota Setar meminta Kementerian Undang-undang membuat satu akta atau undang-undang supaya orang-orang yang menulis surat terbuka ini mesti ada sandarannya dan mesti ada hartanya supaya orang-orang yang kena tuduh itu dapat menyaman balik penulis surat terbuka tersebut. Cadangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat adalah sangat sukar untuk dilaksanakan. Kerajaan tidak boleh menghadkan sesiapa untuk membuat tindakan dari segi sara ada orang itu mempunyai harta atau pun tidak. Tindakan itu akan dianggap sebagai satu diskriminasi. Walau bagaimanapun tindakan-tindakan yang

boleh diambil ke atas orang-orang yang menulis surat-surat fitnah tersebut adalah tindakan jenayah ataupun tindakan sivil. Tindakan fitnah boleh diambil jika terbukti bahawa fitnah itu berbentuk jenayah di bawah Kanun Keseksaan ataupun di bawah Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 dan juga tindakan sivil boleh diambil.

Tuan Yang di-Pertua, siapa pun boleh menulis surat terbuka termasuk orang yang bankrup tetapi tindakan sivil atau jenayah boleh diambil terhadapnya dan undang-undang yang sedia ada adalah mencukupi untuk meliputi keadaan tersebut.

Oleh itu pendapat Yang Berhormat sekiranya perkara ini dibawa ke mahkamah dan yang menuduh dihukum denda dan tidak dapat membayar ia akan diisytiharkan bankrup dan kes ini menjadi sia-sia sahaja tidak timbul.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli dari Bukit Mertajam menyatakan bahawa adalah penting kita memuliakan keyakinan orang ramai terhadap badan kehakiman. Kerajaan bersetuju tetapi amatlah penting bagi parti-parti Pembangkang menentukan bahawa mereka tidak cuba mencemar nama baik dan imej badan kehakiman supaya mereka dapat menjalankan tugas dengan sebaik-baiknya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian sama ada untuk membawa persoalan-persoalan untuk Kementerian Undang-undang ataupun Jabatan Perdana Menteri. Segala yang dibawa dan diketengahkan telah dicatat dan ada perkara-perkara yang saya tidak dapat jawab satu-persatu kita telah catatkan dan, insya-Allah, akan diambil perhatian. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat berucap bersangkutan dengan Kementerian Undang-undang juga, ya? Kedua-dua sekali?

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Dua-dua sekali.

Tuan Yang di-Pertua: Kementerian Dalam Negeri.

5.50 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri (Tuan Ong Ka Ting): Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Yang Amat Berhormat Menteri Dalam Negeri, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan perkara-perkara yang menyetuh dalam bidang kuasa Kementerian Dalam Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Marang telah mendakwa kononnya ada kebocoran dalam penapisan filem-filem dan penerbitan-penerbitan di negara kita. Kementerian Dalam Negeri sentiasa memandang serius terhadap kemasukan filem-filem dan penerbitan yang tidak bermoral ke negara ini. Mengikut amalan sekarang, semua filem dan penerbitan yang ingin dibawa masuk ke dalam negara ini adalah terlebih dahulu ditapis oleh Lembaga Penapisan Filem dan Unit Kawalan Penerbitan di bawah Kementerian Dalam Negeri bagi memastikan masyarakat umum tidak didedah dengan elemen-elemen yang tidak diinginkan.

Berhubung dengan gesaan Yang Berhormat dari Arau dan Yang Berhormat dari Kota Setar, Kementerian Dalam Negeri dengan seriusnya mengawasi akhbar-akhbar yang mengedar ataupun surat-surat berita yang diedarkan di pasaran termasuklah akhbar-akhbar,

Harakah. Sekiranya didapati mana-mana akhbar yang melanggar mana-mana syarat permit yang telah diberikan, kementerian ini tidak akan teragak-agak mengambil tindakan yang tegas.

Mengenai pertanyaan Yang Berhormat dari Arau seterusnya iaitu mengapa sebuah parti politik dibenarkan menggunakan nama Islam. Adalah dijelaskan bahawa penggunaan perkataan "Islam" sebagai sebahagian nama parti politik yang berkenaan, telah pun dibenarkan pada satu masa dahulu setelah parti itu mematuhi kehendak-kehendak Akta Pertubuhan 1966.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Bandar Kuching mencadangkan supaya pegawai tinggi dan pegawai penyiasat Polis diberi kursus khas mengenai pencemaran alam sekitar. Memang menjadi dasar kerajaan menggalakkan semua pegawai dan kakitangan awam mengikuti kursus-kursus dari semasa ke semasa untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran mereka. Dalam hal ini, pegawai kanan Polis juga didedahkan dengan kursus-kursus termasuklah mengenai alam sekitar dan dengan agensi-agensis atau institusi yang berkaitan.

Mengenai masalah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Gaya dan Yang Berhormat dari Tanjong Aru, adalah tidak dinafikan bahawa memang terdapat ramai pendatang tanpa izin di Sabah. Ini adalah kerana kedudukan geographi negeri Sabah yang bersempadan dengan negara-negara Indonesia dan Filipina yang mudah dimasuki sama ada melalui jalan darat ataupun jalan laut.

Berhubung dengan masalah tersebut kerajaan menyedari terdapat kes-kes jenayah dan masalah sosial yang me-

libatkan pendatang tanpa izin dari kedua-dua negara berkenaan. Walau bagaimanapun, keadaan tersebut adalah boleh dikatakan terkawal dan dapat diatasi oleh kerajaan melalui tindakan-tindakan bersama antara agensi-agensis penguatkuasa-penguatkuasa.

Seterusnya merujuk kepada perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Tawau pula, seperti yang pernah dijelaskan iaitu kekuatan angkatan polis di Tawau adalah mencukupi untuk merangani kejadian-kejadian jenayah di daerah tersebut buat masa ini. Di samping anggota polis yang sedia ada dan anggota Pasukan Polis Hutan batalion ke-14 telah ditugaskan di kawasan tersebut untuk mencegah kejadian-kejadian jenayah.

Berkaitan dengan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Bukit Mas mengenai pintu masuk Imigresen Tedungan, langkah-langkah sedang diambil untuk menambahkan bilangan kakitangan dan meningkatkan lagi kemudahan-kemudahan di kompleks tersebut. Selain daripada itu, pada tahun 1995 masa pintu masuk dibuka juga akan dilanjutkan sehingga jam 10.00 malam. Mengenai pintu masuk Imigresen di Bandar Ruan dan Mengkalap, tindakan sedang diambil untuk membina pos Imigresen di kedua-dua tempat tersebut di bawah Rancangan Malaysia Yang Ketujuh. Sementara itu, kerja ubahsuai post yang sedia ada di Merapoh juga akan dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Yang Ketujuh.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dakwaan Yang Berhormat dari Bagan terhadap PDRM, sukalah dijelaskan iaitu sebagai sebuah pasukan yang mempunyai bilangan pegawai dan anggota yang besar, adalah tidak dapat dinafikan tercapat segelintir pegawai dan anggota

dalam pasukan Polis Diraja Malaysia yang melakukan pelanggaran tata tertib termasuklah kes salahguna kuasa. Walau bagaimanapun, kesalahan tata tertib iaitu salahguna kuasa yang dilakukan oleh anggota polis adalah kecil jika dibandingkan dengan jumlah keanggotaan PDRM di seluruh Malaysia.

Perangkaan menunjukkan bahawa salahguna kuasa yang dilakukan oleh anggota Polis bagi tahun 1990 hingga 1994 tidak sampai 1% dari jumlah anggota Polis Diraja Malaysia. Polis Diraja Malaysia memandang serius masalah ini dan tindakan tata tertib sentiasa diambil serta mengenakan tindakan yang setimpal dengan kesalahan yang telah dilakukan tanpa mengira pangkat.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan tindakan Polis dalam kes penentangan kegiatan membalak yang melibatkan kaum Penan sebagaimana yang telah disentuh semasa Yang Berhormat dari Baram berucap, setakat ini pihak Polis tidak ada menerima laporan mengenai kejadian rogol dan juga kematian kanak-kanak Penan disebabkan oleh tear gas, dengan izin. Pihak Polis akan menjalankan siasatan sekiranya terdapat laporan Polis mengenainya.

Berhubung perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Tuaran, setakat ini daripada siasatan yang dijalankan oleh pihak polis, tidak wujud industri membuat senjata api secara haram di Sabah.

Yang Berhormat dari Selangau telah menyentuh perkara-perkara mengenai Jabatan Pendaftaran Negara. Berkenaan perkara ini kerajaan sentiasa memberi peruntukan yang mencukupi kepada jabatan yang berkenaan bagi menjalankan operasi pendaftaran bergerak di kawasan pedalaman. Tempoh menukar

kad pengenalan kepada kad pengenalan baru, seperti mana diperuntukkan sehingga 31hb. Disember 1996, masih tidak berubah. Walau bagaimanapun, pihak jabatan juga sentiasa meneliti dan akan mengambil tindakan sewajarnya jika masalah berbangkit hasil daripada operasi menukar kad pengenalan ini.

Mengenai saranan Yang Berhormat dari Lubok Antu berdasarkan peruntukan undang-undang kelahiran/kematian membolehkan mereka yang tidak mendaftar kelahiran dalam tempoh tertentu, selepas sesuatu kelahiran itu memohon pendaftaran lewat dan dengan sijil kelahiran itu, mereka layak mendapat kad pengenalan kemudian.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah pun memberi penjelasan ringkas kepada pandangan-pandangan dan teguran yang telah dibangkitkan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat dan ada kaitan dengan Kementerian Dalam Negeri. Saya beri jaminan sekiranya ada apa-apa yang tak sempat saya jawab

Tuan Jawah anak Gerang:
(Bangun)

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang bangun, Yang Berhormat.

Tuan Jawah anak Gerang: Penjelasan, Tuan Yang di-Pertua. Untuk kebaikan penduduk-penduduk di luar bandar di Sarawak, iaitu berkenaan dengan kad pengenalan dan sijil kelahiran lewat. Tadi telah dijelaskan oleh Setiausaha Parlimen mengatakan sijil kelahiran lewat mesti dilaporkan kepada klinik-klinik. Tetapi apa yang saya cakap di sini ialah orang yang tua-tua semasa belum ada klinik lagi, 40 tahun, 50 tahun yang lampau, di mana ada klinik hendak dilaporkan. Sekarang pun tidak ada klinik, jauh-jauh di pedalaman.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, minta penjelasan.

Tuan Jawah anak Gerang: Ya, saya mahu minta penjelasan adakah Kementerian mempunyai rancangan ataupun kempen yang khas untuk mengatasi masalah siapa yang tidak mempunyai kad pengenalan, mengatasi masalah ini once for all, please — saya marahlah! (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua: Cukup Yang Berhormat, dia tak beri lagi.

Tuan Jawah anak Gerang: Kerana yang sudah ada cucu, yang sudah tua-tua pun tidak ada kad pengenalan. Saya ini orang Barisan tahu! Samalah dengan you.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Jawah anak Gerang: Jadi, apakah tindakan yang konkrit yang akan dijalankan oleh Kementerian supaya masalah tidak ada kad pengenalan ini, stateless person di Sarawak dapat diatasi. Saya tak mahu jawapan yang sebarang-sebarang, jawab betul-betullah!

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Lubok Antu. Saya ingin menjelaskan di sini, dalam jawapan tadi saya telah sentuh mengenai pendaftaran lewat. Kalau seseorang yang telah sampai hari ini tak kira di Sarawak atau di mana, kalau masih belum ada satu surat beranak oleh sebab sesuatu sebab yang tertentu, mereka masih boleh cuba memohon pendaftaran lewat dengan bukti-bukti yang kukuh bahawa seseorang itu memang adalah dilahirkan di dalam negara kita, ada prosedur dan peraturan-peraturan tertentu boleh dilakukan, tak payah pergi klinik untuk lahir semula.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana kad pengenalan dan taraf warganegara ini adalah satu perkara yang tidak boleh kita ringan-ringankan pengeluarannya, sudah ada dakwaan begitu banyak kata ada pendatang tanpa izin dapatkan kad pengenalan sewenang-wenangnya. Kalau sekiranya proses-proses tidak ketat untuk mengeluarkannya, maka pendatang tanpa izin akan membanjiri negara kita dan mengatakan semua mereka dilahirkan di siri, dia tak dapat pergi klinik lagi, jadi berilah kad pengenalan. Ini adalah satu perkara yang kita kena seimbang dari masa ke semasa. Walau bagaimanapun, untuk kawasan pedalaman di Sabah dan Sarawak, kerajaan memang bersimpati dan sentiasa bersedia untuk menghantar pasukan penggerak untuk masuk ke dalam, menunjukkan, memberi nasihat bagaimana mereka boleh kemukakan permohonan pendaftaran lewat. Ahli-ahli Yang Berhormat seperti Ahli Parlimen ini perlulah membuat kerja sedikit di pusat perkhidmatan tempatan, berilah juga banyak garis panduan.

Tuan Jawah anak Gerang: (*Bangun*)

Tuan Ong Ka Ting: Saya rasa cukuplah, sebab masa sudah suntuk, hari ini sudah lewat. Tidak mengapa, saya boleh cerita dengan Ahli Yang Berhormat selepas ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya hendak mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat kerana telah pun membangkitkan dan telah

Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang bangun itu, Yang Berhormat.

Tuan Ong Ka Ting: Saya ingat sudahlah, ramai Menteri sedang menunggu untuk menjawab. Begitulah jawapan saya, sekian terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ada Usul Yang Berhormat.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBAHKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

6.01 ptg.

Menteri Perusahaan Awam (Dato' Dr. Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 (1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga pada pukul 8.00 malam.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, ada suatu Usul yang menyatakan:

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 (1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga pada pukul 8.00 malam,

hendak dipersetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 (1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga pada pukul 8.00 malam.

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1995

Bacaan Kali Yang Kedua

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 1995

Perbahasan disambung semula.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar.

6.02 ptg.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Datuk Law Heing Ding): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah turut serta membahaskan dasar-dasar am Belanjawan 1995 khususnya mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar.

Segala sokongan, pandangan dan cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai pembangunan sains, teknologi dan pemuliharaan alam sekitar akan diberi perhatian dan bagi menentukan keberkesanan pelaksanaannya program-program tersebut pada masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberi penjelasan terhadap perkara-perkara yang telah disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sewaktu membahaskan dasar-dasar am Belanjawan 1995 di Dewan yang mulia ini.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas atas sokongan dan cadangan supaya ditambah peruntukan program alam sekitar bagi mencapai matlamat pembangunan mampan. Sebenarnya, kerajaan sentiasa memberi keutamaan kepada pembangunan program alam sekitar dengan menambah peruntukan dari masa ke semasa.

Melalui peruntukan yang dipohon bagi tahun 1995, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar akan memberi perhatian kepada dua perkara yang penting iaitu mempertingkatkan dan memperluaskan program pendidikan dan kesedaran alam sekitar kerana ianya merupakan faktor yang penting dalam usaha pencegahan atau prevention dan meningkatkan keupayaan pegawai-pegawai Jabatan Alam Sekitar dalam menjaga dan mengawasi pencemaran yang berlaku. Pelaksanaan program tersebut bukan sahaja bergantung kepada peruntukan kerajaan tetapi juga sumbangan daripada pihak swasta. Pada masa-masa yang akan datang, lebih banyak lagi pihak swasta akan dijemput untuk menyertai program pembangunan alam sekitar bagi menggalakkan pihak swasta bekerjasama dengan sektor awam selaras dengan Dasar Persyarikatan Malaysia.

Teknik-teknik baru seperti sistem telemetry dalam menjalankan tugas-tugas penguatkuasaan dan pengawasan kualiti alam sekeliling akan terus dipertingkatkan supaya data-data yang diperolehi tepat dan sahih untuk digunakan dalam perancangan program-program alam sekitar dengan berkesan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, selain daripada mengeratkan jentera kerajaan ke arah meningkatkan kualiti alam sekeliling dan mengawal pencemaran, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar juga sedar akan betapa pentingnya peranan yang dimainkan oleh Ahli-ahli Parlimen sebagai penghubung di antara rakyat dengan kerajaan. Justeru itu, kementerian ini bersama-sama dengan Persatuan Ahli-ahli Parlimen mengenai penduduk dan pembangunan, telah menganjurkan satu persidangan antarabangsa bertemakan 'Environment and Sustainable Development' khas untuk Ahli-ahli Parlimen tempatan dan rantau Asia Pasifik pada 8hb. hingga 10hb. November tahun ini. Di atas usaha dan kerjasama Ahli-ahli Yang Berhormat menganjurkan persidangan tersebut dengan berjaya, saya mengucapkan terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching ada menyentuh mengenai Projek Bakun. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan tidak bercadang untuk membenarkan Ekran Sdn. Bhd. memulakan kerja pembinaan Projek Hidro Elektrik Bakun tanpa kelulusan EIA. Ekran Sdn. Bhd. telah pun diarah oleh kerajaan untuk menjalankan kajian EIA terperinci untuk Projek Hidro Elektrik Bakun. Kajian tersebut dijangka siap pada bulan Mac 1995. Untuk menyediakan laporan EIA ini, pasukan kajian EIA telah mula masuk ke dalam kawasan projek sejak bulan Jun 1994 untuk menjalankan berbagai kajian dan ujian. Kerajaan tidak akan bertolak ansur mengenai soal kajian EIA. Kajian EIA yang dikemukakan oleh pihak Ekran Sdn. Bhd. akan melalui proses penilaian mengikut prosedur yang telah ditetapkan oleh Jabatan Alam Sekitar seperti mana projek-projek lain di sini.

Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupar yang telah mencadangkan supaya kerajaan mengambil langkah-langkah yang baik dan mempunyai satu strategi untuk memelihara dan menyelamatkan alam sekitar. Kerajaan memang sentiasa peka terhadap pemuliharaan alam sekitar demi menjamin kesejahteraan hidup rakyat masa kini dan generasi akan datang. Beberapa peraturan dan perundangan alam sekitar telah digubal sejak tertubuhnya Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

Selain daripada itu, beberapa garis panduan telah digubal bagi membantu Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan dalam menguruskan hal ehwal alam sekitar. Kerajaan juga telah menyediakan program-program pendidikan dan kesedaran alam sekitar demi meningkatkan keprihatinan rakyat terhadap pemuliharaan alam sekitar. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Sungai Benut yang mencadangkan supaya kerajaan menggalakkan penggunaan kenderaan yang menggunakan gas asli bagi mengatasi pencemaran yang berpunca dari kenderaan bermotor.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penggalakan penggunaan gas asli dan lain-lain tenaga yang bersih adalah menjadi dasar kerajaan masa kini. Saya ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini, dengan menggalakkan penggunaan gas asli oleh kenderaan bermotor, kerajaan menganggarkan sebanyak 40% masalah pencemaran udara dapat dikurangkan terutamanya disekitar Lembah Kelang.

Ahli Yang Berhormat dari Sungai Benut juga ada menyarankan agar Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menguatkuasakan dan memperketatkan peraturan-peraturan sebelum

meluluskan projek-projek yang berisiko tinggi yang boleh mencemarkan alam sekitar.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian ini sentiasa memberi perhatian mengenai perkara tersebut melalui perintah kualiti alam sekeliling atau perintah kesan-kesan alam sekitar 1987. Melalui perintah ini projek-projek yang berpotensi mempunyai risiko yang tinggi terhadap alam sekitar adalah dikehendaki menjalankan kajian penilaian alam sekitar atau EIA yang terperinci.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Pagoh ada bertanyakan mengenai tindakan-tindakan yang diambil oleh kerajaan untuk mengatasi masalah jerebu yang telah melanda negara ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi mengatasi masalah jerebu, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar telah mewujudkan Jawatankuasa Kebangsaan Jerebu.

Kajian-kajian kesan jerebu terhadap alam sekitar dan kesihatan orang ramai juga dirancangan. Bagi mengatasi punca-punca luaran pula, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar sedang dan akan mempertingkatkan segera usaha dan kerjasama yang lebih erat dengan negara-negara jiran untuk mengatasi masalah bersama berdasarkan contoh kerjasama yang telah ditunjukkan oleh negara Kanada-Amerika dan Jepun-China mengenai perkara hujan asid atau acid rain.

Bagi mencapai tujuan ini, satu Mesyuarat Menteri-menteri ASEAN yang bertanggungjawab terhadap hal ehwal alam sekitar telah diadakan pada 12 Oktober 1994 lalu di mana persetujuan telah dicapai untuk bertukar maklumat dan menyelaras perkara ini dengan lebih berkesan lagi pada masa-masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan. Sekiranya ada perkara-perkara yang tidak disentuh dalam jawapan ini, Kementerian saya akan mengambil maklum dan seterusnya akan mengambil apa-apa tindakan yang sewajarnya di mana yang boleh.

Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

6.12 ptg.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas, Kimanis, Tumpat, Klang, Tebrau dan Jerai kerana menyentuh masalah-masalah yang berkaitan dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna terutama mengenai kenaikan harga barang-barang keperluan, langkah-langkah tegas yang harus diambil ke atas peniaga-peniaga serta penguatkuasaan undang-undang semasa membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 1995.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna memang sedar tentang berlakunya kenaikan harga barang-barang keperluan seperti ayam, daging, minyak masak, sayur-sayuran dan ikan di mana kenaikan harga barangan ini mempengaruhi indeks harga pengguna. Pusat

maklumat harga kementerian yang mengumpul harga kira-kira 100 jenis barangan setiap minggu juga dapat mengesan kenaikan yang dinyatakan. Adalah jelas, kekurangan bekalan menyebabkan harga barang makanan dalam kategori ikan dan sayur meningkat. Saya percaya, langkah-langkah tertentu yang lebih berkesan sedang diambil oleh kementerian yang berkenaan, iaitu Kementerian Pertanian supaya bekalan barangan-barangan tersebut dapat mengimbangi permintaan.

Pengalaman-pengalaman yang lepas menunjukkan bahawa adalah lebih mudah mengatasi masalah bekalan menerusi liberalisasi import sekiranya pengeluaran tidak mencukupi seperti yang dilakukan dalam usaha kerajaan mengatasi masalah bekalan dan kenaikan harga ayam dan simen. Syukur Alhamdulillah, harga ayam kini telah menurun di bawah paras RM5 sekilo. Kini kementerian sedang bekerjasama dengan Kementerian Perusahaan Utama untuk mengatasi masalah harga minyak masak yang meningkat sejak beberapa bulan yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna telah, sedang dan akan mengambil segala langkah untuk menentukan peniaga-peniaga tidak menaikkan harga barangan, kecuali dengan sebab munasabah yang tidak dapat dielakkan. Kementerian juga sedang mengambil tindakan untuk menentukan peniaga-peniaga menurunkan harga barangan yang duti ke atasnya telah dikurangkan atau dihapuskan dalam Belanjawan 1995, iaitu selaras dengan pengurangan atau penghapusan duti itu supaya

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: (Bangun)

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang bangun Yang Berhormat. Jerai yang bangun.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruddin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin meminta sedikit penjelasan tentang minyak masak ini kerana rata-rata masyarakat — mereka menyatakan kita mampu mengeksport minyak kelapa sawit iaitu minyak masak ke luar negara. Tetapi masalah di dalam negeri kita sendiri, harga minyak masak meningkat. Itu satu.

Yang kedua, apabila suatu ketika dahulu kerajaan mengumumkan Belanjawan apabila cukai terhadap sesuatu barang itu dinaikkan, hari esoknya, semua kedai-kedai yang menjual barang-barang ini akan menaikkan harga dengan serta-merta untuk mengaut keuntungan yang berlebihan. Tetapi apabila kerajaan melepaskan cukai ke atas banyak barang, tetapi kita dapati bahawa pekedai-pekedai tidak mahu menurunkan harga barang itu dengan serta-merta dengan alasan mereka tidak dapat butir-butir jenis-jenis barang yang diturunkan. Jadi, di manakah kesilapannya menyebabkan pihak-pihak pekedai masih engkar menurunkan harga barang-barang ini dan adakah kementerian mempunyai tenaga kerja yang mencukupi untuk menjelajah ke seluruh negara bagi mengatasi masalah ini? Kalau tidak mencukupi, adakah pihak JPA memberi kerjasama dengan kementerian Yang Berhormat untuk menambah tenaga pekerja bagi memudahkan masyarakat di tanah air kita ini?

Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat dari Jerai. Berkenaan perkara yang kedua, saya akan jawab di dalam jawapan saya yang telah disediakan, iaitu mengenai usaha bagi memastikan peniaga-peniaga

menurunkan harga barangan hasil daripada pengurangan ataupun penghapusan duti import yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri.

Mengenai minyak masak, seperti mana saya sebutkan sebentar tadi, kementerian saya, bersama dengan Kementerian Perusahaan Utama, memang sentiasa mengadakan perbincangan berkenaan perkara ini dan saya percaya bahawa hasil daripada apa yang telah diarahkan oleh Jemaah Menteri pada hari ini, maka Kementerian Perusahaan Utama akan mengambil langkah-langkah yang sesuai bagi memastikan bahawa minyak masak di negara ini tidak terus naik di masa-masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya dalam menentukan iaitu peniaga tidak mengambil kesempatan untuk menaikkan harga barangan atau mengamalkan perdagangan yang tidak beretika, kementerian seterusnya mempertingkatkan pengawasan ke atas aktiviti perniagaan bagi memastikan peniaga:

- (i) meletakkan tanda harga pada barangan supaya pengguna dapat membuat perbandingan harga dan sebarang perubahan harga akan mudah dikesan;
- (ii) tidak menjual barang-barang tiruan;
- (iii) tidak menggunakan alat-alat timbang dan sukat yang tidak ditentukan;
- (iv) tidak menyorok barang-barang keperluan atau mengenakan syarat-syarat yang tidak berpatutan dalam menjual barangan; dan
- (v) mematuhi kehendak undang-undang dan peraturan yang telah ditetapkan.

Dalam hubungan ini, kementerian telah mengadakan beberapa operasi, iaitu membuat pemeriksaan secara menyeluruh dari masa ke semasa. Sebagai misalan, pada 10hb. hingga 13hb. November tahun ini, satu pemeriksaan secara besar-besaran yang melibatkan kira-kira 60 pegawai telah diadakan di Langkawi bagi memastikan:

- (i) peraturan tanda harga dipatuhi oleh semua peniaga;
- (ii) barang-barang tiruan tidak ditawarkan untuk jualan;
- (iii) harga barang-barang adalah berpatutan, iaitu selaras dengan kedudukan pulau Langkawi sebagai kawasan bebas cukai; dan
- (iv) peruntukan undang-undang dan peraturan yang telah ditetapkan dipatuhi oleh semua peniaga di Langkawi.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:
(*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ada yang bangun, Yang Berhormat.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, tidakkah operasi besar-besaran yang dilakukan di Langkawi merupakan satu operasi yang reaktif ataupun reaksi kepada kenyataan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri?

Tidakkah kementerian mempunyai satu program yang proaktif mengenai penguatkuasaan harga yang di bawah kawalan ataupun consumer goods dan pada waktu yang sama adakah kementerian mempunyai jumlah tenaga penguatkuasaan yang mencukupi dengan tuntutan rakyat supaya diberi harga konsumer yang adil dan sekiranya tidak mencukupi, mengapakah pihak kementerian tidak mendapat jumlah pegawai yang sangat-sangat diperlukan?

Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar: Terima kasih, Ahli Yang Berhormat. Berkenaan dengan pandangan yang telah diutarakan, iaitu operasi yang telah dilaksanakan di Langkawi, seperti mana yang saya sebutkan sebentar tadi adalah bagi memastikan bahawa barang-barang dijual di Langkawi adalah selaras dengan kedudukannya sebagai kawasan bebas cukai dan memang merupakan salah satu daripada tindakan yang diambil hasil daripada teguran Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini. Ini juga dilaksanakan bagi memastikan awal-awal lagi sama ada pihak-pihak yang berkenaan di Langkawi dapat menurunkan harga dengan adanya tindakan yang diambil oleh pegawai-pegawai kementerian. Bagi tenaga penguatkuasaan, saya akan jawab sebentar lagi.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya kami akan menentukan peniaga-peniaga menurunkan harga barangan yang duti ke atasnya dikurang atau dihapuskan. satu operasi yang dinamakan Ops Budget 1995 telah dan sedang dilaksanakan. Objektif operasi ini ialah untuk menentukan barang-barang yang duti ke atasnya dikurang atau dihapuskan itu ditawarkan untuk jualan dengan harga yang lebih rendah iaitu diturunkan selaras dengan pengurangan atau penghapusan duti ke atasnya selewat-lewatnya pada 1.12.1994 dan seterusnya menentukan harga barang-barang itu tidak dinaikkan semula.

Strategi yang diambil di bawah pelan tindakan ini ialah:

- (i) mengenal pasti secara terperinci barang-barang yang duti di atasnya dikurang atau dihapuskan;
- (ii) mengenal pasti secara terperinci kadar duti yang kurang, dikurang atau dihapuskan bagi setiap jenis barangan;

- (iii) mengenal pasti secara terperinci kadar harga yang boleh dikurangkan oleh setiap peringkat peniaga bagi setiap jenis barangan yang duti ke atasnya dikurang atau dihapuskan dan berasaskan maklumat itu mengadakan perundingan dengan peniaga-peniaga bagi mendapatkan persetujuan ke atas struktur harga baru dan mendapatkan komitmen mereka untuk menawar barangan mengikut harga baru;
- (iv) menjalankan pengawasan berterusan bagi menentukan harga barang-barang berkaitan diturunkan dan tidak dinaikkan semula dan membuat analisa dan melaporkan hasil tindakan kepada kerajaan.

Pendekatan yang diambil ialah perundingan dengan pihak-pihak yang berkepentingan. Di samping itu, pelan tindakan ini akan dibuat mengikut lima fasa iaitu fasa pertama 1hb. hingga 15hb. November 1994, telah pun selesai. Di mana di bawah fasa ini tindakan berikut telah diambil:

- (i) menubuh dan menggerakkan Bilik Gerakan Ops Budget 1995 di ibu pejabat dan setiap pejabat cawangan negeri;
- (ii) mengadakan perbincangan dengan pegawai-pegawai daripada Perbendaharaan dan Jabatan Kastam dan Eksais Diraja untuk mengenal pasti secara terperinci barang-barang yang duti ke atasnya dikurang atau dihapuskan, kadar duti semasa dan kadar duti baru dan perbezaannya bagi setiap jenis barangan berkenaan;

- (iii) mengumpul dan memproses maklumat mengenai butir-butir pengimport, pengeluar dan penjual borong setiap jenis barang yang setiap duti ke atasnya dikurangkan atau dihapuskan termasuk persatuan-persatuan, pertubuhan-pertubuhan perniagaan dan orang-orang yang mudah dihubungi.

Fasa yang kedua daripada 16hb. hingga 30hb. November 1994. Di bawah fasa ini tindakan-tindakan berikut akan diambil iaitu:

- (i) mengadakan perundingan dengan peniaga-peniaga, persatuan-persatuan peniaga berkaitan bagi mengesyorkan struktur harga baru bagi setiap jenis barangan yang duti ke atasnya dikurang atau dihapuskan dan mendapat pandangan dan cadangan balas daripada mereka dengan mengambil kira faktor-faktor lain selain daripada pengurangan atau penghapusan duti;
- (ii) mendapat persetujuan ke atas struktur harga baru dan kerjasama peniaga-peniaga menurunkan harga barangan berasaskan struktur harga baru selewat-lewatnya pada 1hb. Disember, 1994;
- (iii) menyediakan maklumat-maklumat mengenai harga baru yang dipersetujui oleh peniaga bagi barang-barang yang duti ke atasnya dikurang ataupun dihapuskan.

Fasa ketiga, 1hb. hingga 31hb. Disember, 1994 iaitu bulan hadapan. Di bawah fasa ini tindakan-tindakan berikut akan diambil:

- (i) membuat pemeriksaan ke atas premis-premis perniagaan bagi menentukan barang-barang yang duti ke atasnya dikurang atau dihapuskan itu dijual dengan harga yang lebih rendah;

- (ii) mengenal pasti peniaga-peniaga yang tidak menurunkan harga bagi barang-barang yang duti ke atasnya dikurang atau dihapuskan dan mengeluarkan amaran bertulis kepada peniaga-peniaga yang enggan menurunkan harga bagi barang-barang yang duti di atasnya dikurang atau dihapuskan dan seterusnya mengumpul, menyelenggara dan menganalisa harga barang-barang yang duti ke atasnya dikurang ataupun dihapuskan.

Fasa empat, 1hb. hingga 31hb. Januari 1995. Di bawah fasa ini tindakan-tindakan berikut akan diambil:

- (i) menyediakan laporan-laporan pelaksanaan dan kesannya dan menimbangkan tindakan yang wajar diambil ke atas peniaga-peniaga yang enggan menurunkan harga barang-barang yang duti ke atasnya dikurang atau dihapuskan. Di akhir fasa empat ini, peniaga-peniaga dijangka telah menurunkan harga barangan selaras dengan pengurangan atau penghapusan duti ke atasnya. Dan fasa yang kelima iaitu selepas 31hb. Januari, 1995 ialah tindakan pengawasan bagi menentukan peniaga-peniaga tidak menaikkan semula harga barangan. Tindakan pengawasan di bawah fasa ini akan dijalankan secara berterusan. Di samping itu laporan lengkap akan dikemukakan kepada kerajaan.

Berkenaan dengan pegawai-pegawai pula seperti yang telah disebutkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sebentar tadi, kementerian pada masa ini mempunyai seramai 495 pegawai-pegawai penguatkuasa yang bertugas di seluruh negara dan didapati angka ini sudah pasti tidak

cukup. Bukan sahaja bagi melaksanakan tugas-tugas yang lama tetapi juga tugas-tugas yang baru. Oleh itu kementerian telah memohon kepada agensi-agensi pusat untuk menubuhkan 28 pejabat-pejabat cawangan baru di peringkat zon di negeri-negeri serta pewujudan beberapa jawatan baru. Jemaah Menteri telah memutuskan supaya permohonan iri dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Kabinet Mengenai Saiz Perkhidmatan Awam yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Permohonan ini seperti mana yang saya sebutkan dibuat untuk membolehkan tindakan penguatkuasaan dilaksanakan dengan lebih berkesan dan menyeluruh di samping mendidik pengguna bagi mengawal inflasi di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, walau apa pun kerajaan sahaja tidak berkemampuan menentukan setiap masa bahawa harga barang-barang keperluan di seluruh negara berada pada paras yang berpatutan. Peranan rakyat sebagai pengguna yang bertanggungjawab dan dapat berfikir serta bertindak secara rasional dalam kehidupan harian adalah teras segala-galanya. Kempen Kesedaran Pengguna secara menyeluruh yang telah dilancarkan cuba mencrapkan pengetahuan dan ilmu kepenggunaan kepada setiap golongan termasuk pengeluar, peniaga, pegawai dan kakitangan kerajaan, guru-guru dan murid dan ibu bapa serta persatuan-persatuan supaya menjadi pengguna yang dapat bersamasama dengan kerajaan membanteras inflasi agar negara seterusnya menikmati kemakmuran yang berterusan.

Akhirnya, saya sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih di atas pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengutarakan perkara-perkara yang

berkaitan dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna semasa membahas Rang Undang-undang Perbekalan 1995. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kementerian Pengangkutan.

6.31 ptg.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail): Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dan mengemukakan pandangan, teguran dan syor-syor mereka yang relevan mengenai perkara-perkara di bawah bidang kuasa Kementerian Pengangkutan di sepanjang perbincangan atas Rang Undang-undang Perbekalan 1995 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan pada 28hb. Oktober yang lepas.

Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Menteri, saya ingin memberikan jaminan bahawa segala pandangan, teguran dan syor-syor yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat akan diberi perhatian dan sekiranya sesuai akan diberikan pertimbangan yang sewajarnya oleh Kementerian Pengangkutan. Walau bagaimanapun, izinkan saya memberikan penjelasan dan jawapan kepada perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh beberapa orang ahli Yang Berhormat.

Yang Berhormat dari Bukit Mas pada 9hb. November, 1994 telah menyentuh mengenai cadangan pembinaan lapangan terbang baru Limbang. Tuan Yang di-Pertua, dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keenam, jumlah sebanyak RM8.60 juta telah diluluskan untuk lapangan terbang baru Limbang.

Peruntukan ini akan digunakan untuk tujuan-tujuan. Pertama, pengambilan balik tanah. Kedua, bayaran kepada perunding untuk kerja-kerja detail engineering design, dengan izin dan menjalankan kerja-kerja kajian dan ukur tanah. Perunding untuk projek ini telah dilantik dan kerja-kerja permulaan detail engineering design telah pun dijalankan.

Yang Berhormat dari Petaling Jaya pada 10hb. November, 1994 telah mendakwa terdapat salah pengurusan yang serius dalam KTMB. Akibat daripada itu, beliau juga membangkitkan mengenai penyediaan Laporan Tahunan KTMB yang tidak tepat. Kelewatan pelaksanaan projek KTMB, terutamanya sistem commuter dan perkhidmatan kereta api yang merosot.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dakwaan Yang Berhormat dari Petaling Jaya bahawa terdapat salah pengurusan yang serius dalam KTMB adalah tidak benar sama sekali. Berhubung dengan pelaksanaan projek perkhidmatan kereta api ulang-alik commuter service, dengan izin, adalah benar pelaksanaannya tidak dimulakan mengikut jadual yang ditetapkan. Ini adalah kerana bidang projek ini telah diperluaskan, iaitu diubahsuai meliputi sistem elektrifikasi. Walau bagaimanapun, projek ini dijadualkan mula digunakan pada awal tahun 1996.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai perkhidmatan kereta api, kerajaan memang sedar bahawa telah sukar untuk memberikan perkhidmatan kereta api yang memuaskan kepada setiap penumpang. Walau bagaimanapun, kerajaan sentiasa berusaha untuk meningkatkan mutu perkhidmatan kereta api. Antara langkah-langkah yang diambil untuk meningkatkan mutu perkhidmatan kereta api ialah:

- (i) Melaksanakan projek memperbaiki landasan;
- (ii) Melaksanakan projek landasan berkembar; dan

- (iii) Memperbaiki alat bersempoyanan dan pembelian koc-koc baru.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Hulu Selangor, Yang Berhormat dari Dungun dan Yang Berhormat dari Kuala Kerai pada 14hb. November, 1994 masing-masing telah meminta supaya KTMB memperbaiki mutu perkhidmatan kereta api di antara Kuala Lumpur dan Tanjong Malim, mengadakan perkhidmatan kereta api di negeri Terengganu dan lain-lain negeri yang belum mempunyai perkhidmatan kereta api. Kerajaan memang mempunyai rancangan jangka panjang untuk meningkatkan perkhidmatan kereta api yang meliputi seluruh rangkaian kereta api di Semenanjung Malaysia, termasuk kemungkinan membina laluan baru, menghubungkan Kuala Lumpur dengan negeri-negeri di Pantai Timur. Bagi maksud ini, kajian sedang dijalankan untuk menilai daya maju cadangan projek tersebut. Jemaah Menteri telah bermesyuarat pada 13hb. Januari, 1993 telah mengambil maklum akan pandangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa landasan berkembar adalah diperlukan bagi meliputi seluruh negara. Sebagai permulaannya, sektor Padang Besar-Kuala Lumpur-Singapura perlu dikaji dari daya maju atau feabilitinya. Juruperunding dari Perancis iaitu sofrail dan Kaglac serta Syarikat Malaysia Exim Engineering Sdn. Bhd. telah dilantik dan telah memulakan kajian pada akhir bulan Jun 1994 dan kajian adalah selama 9 bulan. Perunding berpendapat ia boleh menyiapkan kerja ini pada akhir tahun 1994.

Terdahulu dari itu, satu kajian oleh Japan International Cooperation Agency (JICA) telah disiapkan dalam tahun 1995 yang mana telah mencadangkan pembinaan landasan kereta api baru bagi menghubungkan Kuala Lumpur, Kuantan

dan Kota Bharu. Memandangkan bahawa projek ini memakan belanja yang amat besar dan kemelesetan ekonomi dihadapi oleh negara pada masa itu, maka projek ini telah ditangguhkan pelaksanaannya.

Tuan Yang di-Pertua, sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos.

6.35 pm.

Timbalan Menteri, Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Dalam Dewan yang mulia ini yang telah memberikan pandangan yang bernas dan membina terhadap kementerian saya semasa membincang Belanjawan 1995.

Ahli Yang Berhormat dari kawasan Tanjong, Ahli Yang Berhormat dari kawasan Bandar Kuching dan Ahli Yang Berhormat dari kawasan Bukit Mas, Ahli Yang Berhormat dari kawasan Petaling Jaya, Ahli Yang Berhormat dari kawasan Larang telah membangkitkan perkara-perkara yang berkaitan dengan projek Hidro Elektrik Bakun, masing-masing pada 31hb. Oktober, 7hb. November, 9hb. November dan 14hb. November, 1994.

Saya ingin menjelaskan sekali lagi bahawa kerajaan tidak memberikan cek kosong kepada Ekran untuk melaksanakan projek Bakun. Untuk makluman Dewan, kerajaan telah menerima cadangan terperinci mengenai pelaksanaan projek Bakun pada 7hb. November, 1994. Pihak Unit Perancangan Ekonomi akan melantik juruperunding untuk menjalankan penilaian bebas ke atas cadangan tersebut. Di samping itu, kajian

EIA akan dikemukakan secara terperinci kepada Jabatan Alam Sekitar. Kesemua kerja-kerja penilaian akan dilakukan seperti mana projek-projek yang lain dan tidak akan diberikan apa-apa keistimewaan.

Begitu juga kerajaan tidak akan meluluskan cadangan sekiranya harga elektrik ditawarkan adalah tinggi dan tidak kompetitif. Jadi, kenyataan Yang Berhormat dari kawasan Tanjong, Yang Berhormat dari kawasan Bandar Kuching bahawa projek Bakun seolah-olah telah mula dilaksanakan dan tidak boleh dipersoalkan terhadap cadangan oleh Ekran Berhad adalah benar. Begitu juga kenyataan Yang Berhormat dari kawasan Lanang bahawa kerajaan cuba merahsiakan perkara-perkara mengenai projek Bakun adalah tidak berasas. Sekali lagi ditegaskan di Dewan yang mulia ini bahawa upacara pemecahan tanah yang dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri adalah untuk kerja-kerja permulaan, dengan izin, preparatory work seperti pembinaan rumah kediaman pekerja dan Bakun Resort. Perlu diingatkan ada juga projek swasta yang tidak dilaksanakan walaupun upacara pemecahan tanah telah dilakukan.

Di samping itu juga, diingatkan bahawa kerajaan dengan menyedari hakikat bahawa ini adalah satu projek penswastan raksasa yang menelan belanja hampir RM15 bilion dan mempunyai risiko yang tinggi, maka pelaksanaannya akan diawasi rapi oleh kerajaan. Satu Jawatankuasa Kabinet mengenai projek Bakun yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah ditubuhkan. Di bawah Jawatankuasa ini telah terdapat beberapa jawatankuasa di peringkat pegawai.

- (1) Jawatankuasa Penswastan Projek Hidro Elektrik Bakun;
- (2) Jawatankuasa Peringkat Pegawai Mengenai Projek Bakun;

(3) Jawatankuasa Penempatan Semula Penduduk; dan

(4) Jawatankuasa Alam Sekitar.

Memandangkan kedudukan sedemikian, kita tidak perlu bimbang mengenai penswastan projek Bakun. Oleh kerana segala kelulusan hanya diberikan kepada pihak Ekran Berhad, setelah pihak kerajaan benar-benar puas hati dengan cadangan terperinci yang telah dikemukakan oleh pihak Ekran Berhad.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kerajaan akan memastikan bahawa syarikat-syarikat bumiputera akan diberi peluang untuk menyertai projek Bakun.

Tuan Yang di-Pertua, dakwaan Yang Berhormat dari kawasan Petaling Jaya
.....

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:
Tuan Yang di-Pertua, minta izin.

Tuan Jawah anak Gerang:
(Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):
Sila. Mana satu yang saya hendak beri jalan.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:
Saya minta izin.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):
Yang mana satu diberi jalan. Dua orang minta. Terpulang kepada Yang Berhormat.

Tuan Jawah anak Gerang: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan. Ini berkenaan dengan pampasan kepada penduduk-penduduk yang terlibat di dalam projek Hidro Elektrik Bakun. Saya ada

cakap sedikit berkenaan dengan pampasan. Di sini saya hendak mengetahui apakah jaminan-jaminan daripada pihak kerajaan supaya pampasan yang berpatutan haruslah dibayar kepada penduduk-penduduk yang terlibat dan juga pampasan tersebut harus dibayar dengan segera? Apa yang saya maksudkan di sini ialah apa yang terjadi di Hidro Batang Aii iaitu di kawasan saya, walaupun Projek Hidro di Batang Ai sudah lama siap, sampai hari ini orang-orang yang mempunyai tanah belum lagi dibayar pampasan oleh kerajaan. Saya tidak mahu masalah ini juga akan berlaku ke atas rakyat di Projek Hidro Bakun.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd.

Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, ingatan daripada Yang Berhormat dari Lubok Antu akan diambil perhatian oleh kementerian. Bagaimanapun ingin ditegaskan bahawa projek yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi berada di negeri Sarawak dan projek-projek elektrik di negeri Sarawak tertakluk kepada Kerajaan Negeri dan bukan Kerajaan Pusat, melainkan Projek Hidro Bakun ini ialah satu projek yang akan diawasi oleh peringkat Pusat tetapi dilaksanakan oleh Ekran Bhd.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:
(*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin):
Parit Sulong bangun, Yang Berhormat.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad:
Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, oleh kerana Projek Hidro Bakun adalah projek penswastan yang besar (raksasa) sebagaimana yang ditegaskan tadi, tidakkah ada satu guideline daripada pihak kerajaan yang akan memberikan projek

iri kepada pihak swasta untuk menentukan bahawa dalam aktiviti-aktiviti kerja pembinaan itu dipakejkan kepada anak-anak tempatan, bermakna kepada profesional tempatan. Oleh kerana kadang-kadang perkara ini mungkin terlupa, ramai sahabat-sahabat saya dari Sarawak yang bertanya. Tadi, saya memang minta sahabat saya bangun tetapi dia mengemukakan soalan yang lain. Adakah kerajaan boleh memastikan secara langsung atau secara tidak langsung, supaya rakyat tempatan yang mempunyai ke Layakan diberi pertimbangan untuk melaksanakan kerja-kerja sub-kontrak di mana-mana pakej sekali pun di dalam pembinaan Projek Hidro Bakun ini. Terima kasih.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd.

Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana saya maklumkan sebentar tadi, untuk memastikan projek ini berjalan dengan lancar empat jawatankuasa telah pun ditubuhkan, yang mana jawatankuasa induknya dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Kita ada Jawatankuasa Per swastaan Projek Hidro Bakun; Jawatankuasa Peringkat Pegawai Mengenai Projek; Jawatankuasa Penempatan Semula Penduduk; sebagaimana yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Lubok Antu tadi dan Jawatankuasa Alam Sekitar untuk memastikan projek ini tidak akan mencemar keadaan alam sekitar di negeri Sarawak. Kita ada juga di peringkat Kementerian Kewangan dan juga di peringkat kementerian, iaitu jawatankuasa berkenaan dengan penyertaan bumiputera dan penyertaan syarikat-syarikat tempatan dalam projek-projek antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya sebutkan tadi dakwaan Yang Berhormat dari Petaling Jaya pada

14 November 1994 dalam Dewan yang mulia ini, bahawa lesen pengeluar-pengeluar tenaga-tenaga bebas ataupun IPP (Independent Power Project) dikeluarkan macam lesen teksi adalah tidak berasas sama sekali. Sehingga kini hanya lima lesen yang telah dikeluarkan kepada IPP di Semenanjung dan hanya satu lesen IPP di negeri Sabah yang telah dikeluarkan.

Untuk maklumat Dewan yang mulia ini, selepas mengalami kekurangan rizab penjanaan di bawah 10% pada tahun 1992, kerajaan memutuskan supaya negara mempunyai rizab penjanaan yang lebih selesa di tahap melebihi 30%. Hakikatnya risiko kerugian dari gangguan bekalan elektrik tidak 'reliable' dan keengganan para pelabur datang kerana kurang yakin terhadap cukupnya bekalan elektrik adalah besar dan boleh menjejaskan kerancangan pembangunan negara.

Untuk mencapai matlamat rizab margin penjanaan yang boleh mendukung perindustrian negara, beberapa projek dengan izin, 'fast track' telah dilaksanakan oleh Tenaga Nasional Berhad, begitu juga pengeluar-pengeluar tenaga-tenaga bebas. Sekiranya kerajaan tidak mengaturkan perancangan yang sebegini, negara ini mungkin akan menghadapi kekurangan tenaga pada tahun 2000, apabila keperluan tenaga adalah diunjurkan sebanyak 12,000 megawatt.

Yang Berhormat dari kawasan Tanjong telah membangkitkan keraguannya mengenai projek 'fast track'

Tuan Lim Guan Eng: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, Kota Melaka minta jalan.

Tuan Lim Guan Eng: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Kalau rizab tenaga sekarang dalam peringkat selesa bolehkah saya bertanya mengapakah di satu dua tempat di Melaka, iaitu di kawasan saya masih menghadapi bekalan elektrik yang putus dengan kerap sekali seperti mana yang berlaku di taman perumahan atau di taman perindustrian, di kawasan Bandar Hilir atau di kawasan Taman Malim Jaya di Tenggera? Saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri bolehlah membuat siasatan ke atas masalah ini. Selain daripada itu kalau rizab tenaga dalam keadaan yang selesa dan juga kos sekarang dalam keadaan terkawal seperti mana Yang Berhormat Timbalan Menteri nyatakan tadi untuk Projek Hidro Bakun akan memastikan bahawa cost electricity, dengan izin, tidaklah terlalu tinggi. Adakah benar bahawa tarif tenaga baru dinaikkan baru-baru ini? Kalau ya, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan berapa banyakkah kenaikan yang dilaksanakan baru-baru ini, bilakah ia dilaksanakan dan sebabnya dilaksanakan?

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar bahawa tarif tenaga telah dinaikkan baru-baru ini. Sebenarnya tarif tenaga ini kekal sejak tahun 1985 dan apa yang dilakukan oleh Tenaga Nasional ialah menurunkan kadar tarif pada waktu malam.

Pada masa ini Tenaga Nasional dan IPP yang lain mempunyai kuasa penjanaan 7,000 megawatt, sedangkan penggunaan negara pada waktu malam hanyalah 3,000 megawatt dan pada waktu siangnya melebihi 5,800 megawatt. Jadi, pada waktu malam kita mempunyai tenaga yang begitu berlebihan dan Tenaga Nasional telah pun mencadangkan supaya semua street

lighting dipasang waktu malam, dan Tenaga Nasional sanggup memberikan satu kadar tarif yang lebih murah bagi memastikan negara kita terang di waktu malam. Bagaimanapun pada waktu siang terpaksa kita menggunakan tarif yang sedia ada ini kerana kita mempunyai rizab sebanyak 30%, walaupun yang dicadangkan oleh National Grid of U.K. adalah 35%. Jadi, kalau ada pihak yang mengatakan bahawa kita hari ini mempunyai rizab yang berlebihan, ini sebenarnya belum sampai kepada tahap yang dicadangkan oleh National Grid of U.K. iaitu 35% rizab.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi, iaitu walaupun kita mempunyai rizab tenaga elektrik yang begitu besar, tetapi masih mengalami keadaan black-out di sana-sini sebenarnya ini bergantung kepada keadaan-keadaan tempat. Kalau misalnya di kawasan-kawasan yang berkenaan kita ada pembangunan terutama sekali jalan dan sebagainya, kerap-kali jentolak-jentolak ini apabila mereka menggali di tepi-tepi jalan menyebabkan putus kabel-kabel elektrik dan menyebabkan keadaan gelap bagi kawasan atau satu-satu tempat.

Satu perkara lagi kemungkinan substesen-substesen yang ada di kawasan-kawasan yang tertentu mempunyai kuasa bekalan yang terhad, dan oleh kerana pembangunan yang begitu hebat di kawasan yang berkenaan sedangkan keupayaan elektrik bagi kawasan tersebut tidak dipertingkatkan, maka ini juga akan menyebabkan keadaan di mana kita mempunyai tekanan elektrik yang kurang dan boleh menyebabkan kerosakan alat-alat elektrik dan sebagainya. Jadi, walaupun negara mempunyai rizab elektrik yang begitu besar, keadaan black-out boleh berlaku, oleh sebab perkara-perkara yang telah saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat dari kawasan Tanjong telah membangkitkan keraguannya mengenai projek 'fast track' yang diberikan kepada GKM, Kontrak Abadi JV Sdn. Bhd., pada hujung tahun 1992 bagi membekalkan dua unit turbin gas berupaya 30 megawatt bagi Stesen Janakuasa Kapar.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat segala pelaksanaan 'fast track' adalah mengikut peraturan dan prosedur yang telah ditetapkan seperti melalui tender dan tawaran dibuat selepas penilaian dikemukakan kepada pembuat keputusan sama ada Lembaga Pengarah ataupun kerajaan sendiri. Penilaian dibuat bukan sahaja terhadap aspek-aspek teknikal dan kejuruteraan bahkan juga kos yang mana mengikut harga pasaran pada ketika itu.

Kerajaan berpendapat semua kos yang telah dipersetujui adalah munasabah kerana badan dan agensi seperti TNB, Unit Perancangan Ekonomi, Perbendaharaan dan Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos sentiasa mempunyai perbandingan dengan keadaan pasaran perlatan-peralatan bekalan elektrik. Juga ingin diperjelaskan, dalam menimbang pemberian kontrak, keupayaan syarikat-syarikat untuk menyempurnakan projek secara "fast track" adalah penting dan ini telah dibuktikan di mana semua projek ini sudah terlaksana dan setengahnya lebih awal dari tarikh yang telah ditetapkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Tanjong, harga tender sebenar, dengan izin, original contract value yang diberikan kepada syarikat GKM Development Bhd. - Kontek Abadi Sdn. Bhd. Joint Venture pada hujung November, 1992 ialah sebanyak RM130,733,400 dan bukan RM142 juta

sebagaimana yang didakwa oleh Yang Berhormat. RM12 juta adalah merupakan harga untuk 'spare, provisional and contingency sum'. Untuk makluman, sehingga kini RM12 tersebut belum lagi digunakan.

Yang Berhormat dari kawasan Tanjung menyatakan bahawa GKM Development Bhd. – Kontek Abadi Sdn. Bhd. Joint Venture telah memperolehi keuntungan sebanyak RM60 juta hanya untuk membekalkan dua buah turbin gas berupaya 30 MW kepada Tenaga Nasional Bhd. Memandangkan kos sebenar kedua-dua turbin gas tersebut hanya bernilai RM80 juta. Saya ingin menjelaskan bahawa kos sebenar 2 buah turbin gas tersebut adalah RM87.7 juta. Baki kos yang bernilai RM43 juta merangkumi, dengan izin, balance of plant items such as generator transformers, auxiliary transformers, high voltage and low voltage electrical switch gear, high voltage and low voltage cables, emergency diesel generator set, fire fighting system, civil works and services.

Yang Berhormat dari kawasan Keningau telah menyentuh masalah kekurangan bekalan elektrik di Sabah serta masalah mengenai kadar pembayaran yang tinggi. Saya ingin menjelaskan bahawa Lembaga Letrik Sabah telah menyusun rancangan jangka pendek dan rancangan jangka panjang
.....

Tuan Lim Guan Eng: (Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, Kota Melaka minta jalan lagi.

Tuan Lim Guan Eng: Sebelum Yang Berhormat beralih kepada perkara lain, iaitu tentang gas turbine di bawah

prospek "first track programme". Di sini, saya hendak bertanya, adakah dalam pengendalian fast track programme ini, adakah pihak kementerian mendapat quotation daripada berbagai pihak untuk memastikan bahawa harga yang ditawarkan adalah yang paling competitive? Seperti yang disebutkan tadi oleh Yang Berhormat RM87 juta, sekiranya yang didakwa itu adalah kos yang sebenar gas turbine tersebut. Tetapi kalau dibanding dengan harga kontrak RM130 juta masih ada keuntungan yang sangat besar dan Yang Berhormat berkata bakinya adalah disebabkan oleh auxiliary services dan lain-lain. Ini sangat subjective, Tuan Yang di-Pertua. Sesuatu yang kita tidak boleh quantify dengan tepat sekali. Oleh sebab itu, saya rasa memang wajar untuk kita menyaki sama ada terdapat unsur-unsur penyelewengan dalam pembelian dua gas turbine kepada Kontek Abadi Sdn. Bhd. dan nyata Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos masyhur dengan rasuah dan penyelewengan. Sekian.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, Fast track ini sebenarnya 10 buah turbin yang tiap-tiap satu mempunyai kuasa 30 MW. Jadi, bermakna sekali gus 10 buah turbin telah ditawarkan untuk dibekalkan kepada Tenaga Nasional dan sebanyak 5 buah syarikat telah dipilih untuk membekalkan 10 buah turbin ini dengan tiap-tiap syarikat membekalkan 2 buah turbine. Dan ingin saya tegaskan bahawa GKM (Gabungan Kontraktor-kontraktor Melayu) yang mana syarikat ini dipunyai oleh Gabungan Pemborong-pemborong Bumiputera Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, bagi rancangan jangka pendek, Lembaga Letrik Sabah secara berterusan mengambil beberapa langkah untuk mengatasi masalah

bekalan elektrik khususnya kemungkinan kekurangan keupayaan penjanaan di negeri Sabah. Langkah-langkah tersebut adalah seperti berikut:

- (i) Meningkatkan keupayaan penjanaan dengan menambah set-set jentera di stesen janakuasa yang mana keupayaannya hanya dapat menampung keperluan semasa;
- (ii) Menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan, pembaikan, baik pulih ke atas set-set jentera supaya pengeluaran kuasanya dapat dipertingkatkan;

Di samping itu, Lembaga Letrik Sabah juga telah mengenal pasti beberapa langkah untuk menambah keupayaan penjanaan demi untuk mempertingkatkan tahap kekukuhan bekalan di negeri Sabah. Langkah-langkah tersebut adalah seperti berikut:

- (1) Memasang sebuah set turbin gas yang berkeupayaan 32 MW di Stesen Patau-Patau di Wilayah Persekutuan Labuan dan dijangka mulai beroperasi pada awal/pertengahan tahun 1995.
- (2) Memasang 2 x 14 MW set disel di Stesen Janakuasa Batu Sapi Sandakan dan dijangka siap pada awal tahun 1995.
- (3) Memasang 1 x 30 MW set turbin gas secara "fast track" di Grid Pantai barat dan dijangka siap pada awal tahun 1995.
- (4) Memasang 1 x 20 MW set turbin gas secara "fast track" di Stesen Janakuasa Batu Sapi Sandakan yang dijangka siap pada awal tahun 1995.
- (5) Memasang 1 x 20 MW set turbin gas secara "fast track" di Stesen Janakuasa Tawau yang dijangka siap pada penghujung tahun 1994.

- (6) Membina sebuah stesen disel baru di Semporna dengan memasang 3 x 2 MW set dan dijangka siap pada pertengahan tahun 1996.
- (7) Melaksanakan projek IPP 50 MW di Melawa dan dijangka mulai beroperasi pada tahun 1995.
- (8) Melaksanakan projek IPP 120 MW di Teluk Sepagar dan dijangka mulai beroperasi secara berperingkat-peringkat iaitu pada 1996 - 60 MW, 1997 - 30 MW dan 1998 - 30 MW.
- (9) Melaksanakan projek IPP 36 MW di Tawau dan dijangka mulai beroperasi pada awal tahun 1997.
- (10) Melaksanakan projek IPP 60 MW di Sandakan dan dijangka mulai beroperasi pada awal tahun 1997.

Tuan Lim Guan Eng: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kota Melaka bangun lagi. Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng: Boleh saya tahu sama ada IPP ini akan diberikan ke tamaan kepada syarikat tempatan daripada Sabah dan bukan kepada syarikat-syarikat lain, kerana saya telah menerima aduan, sungguhpun saya seorang Ahli Parlimen daripada Semenanjung, bahawa syarikat-syarikat daripada Sabah telah dianaktirikan dengan tidak diberikan kontrak untuk mendirikan IPP dan kesemuanya diberikan kepada syarikat-syarikat di Semenanjung Malaysia. Adakah ini benar? Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberikan senarai tentang IPP yang setakat ini telah diberikan kepada syarikat-syarikat untuk mendirikan IPP di Sabah?

Kedua, tadi Yang Berhormat tidak menjawab soalan saya tentang adakah tawaran GKM dan Kontek Abadi, adakah quotation diambil daripada syarikat-syarikat lain? Tadi Yang Berhormat ada menyebutkan 10 gas turbin. Adakah Kontek Abadi ini yang paling rendah atau yang paling tinggi?

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, harga tawaran kelima-lima syarikat ini lebih kurang sahaja kerana yang lebih itu ialah sekiranya tempat janakuasa itu jauh daripada transmission line, maka belanja untuk kita membawa kuasa daripada stesen janakuasa ke transmission line itu adalah satu belanja tambahan.

Keduanya, berkenaan dengan kesesuaian tanah. Kalau tanah itu memerlukan piling yang lebih maka harganya lebih. Tetapi berkenaan mechineries dan sebagainya, harganya adalah lebih kurang sahaja. Saya sebutkan lima tadi untuk memastikan bahawa harga kelima-limanya tidak jauh bezanya antara satu syarikat dengan syarikat yang lain.

Berkenaan dengan IPP yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi, sebenarnya daripada jumlah IPP yang telah pun diberikan, tidak benar bahawa tidak ada langsung syarikat daripada Sabah yang mendapat IPP ini.

Kalau saya tidak silap, daripada tiga yang telah diberikan, satu adalah syarikat daripada negeri Sabah. Bagaimanapun, saya tidak dapat memberikan nama syarikat tersebut, saya perlukan notis.

Langkah-langkah jangka panjang diambil oleh Lembaga Letrik Sabah adalah seperti berikut:

- (i) melaksanakan projek hidro elektrik utama Liwagu yang berkeupayaan 165 mw, dan ianya dijangka mulai beroperasi pada tahun 2001, dan seterusnya menyambungkan Sandakan kepada grid, pantai Barat;

- (ii) melaksanakan projek 132 kv ke Kota Belud dan Kudat dalam Rancangan Malaysia Ketujuh. Dengan siapnya projek ini, ianya akan seterusnya menyambungkan Kota Belud dan Kudat kepada grid, pantai Barat;

- (iii) melaksanakan projek hidro elektrik Serudung di Tawau yang berkeupayaan 34 mw;

- (iv) melaksanakan projek hidro elektrik Utana/Padas yang berkeupayaan 177 mw dan yang akan mula beroperasi menjelang tahun 2010;

- (v) mewujudkan grid Pantai Timur. Dengan adanya grid ini kesemua stesen utama seperti Sandakan, Tawau, Lahad Datu, Semporna dan Kunak di Pantai Timur yang beroperasi secara berasingan pada masa ini bolehlah disambung melalui grid ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini di Sabah, sebagaimana Tuan Yang di-Pertua sedia maklum, antara satu kawasan dengan satu kawasan tidak seperti di Semenanjung. Di Semenanjung ini kita ada national grid. Tetapi di Sabah, kalau misalnya di Sandakan, hanya untuk Sandakan. Di Tawau hanya untuk Tawau. Tidak ada satu grid untuk keseluruhan kawasan negeri Sabah. Tetapi kita akan cuba untuk mewujudkan grid keseluruhan ini di satu masa nanti.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari kawasan Jerai — sebelum itu, Tuan Yang di-Pertua, saya sengaja mengambil masa untuk menerangkan berkenaan dengan projek jangka panjang dan jangka pendek bagi negeri Sabah ini, kerana kita tidak mahu Ahli Yang Berhormat dari Keningau balik ke Sabah memberitahu kepada penduduk di Sabah

bahawa sama ada Kementerian Kewangan ataupun Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos melalui Lembaga Elektrik Sabah tidak mengambil berat untuk membekalkan elektrik kepada penduduk di negeri Sabah. Sebagaimana kata Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Kementerian Kewangan telah meluluskan pada tahun ini juga RM230 juta sekali gus untuk projek-projek 'fast track' bagi membekalkan elektrik kepada negeri Sabah. Ini sekali gus menunjukkan kepada rakyat Sabah dan juga kepada Wakil-wakil Rakyat dari negeri Sabah bagaimana hebatnya komitmen daripada Kerajaan Persekutuan untuk memastikan bahawa penduduk di negeri Sabah dapat menikmati bekalan elektrik sebagaimana penduduk di Semenanjung ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari kawasan Jerai telah menggesa

Dr. Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Beri jalan atau tidak?

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Banyak lagi. Dia baru masuk, Tuan Yang di-Pertua, dia pun tak dengar apa yang saya cakap.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya dengar.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Dia tak mahu beri.

Dr. Tan Seng Giaw: Mengenai projek Livakun.

Beberapa Ahli: (*Menyampuk*)

Dr. Tan Seng Giaw: Livakun, isn't it?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Sila teruskan, Yang Berhormat, tak ada masa lagi.

Dr. Tan Seng Giaw: Livakun project. Dia kata

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat tak ada di sini tadi.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Saya beri peluang kepada Yang Berhormat berfikir balik berkenaan dengan tempat dan saya akan jawab. Lebih baik saya baca, sementara Yang Berhormat berfikir dahulu. Kalau boleh, keluar tanya dengan sahabat-sahabat.

Dr. Tan Seng Giaw: Tak payah berfikir — Livakun project.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tidak ada tempat di Sabah nama Livakun, Tuan Yang di-Pertua pun tahu.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya, betul!

Dr. Tan Seng Giaw: Dia tahu mana tu. Saya hendak tahu siapa yang dapat

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Dari segi undang-undang, Tuan Yang di-Pertua, kalau salah tempat, kes tak ada. (*Ketawa*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Minta duduk dahululah, Yang Berhormat. Nanti tanya kemudian.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Yang Berhormat dari kawasan Jerai telah menggesa pada 14hb. November 1994 dalam Dewan yang mulia ini supaya kadar pembayaran sewa telefon di kawasan luar bandar dan di kawasan bandar diselaraskan. Untuk makluman Yang Berhormat, kadar sewa telefon luar bandar adalah berasaskan kepada satu keupayaan kapasiti ibu sawat. Yang kedua, jarak pengguna dari ibu sawat. Kadar bayaran sewa telefon di luar bandar adalah sebanyak RM10.00 sebulan dalam lingkungan 4 km. Dari ibu sawat yang terhad penduduk di luar lingkungan 4 km jarak jejari akan dikenakan kadar sewaan sebanyak RM2.00 setiap 0.5 km sebulan. Walau bagaimanapun, kementerian sedang mengkaji semula kadar sewaan yang sedang diamalkan dengan tujuan untuk menyelaraskan dan menyeragamkan kadar sewa di kawasan bandar dan luar bandar.

Yang Berhormat dari kawasan Ipoh telah membangkitkan isu pencemaran selepas stesen di Pasir Panjang, Lumut disiapkan nanti. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, stesen tersebut adalah dalam perancangan untuk dimula tugas selepas 2000. Kawasan yang diperlukan adalah sebanyak 700 ekar dan bukan 700 hektar. Penggunaan arang batu adalah disebabkan dasar kerajaan untuk mempelbagaikan sumber penjanaan kuasa yang seimbang berpandu kepada sumber gas, arang batu, hidro dan minyak. Pencemaran alam sekitar stesen arang batu akan dapat dikawal dengan berkesan dan rapi melalui alat dan teknologi moden seperti electrostatic precipitator dan clean coal technology dan sebagainya, seperti mana yang digunakan di negara-negara lain seperti Jepun, Hong Kong, Eropah dan Amerika Syarikat. Penggunaan arang batu dan bukan disel dalam kes ini adalah bertujuan untuk menstabilkan harga

elektrik untuk jangka panjang memandangkan kos penjanaan dari disel adalah melebihi empat kali ganda daripada penjanaan dari arang batu. Sisa-sisa hasil penjanaan arang batu seperti 'fly ash' akan digunakan oleh industri simen dan industri-industri berkaitan. Projek ini hanya dilaksanakan apabila penilaian alam sekitar terhadap impaknya dalam positif.

Yang Berhormat dari kawasan Kepong telah mempersoalkan tentang pemberian kontrak pelancaran Satelit MEASAT I pada akhir tahun 1995 kepada Syarikat ARRIANE Space dari negara Perancis. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, syarikat tersebut telah diberikan tawaran ini kerana ia merupakan, dengan izin, the best bidder, yakni ianya telah menepati kehendak kerajaan dari segi spesifikasi dan harga.

Tuan Yang di-Pertua, inilah penjelasan yang dapat saya berikan.

Dr. Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kepong hendak minta jalan fasal roket. (*Ketawa*)

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan mengenai MEASAT. Saya tidak percaya tawaran yang lebih baik. Adakah tawaran daripada syarikat-syarikat yang lain. Kalau ada, mana syarikat yang membuat tawaran itu? Bolehkah Yang Berhormat sebutkan harga yang sebenar yang ditawarkan untuk MEASAT I oleh ARRIANE Space? Saya percaya ada syarikat-syarikat yang boleh menawarkan harga yang lebih munasabah.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, kemungkinan besar satelit ini akan ditempah daripada Hughes dari Amerika dan dilancarkan oleh ARRIANE Space. Ianya akan dilancarkan di French, Guyana. Kita terpaksa melancarkan satelit ini daripada French, Guyana kerana dengan melancarkan satelit ini daripada French, Guyana, maka ianya akan dapat menepati slot yang terbaik sekali 'footprint'nya bagi kawasan Asia-Pasifik. Jadi, bukan sahaja kita mengambil kira dari segi harga, tetapi juga slot di angkasa lepas dan footprint daripada slot dan di tempat mana satelit itu akan berada di angkasa lepas juga amat penting. Saya rasa Yang Berhormat faham berkenaan dengan footprint dan sebagainya.

Dr. Tan Seng Giaw: Kalau melalui Raket Long March, adakah Yang Berhormat tahu mereka juga boleh menempatkan satelit dalam slot yang sama. Mengapa kita tidak menggunakan servis macam ini? Sebab ada Hughes Electronic pun yang berkaitan dengan pihak syarikat roket di China ada berkaitan. Mengapa kita tidak boleh menggunakan?

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kementerian ada membuat pertimbangan untuk menggunakan pelancaran roket daripada China untuk melancarkan satelit ini. Yang Berhormat Menteri telah pergi ke negeri China untuk menyaksikan pelancaran sebuah roket lain. Tetapi malangnya roket ini tak sempat naik, dia meletup. Maka kita ubah fikiran.

Tuan Yang di-Pertua, inilah penjelasan yang dapat saya beri ke atas perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tersebut.

Sekiranya terdapat perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak sempat saya jawab, saya pohon maaf. Bagaimanapun, perkara-perkara ini akan diberi perhatian oleh kementerian dan akan diambil tindakan sewajarnya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kementerian Penerangan.

7.10 mlm.

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan (Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Yang Berhormat Menteri Penerangan, saya mengambil kesempatan ini untuk menggulung perbahasan bagi perkara yang berkaitan dengan Kementerian saya.

Saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membuat teguran-teguran yang membina dan memberi pandangan terhadap kementerian ini.

Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya menyatakan bahawasanya Kementerian Penerangan dengan bersenjatakan media elektronik seperti televisyen, radio dan juga jabatan-jabatan lain di bawahnya sentiasa secara berterusan bertindak sebagai jambatan di antara kerajaan dengan rakyat dengan menyalurkan maklumat-maklumat yang penting dari satu kepada yang lainnya.

Jika dirumus secara total, Kementerian Penerangan berperanan mengambil bahagian di dalam membantu proses pembangunan negara dan pembinaan bangsa Malaysia yang bersatu, maju dan berilmu serta mempunyai moral dan etika yang tinggi berpegang kepada nilai-nilai keluhuran agama.

Di dalam proses pembangunan yang begitu pesat, Kementerian Penerangan sentiasa memaklumkan kepada rakyat, untuk menyertai pembangunan negara agar rakyat diheret bersama dengan mengambil bahagian aktif dan tidak berpeluk tubuh atau hanya menjadi penonton kepada kemajuan yang begitu pesat. Maklumat-maklumat yang disampaikan adalah bertujuan menjadikan rakyat kita berilmu, bermaklumat dan menyedari persekitarannya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam mendukung proses pembinaan bangsa, kementerian sentiasa memupuk semangat cinta sesama insan dan sentiasa memupuk semangat 'common destiny' agar rakyat hidup bersatu-padu secara aman, mengeratkan silaturrahim di antara bangsa dengan bangsa dan di antara kelompok dengan kelompok di dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat dari Marang, Arau dan Larut telah menyentuh tentang penyiaran televisyen dan berkehendakkan televisyen dan radio memainkan peranan yang pro-aktif bagi memupuk bangsa Malaysia bertaut kepada nilai-nilai luhur dan murni. Sesungguhnya, inilah cita-cita kementerian dan RTM. Dalam hal ini, RTM sentiasa memberi penekanan kepada penambahan kepada program-program yang bercorak informatif dan mempunyai nilai-nilai pendidikan. RTM telah mengurangkan peratusan program-program hiburan. Dahulunya hiburan hampir merupakan teras kepada penyiaran RTM. Pada awal tahun 1994, dengan izin, 'heart entertainment' atau hiburan mengambil masa lebih daripada 10% masa penyiaran di TV1 dan lebih 16% di TV 2. Kini RTM telah mengurangkan hiburan kepada 3.8% sahaja di TV1 dan hanya 8% sahaja di TV2. Program-program penuh adalah seperti

yang saya nyatakan di bawah ini. Bagi TV1, Berita memakan masa penyiaran 105 jam iaitu 20%; Drama 121 jam – 23%; Sukan 6.5% atau 34 jam; Agama 40 jam atau 7.7%; Iklan 28 jam – 5.4%; Penerangan dan Pendidikan 133 jam – 25.5%; Program Kanak-kanak 7.9% – 41 jam; Hiburan 20 jam – 3.8%.

Bagi TV2 pula, Berita – 65 jam; Drama – 109 jam; Sukan – 5 jam; Agama – 7 jam; Iklan – 30 jam; Penerangan dan Pendidikan – 47 jam; Program Kanak-kanak – 25 jam; Hiburan hanya 25 jam.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian tidak bercadang menghapuskan program hiburan yang tidak keterlaluan. Malahan akan terus diadakan pada masa-masa yang bersesuaian bagi menggalakkan ibu bapa dan keluarga menonton televisyen bersama dan membantu mengurangkan kegelisahan remaja dan sekali gus menggalakkan remaja berada di rumah masing-masing selepas senja.

Dengan munculnya TV siaran pagi, sukacita saya menyatakan bahawasanya Kementerian Penerangan telah menambah masa penyiaran bagi program-program, dengan izin, informative and educational. Siaran pagi tidak menyiarkan sebarang program hiburan. 85% daripada penyiarannya adalah berbentuk informative dan educational, 10% program bagi ditumpukan kepada promo rancangan TV1 dan TV2 dan juga pengumuman-pengumuman kerajaan serta agensi-agensi di bawahnya. Manakala hanya 5% sahaja ditumpukan kepada iklan.

RTM berbelanja satu peruntukan yang tidak kecil jumlahnya, dengan hampir tiada pulangan kewangan. Ini membayangkan betapa seriusnya RTM

di dalam usaha untuk mempertingkatkan peranannya sebagai media kerajaan yang berfungsi memainkan peranan upliftment ataupun bangunan sikap, semangat, moral, minda dan pengetahuan penonton-penontonnya. Di antara kandungan bagi program pagi ialah program-program yang berbentuk motivasi iaitu pembangunan minda, nasihat, mencintai alam sekitar, mengenali dan mencintai flora dan fauna, penumpuan keluarga penyayang dan bahagia, sudut sains dan teknologi, sudut undang-undang, ehwal remaja, sudut kampus, sudut perniagaan, sudut penggunaan (consumerism), wawasan suci yang membincangkan isu agama di peringkat nasional dan global dan berbagai-bagai program yang memberi manfaat di segi ilmu dan maklumat.

(Tuan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu saya menghargai pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat dari Marang, Arau dan Larut yang berkehendakkan media elektronik negara ini untuk memainkan peranan penting dalam mewujudkan masyarakat yang berilmu, beriman dan beramal.

RTM menyedari bahawa masih lagi ada ruang yang perlu dibaiki, setelah kita mewujudkan kuantiti air-time, kita perlu juga memberi penumpuan kepada peningkatan kualiti program itu. Dan RTM juga akan terus berusaha ke arah itu dan menyambut baik segala teguran yang membina sama ada dari penyokong kerajaan, pembangkang kerajaan ataupun rakyat jelata biasa.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan teguran Ahli Yang Berhormat dari Marang dan Keningau yang mahukan liputan terhadap aktiviti dan tokoh-tokoh parti Pembangkang semasa

pilihan raya, sukacita saya menyatakan RTM sentiasa bertindak adil dalam hal ini. Dalam pilihan raya tahun 1990, RTM memberi masa yang sama rata kepada parti-parti pembangkang dan parti-parti komponen kerajaan untuk mengutarakan dasar-dasar serta manifesto pilihan raya masing-masing. Amalan ini telah diperakukan oleh RTM untuk diteruskan dan Kementerian Penerangan akan melaksanakannya.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu keadilan telah dan akan terus diamalkan.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Penerangan belum lagi bercadang untuk membuat perkara yang sama dalam televisyen kerana kementerian berpendapat bahawasanya audio dan bukannya visual yang lebih berkesan dalam pengucapan dasar dan manifesto satu-satu parti.

Keduanya, radio mempunyai liputan yang lebih meluas daripada televisyen dan mudah didengar oleh pendengar di seluruh pelusuk negara kita sama ada mereka berada di ruang tamu, di anjung ataupun di bilik kamar atau di manamara jua, sama ada di dalam kereta di tengah jalan raya ataupun di tengah hutan belantara, kemudahan ini tidak sama dengan televisyen.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian berpendapat bahawasanya rakyat sudah bijak menilai kaca dengan intan. Parti-parti seharusnya berjasa kepada rakyat secara berterusan, bukannya menunggu menjelang masa pilihan raya sahaja. Namun televisyen yang dimiliki oleh RTM tetap akan membuat liputan kepada tokoh-tokoh parti Pembangkang dan manifesto-manifesto parti Pembangkang bersama-sama mana-mana parti dalam kerabat kerajaan sesuai dengan keadaan dan keperluan mengikut nilai berita masing-masing.

Berkaitan dengan penghapusan lesen televisyen, Kementerian Penerangan tidak bersetuju dengan pandangan Ahli Yang Berhormat dari Tuaran yang menyatakan bahawasanya penghapusan pembayaran lesen televisyen sebanyak RM24 boleh membantu rakyat miskin membeli televisyen. Kementerian berpendapat bahawasanya semenjak tahun 1964 kadar bayaran lesen TV tetap tidak berubah dengan nilai yang sama. Kadar ini adalah di antara kadar yang terendah di dunia. Kementerian yakin bahawa rakyat yang membeli televisyen mampu membayar lesennya.

Kementerian juga berpendapat bahawa mengenakan bayaran yang paling minima ini adalah memberi ikatan tanggungjawab kepada pemilik televisyen dan pembayaran lesen televisyen seharusnya tidak dipertikaikan.

Bagi menjawab soalan daripada Ahli Yang Berhormat dari Tuaran yang mengesyorkan supaya kerajaan mengizinkan penggunaan parabola disk. Sukacita dinyatakan bahawasanya masanya masih belum sampai lagi. Namun kerajaan tidak bercadang untuk menjadikan negara ini sebagai 'katak di bawah tempurung' dan tidak juga bercadang untuk membuka ruang langit terbuka bagi menjadikan Malaysia sebagai 'dumping ground' dengan izin, bagi program-program yang lucuh, yang tidak bermoral, yang tidak mempunyai unsur-unsur murni malahan penuh dengan perbuatan sumbang yang menjuruskan remaja dan dewasa kepada kemungkaran. Kerajaan ini adalah kerajaan yang bertanggungjawab dan akan mengizinkan penggunaan parabola disk apabila sampai masanya kelak.

Tuan Yang di-Pertua, sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kementerian Kerja Raya.

7.20 mlm.

Timbalan Menteri Kerja Raya (Datuk Peter Tinggom anak Kamarau): Tuan Yang di-Pertua, saya merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbincangan mengenai dasar-dasar am Belanjawan 1995 yang menyentuh bidang tugas Kementerian Kerja Raya. Sedapat mungkin saya akan cuba menjawab atau memberi penjelasan kepada semua perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, pembangunan infrastruktur lebuhraya dan jalan raya di negeri Sarawak dan Sabah telah sekali lagi dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari kedua-dua negeri tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, seperti telah kerap kali diberitahu dalam Dewan yang mulia ini, pelaksanaan sesuatu projek pembangunan infrastruktur jalan-jalan raya mengambil kira beberapa faktor iaitu kajian alam sekitar, keadaan muka bumi, keutamaan projek dan juga bergantung kepada kemampuan kewangan negara.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat dari negeri Sarawak, iaitu dari kawasan Baram, Selangau, Lubok Antu dan Ahli Yang Berhormat dari kawasan Padas, Sabah ingin tahu mengenai pelaksanaan projek-projek infrastruktur lebuhraya dan jalan raya di kawasan mereka.

Sukalah saya memaklumkan bahawa kebanyakan — bukan semua, jalan-jalan yang disentuh oleh Ahli-ahli Yang

Berhormat adalah merupakan jalan-jalan di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri. Maka perkara-perkara yang berkaitan dengan pelaksanaan projek seperti pembinaan, penyelenggaraan, membaik-pulih dan menaiktaraf jalan-jalan tersebut adalah di bawah kendalian tanggungjawab Kerajaan Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Sibü telah melahirkan rasa kecewa kerana hanya RM93.6 juta diperuntukkan untuk federal highways di Sarawak, ataupun nama yang sebenar ialah Jalan Utama Negeri Sarawak dan Lebuhraya Pan-Borneo. Peruntukannya disediakan di bawah pembinaan jalan-jalan raya besar di Sarawak dalam tahun 1995, iaitu pengurangan sebanyak RM22.4 juta dari peruntukan tahun 1994. Beliau telah mempersoalkan logiknya peruntukan yang disediakan bagi negeri Sarawak ini memandangkan saiz negeri tersebut adalah sama dengan Semenanjung Malaysia.

Ahli Yang Berhormat dari Sibü juga telah membangkitkan mengenai pentingnya pembinaan jambatan menyeberangi Sungai Rajang yang menghubungkan Lebuhraya Pan-Borneo atau Jalan Utama Sarawak dan pembinaan jambatan yang menyeberangi Sungai Gan yang menghubungkan bandar Sibü dan kawasan barat negeri Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pengurangan peruntukan sebanyak RM22.4 juta bagi projek pembinaan jalan-jalan raya besar di Sarawak, sukalah saya memaklumkan di sini bahawa peruntukan yang disediakan adalah mencukupi untuk melaksanakan pakej-pakej lebuhraya tersebut yang telah ditetapkan dalam tahun 1995.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan telah melantik juruperunding untuk menjalankan kajian kemungkinan bagi

membina projek jambatan Batang Rajang di Durin pada 6 Jun 1994 hingga 3 Januari 1995. Baru-baru ini kerajaan telah bersetuju menambahkan skop kajian ini ke tahap reka bentuk terperinci dan penyediaan tender dokumen. Pihak perunding telah diminta melaksanakan kerja-kerja pertambahan skop kerja ini. Pertambahan skop kerja ini ialah untuk membolehkan projek ini kemungkinan besar dilaksanakan secepat mungkin dalam Rancangan Malaysia Ketujuh.

Buat masa ini Kerajaan Persekutuan belum bercadang untuk membina jambatan menyeberangi Sungai Gan kerana kemungkinan besar Kerajaan Negeri akan mengambil tindakan kerana jambatan yang dicadangkan ini akan melintasi jalan raya di bawah bidang tugas Kerajaan Negeri. Tuan Yang di-Pertua, perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat sebenarnya telah pun di dalam perhatian dan tindakan kerajaan.

Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupar inginkan kepastian sama ada Jalan Sebangon-Simunjan akan dibina dalam tahun 1995. Beliau juga ingin tahu adakah jalan Sebangon, Tebeduk dan Situyau akan diturap kerana keadaan permukaannya sekarang menggunakan tanah liat dan pasir. Beliau bimbang jika keadaan jalan-jalan ini tidak diperbaiki, ianya akan hilang ditelan rumput.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat sebenarnya telah pun di dalam perhatian dan tindakan kerajaan. Pembinaan Jalan Sebangon-Sibuyau sepanjang 19 kilometer sedang dilaksanakan oleh JKR Sarawak. Walau bagaimanapun, pada masa ini jalan tersebut akan dibina sebagai jalan batu gravel sahaja. Rancangan untuk menurap jalan ini akan dibuat dalam Rancangan Malaysia Ketujuh.

Bagi projek Jalan Tebeduk-Serian, sempadan Indonesia yang juga dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Serian, sungguhpun beliau telah berterima kasih oleh kerana jalan ini sedang dilaksanakan, tetapi beliau mahu tahu adakah projek ini tetap siap sebelum hujung tahun 1995. Jadi mengikut jadual, jalan ini tentu akan siap pada masa itu sekiranya tidak ada perkara yang timbul dalam masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa perkara telah disentuh oleh Ahli Yang Berhormat dari Bandau mengenai pembinaan Jalan Raya Tandek-Kota Marudu. Beliau inginkan penjelasan mengapakah pembinaan jalan ini tidak sampai ke pekan Tandek. Beliau juga memohon kerajaan supaya mengkaji semula struktur pembinaan jalan raya Tandek-Kota Marudu ini kerana struktur pembinaan jalan raya tersebut didapati terlalu tinggi yang mengakibatkan banjir seringkali berlaku di kawasan tersebut. Beliau telah mencadangkan supaya kerajaan membina parit-parit dan saluran air yang besar bagi mengatasi kesan buruk setiap kali berlakunya banjir ini.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan yang disediakan di bawah Rancangan Malaysia Keenam hanya mencukupi untuk menurap jalan dari Kota Marudu hingga ke lokasi tiga batu sebelum sampai ke pekan Tandek. Bahagian yang belum diturap ke pekan Tandek akan dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh. Mengenai masalah banjir yang sering berlaku di kawasan ini, kerajaan memang maklum mengenainya dan bagi mengatasi masalah ini, kerajaan telah pun membina parit-parit dan kalbat di sepanjang jalan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Keningau berharap supaya jalan-jalan raya di bawah tanggungjawab Kerajaan Persekutuan di negeri Sabah seperti Jalan Beaufort-Sidumin-Sipitang, Beaufort-Menumbok-Keningau-Nabawan dan Tambunan-Ranau terus ke Telupid dan Sandakan dapat diturap dalam tahun 1995.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memang memberi perhatian berat untuk memastikan projek-projek jalan raya di bawah tanggungjawab Kerajaan Persekutuan di negeri Sabah dapat dilaksanakan mengikut jadual. Ianya meliputi semua kerja-kerja mengenai dengan pembinaan, penyelenggaraan dan menaik taraf jalan raya.

Antara projek-projek jalan terbesar yang telah dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Keenam dan akan diteruskan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh bagi negeri Sabah ialah:

(i) Memperbaiki Jalan Beaufort-Sendumin—

Pakej pertama dari Masapol ke Sendumin sepanjang 27km telah pun dimulakan pada bulan Julai 1990 dan telah disiapkan pada bulan November, 1993. Sementara pakej kedua dari Beaufort ke Masapol sepanjang 38km, dokumen tender sedang disediakan.

(ii) Menaik taraf Jalan Beaufort-Menumbok-Kuala Penyu—

Ini adalah juga disentuh oleh Ahli Yang Berhormat dari Kimanis. Kerja-kerja menaik taraf jalan ini daripada jalan gravel kepada standard jalan JKR 05 sedang direka bentuk. Kerja-kerja reka bentuk kejuruteraan

sedang dibuat oleh JKR Sabah dan dijangka dapat disiapkan pada penghujung tahun ini dan tender bagi pembinaan dijangka dapat dipanggil pada penghujung tahun 1995. Adalah diharapkan projek ini dapat disiapkan pada tahun 1998.

(iii) Jalan Keningau-Nabawan—

Jalan ini adalah jalan gravel dan digunakan oleh lori-lori balak. Pada masa ini kerajaan belum bercadang untuk menurap jalan ini kerana kedudukan jalan ini dari segi keutamaan pembinaan dan penyelenggaraan jalan-jalan di negeri Sabah adalah rendah.

(iv) Memperbaiki jalan raya Sandakan dari batu 32 ke Lahad Datu—

Projek telah dimulakan pada September 1986 dan telah disiapkan pada tahun 1993. Ini melibatkan kerja-kerja pembaikan jalan sepanjang 65km.

(v) Jalan Tambunan-Ranau—

Jalan ini adalah di bawah Kerajaan Negeri, sepanjang 13km yang masih belum diturap. Saya difahamkan JKR Sabah sedang memohon peruntukan dari Kerajaan Negeri untuk menurap sepenuhnya jalan ini.

(vi) Pembinaan pembaikan cerun di Lebuhraya Tamparuli ke Ranau—

Dalam Rancangan Malaysia Keenam ia melibatkan lima pakej kerja-kerja pembaikan cerun jalan yang bermula pada tahun 1993 dan dijangka dapat disiapkan pada tahun 1995. Panjang jalan ialah 70.5 km.

(vii) Menaik taraf jalan dari Tamparuli ke Sandakan, Batu 32---

Ia melibatkan pembinaan jalan sepanjang 76km dan telah dimulakan pada September 1986 dan telah disiapkan pada Jun 1991.

(viii) Memperbaiki Jalan Ranau ke Telupid—

Projek ini telah dimulakan pada Mac 1990 dan telah disiapkan pada Disember 1993. Ia melibatkan kerja-kerja membina semula jalan sepanjang 51km.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Alor Setar telah membangkitkan masalah caj excessive dalam penggunaan air di bawah kawalan Kementerian Kerja Raya. Beliau mendakwa awal tahun ini terdapat banyak masalah dan aduan terhadap pembaca meter air di negeri-negeri sebelah utara yang mana pengguna telah mengadu bacaan meter air tidak dibuat mengikut jadual-jadual yang telah ditetapkan. Keadaan ini telah menyebabkan pengguna terpaksa membayar bil berlebihan kerana kebanyakan bil dihantar kepada pengguna berasaskan jumlah hitungan panjang kegunaan air selama dua atau tiga bulan.

Tuan Yang di-Pertua, semua perkara mengenai bekalan air bersih di negeri-negeri Malaysia adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri berkenaan. Ini termasuklah

Tuan Jawah anak Gerang:
(*Bar. gun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Lubok Antu bangun. Hendak beri jalan Yang Berhormat?

Tuan Jawah anak Gerang: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin sedikit penjelasan berkenaan dengan jalan-jalan raya. Tadi diperkatakan jalan-jalan raya yang saya refer di dalam Dewan ini adalah di bawah Kerajaan Negeri. Saya mahu tahu sama ada jalan raya daripada Hidro Batang Ai ke simpang Lubuk Antu adalah di bawah Kerajaan Negeri ataupun di bawah Kerajaan Persekutuan. Saya ingin jawapan juga bilakah kerja menurapkan jalan tersebut akan bermula kerana saya dengar ada ura-ura hendak menurapkan jalan itu. Saya mahu kepastian di sini.

Datuk Peter Tinggom anak Kamarau: Tuan Yang di-Pertua, jalan yang disentuh oleh Yang Berhormat dari Lubuk Antu iaitu dari simpang jalan utama negeri Sarawak terus ke Hidro Elektrik Batang Ai adalah jalan Persekutuan. Tetapi dari simpang Hidro Elektrik Batang Ai pergi ke Pekan Lubok Antu adalah jalan di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri.

Jadi, yang pertama tadi memang ada peruntukan yang telah diluluskan dalam tahun ini iaitu menurap jalan raya dari simpang Lubuk Antu dari jalan utama Negeri Sarawak ke Hidro Elektrik Batang Ai. Saya telah diberitahu tender akan dikeluarkan tidak lama lagi. Tetapi jalan raya dari simpang Hidro Elektrik Batang Ai ke Pekan Lubok Antu, ini tanggungjawab Kerajaan Negeri. Oleh kerana itu, terpulanglah kepada Kerajaan Negeri mengendalikannya.

Tuan Yang di-Pertua, semua perkara mengenai bekalan air bersih di negeri-negeri di Malaysia adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan-kerajaan Negeri berkenaan. Ini termasuklah mengenai kutipan hasil dan pengeluaran bil-bil kepada pengguna.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai masalah yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Alor Setar ini, sukalah saya memberi penjelasan mengenainya. Walaupun Ahli Yang Berhormat tidak menyebutkan secara khusus akan negeri berkenaan, saya mengandaikan negeri yang dimaksudkan adalah negeri Kedah. Saya telah dimaklumkan bahawa bagi negeri Kedah, mulai bulan Januari 1993 sehingga bulan April 1994, bil bekalan air dikeluarkan dua bulan sekali. Bagi bulan Mei 1994 pula, tiada bacaan dilakukan kerana pihak JKR dan JBA Kedah sedang membuat persediaan untuk pelaksanaan sistem bacaan sebulan sekali dengan menggunakan komputer bimbit. Ke arah ini saya difahamkan bahawa negeri Kedah, mulai bulan Mei 1994 telah mengambil seramai 53 orang kakitangan tambahan untuk menjalankan kerja-kerja membaca meter. Bilangan ini akan ditambah dari semasa ke semasa mengikut tambahan bilangan akaun yang sedia ada ataupun dalam masa yang akan datang. Sebenarnya mulai bulan Jun 1994 sehingga sekarang bacaan meter telah pun dilakukan sebulan sekali mengikut jadual yang telah ditetapkan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, pertambahan pengguna-pengguna air di negeri-negeri di Malaysia bagi setiap tahun adalah di antara 8% sehingga 10%. Penambahan jumlah pengguna ini bererti meter air yang perlu dibaca juga bertambah. Akan tetapi bilangan pembaca meter tidak bertambah selari dengan bertambahnya meter yang perlu dibaca. Oleh hal yang demikian, kebanyakan negeri-negeri di Malaysia sedang dalam kajian membuat pembacaan meter air pada setiap bulan. Setakat ini negeri-negeri Pahang, Melaka dan Negeri Sembilan telah pun melaksanakan pembacaan meter air pada setiap bulan.

Tuan Yang di-Pertua, demikianlah sahaja penjelasan saya mengenai perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya rasa saya telah menjawab kesemua perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Walau bagaimanapun, kemungkinan ada perkara-perkara lain, teguran-teguran yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tetapi tidak dijawab, kementerian saya akan mengambil perhatian dan tindakan yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mengambil kesempatan ini mengucapkan terima kasih kepada ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan perkara-perkara yang menyentuh bidang tugas Kementerian Kerja Raya.

Tuan Yang di-Pertua: Kementerian Pendidikan.

7.29 ptg.

Timbalan Menteri Pendidikan (Dr. Leo Michael Toyad): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dulu saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan Belanjawan 1995 yang mengemukakan isu dan cadangan yang menyentuh Kementerian Pendidikan.

Seterusnya saya ingin memberi penjelasan dan ulasan kepada pandangan yang telah ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Mengenai cadangan Yang Berhormat dari Sibuan untuk meningkatkan pengajaran bahasa Cina di sekolah menengah, Kementerian Pendidikan sememangnya memastikan bahawa pelajar diberi peluang mengikuti mata pelajaran tersebut melalui kelas-kelas bahasa ibunda yang telah ditetapkan.

Berhubung dengan bantuan kepada sekolah bantuan penuh, adalah menjadi dasar Kementerian Pendidikan memberi peruntukan penyelenggaraan kepada mana-mana sekolah bantuan penuh sekiranya sekolah tersebut membuat permohonan. Peruntukan kewangan juga diberikan kepada semua sekolah, termasuk sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina dan bantuan tersebut diberikan mengikut keperluan dan keutamaan.

Mengenai projek pembangunan dan usaha membaik pulih sekolah, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan khas untuk Kementerian Pendidikan tahun 1994 untuk pembangunan sekolah-sekolah di daerah Sibuan ialah sebanyak RM9.2 juta. Projek pembangunan dan baik pulih ini akan dilaksanakan dengan kerjasama Jabatan Kerja Raya Negeri Sarawak.

Menyentuh tentang cadangan supaya bahasa Cina diajar di sekolah kebangsaan dan di sekolah menengah vokasional, Kementerian Pendidikan sememangnya memastikan supaya mata pelajaran tersebut berjalan dengan lancar sekiranya syarat untuk membuka kelas tersebut dipenuhi seperti yang ditetapkan dalam Akta Pelajaran 1991. Kementerian Pendidikan juga membenarkan guru yang berkelayakan bagi mengajarkan bahasa Cina dan menggalakkan pelajar-pelajar mengambil peperiksaan pada peringkat Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan juga Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, setakat ini Kementerian Pendidikan telah pun membina sebuah sekolah menengah vokasional di Sibuan dan sekolah ini akan dinaik taraf kepada sekolah menengah teknik di dalam Rancangan Malaysia Ketujuh.

Masalah kekurangan guru telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Sibul, Yang Berhormat dari Keningau, Yang Berhormat dari Teluk Intan dan Yang Berhormat dari Pagoh. Untuk mengatasinya, Kementerian Pendidikan memang sentiasa berusaha dalam mengambil langkah-langkah jangka pendek dan juga jangka panjang. Di antara langkah-langkah yang dijalankan ialah mengadakan dua kali pengambilan iaitu meminda struktur latihan di mana guru pelatih ditempatkan untuk bertugas di sekolah semasa menjalankan "Pratikom". Menambahkan juga pengambilan kursus perguruan lepas ijazah dan juga mengadakan kerjasama latihan perguruan dengan institusi luar negara dan mengambil guru-guru yang sudah bersara secara kontrak.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat dari Sibul dan Yang Berhormat dari Batang Lupar, peruntukan membaik pulih tidak boleh digunakan untuk tujuan membina bangunan sekolah baru. Kementerian Pendidikan memberi berbagai-bagai jenis peruntukan kepada sekolah-sekolah seperti peruntukan bantuan modal, membaik pulih, geran perkapita dan lain-lainnya. Pihak sekolah haruslah menentukan jenis peruntukan yang diperlukan dan juga memohon melalui peruntukan yang telah ditetapkan.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupar yang menimbulkan mengenai pengawasan sekolah-sekolah, kementerian sentiasa menghantar pegawai-pegawai daripada semua peringkat ke sekolah-sekolah untuk mengesan perkembangan di peringkat sekolah serta menjalankan kajian dari semua aspek.

Mengenai konsep liberalisasi pendidikan yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Tanjong itu, kerajaan sentiasa berusaha untuk mempertingkatkan peluang-peluang pendidikan bagi kita memenuhi permintaan rakyat terhadap pendidikan.

Mengenai teguran Yang Berhormat dari Marang, Yang Berhormat dari Bukit Mas, Yang Berhormat dari Tanjong Aru dan Yang Berhormat dari Kuala Kedah dan juga Yang Berhormat dari Kuala Krai tentang perlunya memperbaiki mutu pendidikan agama, pendidikan moral di sekolah-sekolah sekarang ini, dimaklumkan bahawa sistem pendidikan di negara ini adalah lebih baik daripada negara-negara yang lain kerana ia berdasarkan kepada agama dan juga nilai-nilai murni sejagat, pembentukan kepada keperibadian pelajar dari segi kecekapan mereka berfikir, mereka bertindak adalah berpandukan kepada punca-punca akhlak dan mulia.

Pengajaran dan pembelajaran di sekolah kita tidak sahaja ditumpukan kepada aspek teori sahaja bahkan aspek praktikal. Pelajar-pelajar kita yang beragama Islam diwajibkan mengikuti mata pelajaran agama Islam. Dan untuk kita memperkukuhkan lagi apa yang dipelajari, satu waktu untuk amali juga ditetapkan. Tulisan Jawi juga telah mula diajar dan di tahun 1 di sekolah rendah, sejak sesi 1990/91. Mata pelajaran Pendidikan Islam di sekolah rendah dan menengah sedang mengajar dalam tulisan Jawi. Manakala semua buku teks Pendidikan Islam dicetak dalam tulisan Jawi.

Kementerian Pendidikan sentiasa mengkaji keberkesanan untuk pelaksanaan falsafah pendidikan negara kita. Sukatan pelajaran bagi mata pelajaran Pendidikan Islam dan juga pendidikan moral telah disemak semula untuk kita membentuk pelajar-pelajar yang berperibadi mulia.

Mengenai isu yang dibawa oleh Yang Berhormat dari Keningau, setakat ini pembinaan Universiti Malaysia Sabah masih di peringkat awal perancangan. Pembinaan sepenuhnya akan dijalankan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh.

Berkaitan dengan pemberian biasiswa, Yang Berhormat telah menimbulkan perkara ini dan untuk makluman Ahli Yang Berhormat, biasiswa pendidikan kepada semua pelajar warganegara, termasuk pelajar-pelajar Sabah dapat memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh kementerian.

Merujuk kepada permohonan Yang Berhormat dari Kota Kinabalu agar elaun guru diberi kepada guru-guru tempatan Sabah sama ada seperti memberi elaun kepada guru-guru Semenanjung yang mengajar di Sabah, pada masa ini kita tidak bercadang untuk berbuat demikian. Namun begitu, pemberian elaun penempatan ini diberi kepada guru-guru dari Sabah yang mengajar di Semenanjung seperti mana yang diberikan kepada guru-guru dari Semenanjung yang mengajar di Sabah.

Sebenarnya, pada masa ini di bawah Sistem Saraan Baru, guru-guru di Sabah menerima elaun yang sama seperti guru-guru Semenanjung yang ditempatkan di Sabah kecuali subsidi perumahan yang hanya diperuntukkan bagi guru-guru berasal dari Semenanjung dan bukan pemilik status permanent resident (PR). Jadi, Yang Berhormat memberi gambaran yang salah juga tentang keadaan sekolah-sekolah di daerah Lanau. Kedudukan sebenarnya ialah 3 buah daripada 63 buah sekolah rendah pernah mengalami tanah runtuh iaitu Sekolah Kerajaan Keranaan dan Sekolah Kerajaan Kauluan dan juga Sekolah Kerajaan Libang. Daripada 7 buah sekolah menengah di Ranau, hanya satu buah sekolah menengah agama yang mengalami tanah runtuh. Jadi, kesemua sekolah ini telah pun diberi perhatian dan telah diberi bantuan. Jabatan Pendidikan Sabah sedang berusaha mencari tapak baru untuk sekolah menengah agama tersebut kerana lokasinya sekarang di lereng bukit tidak begitu stabil.

Berhubung dengan soalan Yang Berhormat dari Kimanis tentang sebab-sebab kelemahan pelajar di Sabah dalam mata pelajaran Matematik, Sains dan Inggeris, dengan cara-cara mengatasinya, Kementerian Pendidikan telah mengenalpastikan bahawa kurangnya penguasaan fakta dan konsep asas merupakan antara punca kelemahan ramai pelajar untuk dimasukkan di Sabah. Bagi bahasa Inggeris pula, kelemahan pelajar telah disebabkan kurangnya peluang untuk memantapkan kemahiran berbahasa itu yang dipelajari di sekolah kerana bahasa tersebut kurang digunakan di luar sekolah. Untuk mengatasi masalah tersebut, antara lain, Kementerian Pendidikan mengadakan beberapa kursus dalam perkhidmatan bagi kita melengkapkan guru-guru kita dan strategi yang dapat merangsang pengajaran dan juga pembelajaran, termasuk kegiatan yang kita anjurkan ialah pertandingan-pertandingan tertentu seperti Pertandingan Reka Cipta, Kuiz serta Perbahasan dan Pidato dianjurkan setiap tahun untuk kita mencungkil bakat, kebolehan dan juga kemahiran pelajar-pelajar kita.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan juga telah mengambil langkah sewajarnya untuk memperbanyakkan lagi buku rujukan di sekolah. Selain daripada peruntukan khas untuk membeli buku-buku rujukan, langkah-langkah lain juga diambil oleh pihak sekolah. Di antaranya ialah mengadakan projek buku-buku di sekolah dan ini dilakukan dengan menyalurkan sumbangan daripada ibu bapa, mendapatkan derma daripada badan tertentu dan ada juga pihak sekolah yang membeli sendiri melalui projek khas. Pihak sekolah juga digalakkan untuk mengadakan aktiviti mengumpulkan bahan-bahan bacaan tambahan seperti aktiviti "akhbar dalam darjah" dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh cadangan Yang Berhormat dari Pasir Mas mengenai pembangunan sekolah berasrama penuh atau Maktab Rendah Sains MARA di kawasan Pasir Mas, perlu dijelaskan bahawa oleh kerana negeri Kelantan telah pun mempunyai dua buah sekolah berasrama penuh iaitu di Pengkalan Chepa dan juga Machang, manakala sebuah lagi dalam tender di Pasir Putih, kementerian berpendapat ini adalah mencukupi. Setiap sekolah berasrama penuh ini mengambil pelajar-pelajar dari beberapa negeri yang berlainan dan ini adalah selaras dengan hasrat kementerian untuk menggalakkan integrasi pelajar di peringkat nasional mahupun di peringkat wilayah untuk melahirkan warganegara yang saling hormat-menghormati di antara satu sama dengan lain.

Mengenai cadangan supaya sistem pendidikan sekolah dikaji semula, sebenarnya Kementerian Pendidikan sentiasa menjalankan kajian dari semasa ke semasa untuk mempertingkatkan sistem pendidikan kita di sekolah. Ini meliputi aspek kurikulum, ko-kurikulum, keberkesanan guru kita dan juga pengurusan pendidikan di peringkat sekolah.

Untuk makluman Yang Berhormat dari Pasir Mas dan Yang Berhormat dari Kuala Langat, berkaitan melahirkan pelajar yang menjurus kepada pertanian dan perikanan. Adalah dimaklumkan struktur dan format baru Kurikulum Perkhidmatan Pelajaran Sains Pertanian di dalamnya dimasukkan juga bidang perikanan, telah pun digubal mengikut objektif Kurikulum Baru Sekolah Menengah.

Harapan Kementerian Pendidikan ialah dengan terlaksananya kurikulum yang baru ini, maka lebih ramai tenaga mahir dalam bidang tersebut dapat kita keluarkan. Buat masa ini terdapat 70

buah Sekolah Menengah Vokasional dan 9 buah Sekolah Menengah Teknik di seluruh negara dan di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh dan 8 buah Sekolah Menengah Vokasional akan dibina. Jadi, Kementerian Pendidikan juga bercadang meningkatkan kapasiti Sekolah Menengah Vokasional kita untuk menjadi dua kali ganda dari 600 pelajar setiap sekolah kepada 1,200 pelajar.

Mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat

Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang bangun.

Dr. Leo Michael Toyad: Boleh.

Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Tuan Yang di-Pertua, dalam ucapan saya, saya memohon juga tentang kedudukan asrama-asrama desa. Nampaknya Yang Berhormat Timbalan Menteri belum sebut.

Dr. Leo Michael Toyad: Sabar! Mengenai isu yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong berkaitan dengan maksimumnya penggunaan Sekolah Menengah Vokasional dan Sekolah Menengah Teknik untuk melahirkan lebih ramai tenaga terlatih Kementerian Pendidikan telah pun menyediakan pelan tindakan untuk menaikkan taraf Sekolah Menengah Vokasional, iaitu menjadikan sekolah menengah ini sebagai Sekolah Menengah Teknik. Jadi, pelajar-pelajar sekolah tersebut akan menjurus kepada mata pelajaran teknologi di samping mata pelajaran sains dan matematik. Adalah diharapkan konsep baru ini akan dapat menyediakan tenaga mahir di peringkat sub-profesional dan juga di peringkat profesional.

Berkaitan dengan cadangan untuk menggabungkan institut latihan di bawah agensi-agensi lain ke dalam Kementerian Pendidikan seperti dicadang oleh Yang Berhormat dari Labuan, untuk menyeragamkan sistem pendidikan latihan dan kemahiran, untuk makluman Yang Berhormat bahawa usaha ke arah tersebut memang ada dan perbincangan awal telah diadakan menerusi beberapa jawatankuasa seperti Jawatankuasa Sains dan Teknologi, Jawatankuasa Sumber Manusia dan Jawatankuasa Latihan dan Pendidikan di mana Unit Perancangan Ekonomi (EPU) adalah menjadi urusetia kepada jawatankuasa tersebut.

Mengenai permintaan yang dibangkit oleh Yang Berhormat dari Gaya untuk membanyakkan institut vokasional, Kementerian Pendidikan memang sentiasa peka terhadap keperluan tersebut, malahan di Sabah sahaja, untuk makluman Ahli Yang Berhormat setakat ini telah mempunyai 7 buah Sekolah Menengah Vokasional dan dalam ucapan Belanjawan 1995 ini, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah pun mengemukakan pembinaan sebuah lagi politeknik di Sabah.

Mengenai isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Bandau iaitu perlunya Sekolah Kerajaan Tandik dibaiki atau dibina semua, sebenarnya sekolah tersebut memang mengalami masalah tanah runtuh akibat hakisan tebing sungai yang hampir dengan bangunan sekolah itu. Dalam hal ini Jabatan Pendidikan Negeri Sabah telah pun meminta pandangan dan nasihat Jabatan Kerja Raya cara mengatasinya dan dari segi penyenggaraan dan pembaikan sekolah ini termasuk dalam senarai program khas penyelenggaraan bangunan sekolah kita di Sabah.

Untuk daerah Kota Marudu, beberapa projek pembinaan sekolah baru dan projek-projek tambahan telah dikemukakan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh termasuk ialah sekolah Menggadal, sekolah Pekan, sekolah Langkun, sekolah Tiagamun, sekolah Masalok, sekolah Temundak, sekolah Salimandut, sekolah Tandik, sekolah Sumpingan, sekolah Tanjong Batu, sekolah Timbang Batu dan juga sekolah Ongkilan. Jadi, untuk makluman Ahli Yang Berhormat sekolah-sekolah ini telah dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh.

Yang Berhormat dari Sungai Benut telah mencadangkan supaya diberi perakuan terhadap usaha menyediakan kemudahan asas di sekolah-sekolah kita. Memang Kementerian Pendidikan memberi penekanan terhadap usaha kita meningkatkan kemudahan asas bagi semua murid tidak kira sama ada di dalam atau di luar bandar. Antara kemudahan yang disediakan di luar bandar ialah kemudahan asrama desa seperti juga yang disebut oleh Yang Berhormat dari Larut bagi murid-murid dari keluarga yang termiskin. Ini adalah usaha kita untuk meningkatkan lagi kemudahan-kemudahan bagi pelajar-pelajar kita di luar bandar, supaya mereka dapat meningkatkan lagi prestasi mereka dan kita mengambil peluang untuk memperkembangkan lagi potensi mereka ini seluas-luasnya. Jadi, setakat ini sebanyak 93 buah asrama desa telah diwujudkan di seluruh negara untuk menampung seramai 5,503 pelajar.

Kerajaan sedar bahawa sumbangan sekolah-sekolah agama rakyat adalah besar seperti yang disarankan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sungai Benut dan kerajaan sentiasa memberi perhatian yang berat kepada sekolah-sekolah ini. Contohnya jumlah bantuan Kementerian Pendidikan kepada sekolah-sekolah

agama rakyat ini, jika dijumlahkan dengan wang bernilai adalah lebih kurang RM50 juta setahun dan jumlah ini semakin meningkat dari setahun ke setahun. Ini jelas menunjukkan usaha kita untuk tidak mengabaikan sekolah-sekolah ini. Jadi, di samping itu Kementerian Pendidikan juga berusaha untuk memberi penekanan kepada bidang sains dan teknologi di sekolah-sekolah ini, memastikan pelajar kita dibekalkan juga dengan pengetahuan dan kemahiran dalam bidang tersebut.

Di peringkat sekolah rendah, komponen sains dan mata pelajaran Alam dan Manusia telah dikeluarkan dan dijadikan satu mata pelajaran yang terasing. Ini bertujuan kita memberi kemahiran dan pengetahuan asas sains kepada pelajar-pelajar kita mulai dari peringkat sekolah rendah. Selanjutnya di peringkat sekolah menengah selain daripada mata pelajaran Sains yang sedia ada, pelajar juga diajarkan mata pelajaran Kemahiran Hidup bagi memperkembangkan dan memantapkan lagi pengetahuan mereka dalam bidang sains dan teknologi. Kementerian Pendidikan juga telah memperbanyakkan lagi bilangan Sekolah Menengah Teknik dan Sekolah Vokasional untuk meningkatkan kemahiran ini.

Mengenai Persekolahan Satu Sesi yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari Maran dan juga Yang Berhormat dari Sungai Benut, ia masih dalam peringkat perancangan. Semua aspek kebaikan dan keburukannya sedang diambil kira termasuk pengajaran agama. Sebenarnya Kementerian Pendidikan belum membuat keputusan yang muktamad tentang sekolah satu sesi ini. Segala aspek tentang perkara ini sedang dikaji khususnya mengenai implikasi serta masalah-masalah yang mungkin timbul. Justeru itu perbincangan di peringkat pegawai-pegawai, kesatuan-kesatuan dan Persatuan Ibu Bapa dan Guru telah diadakan beberapa kali untuk mengkaji pelaksanaan Sekolah Satu Sesi ini.

Berkaitan dengan saranan Yang Berhormat dari Bukit Mas untuk menubuhkan sekolah vokasional di kawasannya, buat masa ini Kementerian Pendidikan belum ada rancangan membina sekolah menengah vokasional di kawasan tersebut, memandangkan capacity enrolment masih lagi kekurangan di sekolah vokasional di negeri Sarawak.

Menyentuh isu yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Aru berkenaan dengan proses penempatan guru di Sabah perlu dikajikan semula. Kementerian ingin memaklumkan bahawa sistem penempatan yang di-amalkan adalah untuk memberi keadilan kepada guru-guru yang dihantarkan berkhidmat di Sabah dan Sarawak.

Mengenai guru-guru bersara diambil semula, seramai 19 orang sudah dilantik semula di negeri Sabah. Pihak Jabatan Pendidikan negeri Sabah diberi kuasa untuk mengemukakan calon berdasarkan kepada kriteria yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan. Jabatan Pendidikan Sabah juga terlibat dalam menemudugakan calon-calon ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Kota Bharu, Dewan Bahasa dan Pustaka telah pun memberi anggaran peruntukan sebanyak RM25 juta setiap tahun dalam Rancangan Malaysia Keenam. Walau bagaimanapun keberkesanan penggunaan Bahasa Melayu bukanlah bergantung kepada peruntukan yang besar semata-mata. Keberkesanannya juga adalah bergantung kepada sikap pengguna serta komitmen pihak berkuasa yang terlibat dalam melaksanakannya.

Yang Berhormat dari Labuan juga mencadangkan supaya ada persefahaman di antara Kementerian Pendidikan, Kementerian Penerangan serta Kementerian Belia dan Sukan untuk menangani masalah sosial remaja ini.

Ingin saya jelaskan di sini, bahawa memang wujud kerjasama di antara empat Kementerian tersebut dan usaha sedang dijalankan untuk kita menyelaraskan aktiviti-aktiviti bagi memenuhi masa lapang remaja. Kementerian Pendidikan mengadakan aktiviti kurikulum di sekolah, manakala pelajar lepasan sekolah pula digalakkan menyertai Program Rakan Muda anjuran Kementerian Belia dan Sukan.

Mengenai cadangan Yang Berhormat dari Telok Intan supaya kerajaan mengiktirafkan ijazah dari universiti-universiti Taiwan, Jepun dan Korea, untuk makluman Ahli Yang Berhormat setakat ini kerajaan bercadang untuk mengiktirafkan kelulusan dari universiti-universiti ini, walaupun beberapa buah universiti di Korea dan Jepun telah mendapat pengiktirafan daripada Kementerian Pendidikan.

Mengenai permohonan pendaftaran Kolej Abad Baru yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mertajam, mengikut rekod-rekod yang ada setakat ini Kementerian Pendidikan belum ada menerima permohonan bagi perubahan dan pendaftaran kolej tersebut

.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa sudah cukup. minta sambung besok.

Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan hingga jam 2.30 petang besok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 8.00 malam.